

**DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KEDUA
MESYUARAT PERTAMA**

Bil. 20 **Khamis** **10 April 2014**

K A N D U N G A N

USUL MENANGGUHKAN BACAAN KALI YANG KEDUA DAN KETIGA RANG UNDANG-UNDANG DI BAWAH P.M.62	(Halaman 1)
JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
USUL: Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 24)
RANG UNDANG-UNDANG: Rang Undang-undang Bahan-bahan Kakisan dan Letupan Dan Senjata Berbahaya (Pindaan) 2013	(Halaman 45)
USUL-USUL MENTERI KEWANGAN: - Akta Persatuan Pembangunan Antarabangsa 1960 - Akta Kastam 1967 - Akta Cukai Jualan	(Halaman 87) (Halaman 92) (Halaman 99)

**MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KEDUA
MESYUARAT PERTAMA**

Khamis, 10 April 2014

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]

USUL

**MENANGGUHKAN BACAAN KALI YANG KEDUA DAN KETIGA
RANG UNDANG-UNDANG DI BAWAH P.M. 62**

10.04 pg.

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 62, Rang Undang-undang Yayasan Guru Tun Hussein Onn 2014 dan Rang Undang-undang Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan (Pindaan) 2013 seperti yang tertera di nombor 2 dan 3 dalam Aturan Urusan Mesyuarat pada hari ditangguhkan bacaan kali yang kedua dan ketiga dan dibawa ke mesyuarat akan datang.”

Tuan Yang di-Pertua: Ya, terima kasih.

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis] minta Perdana Menteri menyatakan pelan tindakan untuk memastikan golongan tidak bertanggungjawab yang mengadu domba dan melakukan provokasi antara kaum yang semakin meruncing, dikenakan tindakan sewajarnya dan sejauh manakah keberkesanan tindakan yang dijalankan setakat ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, selamat pagi. Tuan Yang di-Pertua, di dalam sesebuah negara demokrasi seperti Malaysia, hak-hak rakyat itu jelas diperuntukkan di dalam Perlembagaan Negara dan hak tersebut tidak pernah dinafikan mahupun diketepikan. Walau bagaimanapun, terdapat juga segelintir kumpulan yang menyalahgunakan hak-hak yang diberi. Kelompok ini ada kalanya lebih dipengaruhi oleh persepsi dan emosi tanpa berdasarkan fakta di dalam menyuarakan pendapat mahupun membuat pendirian dan kenyataan masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai Menteri yang bertanggungjawab pada hal ehwal perpaduan, adalah menjadi tanggungjawab saya untuk memastikan perpaduan dan keharmonian

antara masyarakat pelbagai kaum terus terpelihara. Ini dapat dilaksanakan melalui pengukuhan, peningkatan dan pemuliharaan berdasarkan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara. Pelbagai bentuk program dan aktiviti perpaduan negara dan integrasi nasional telah dilaksanakan selaras dengan Pelan Strategik JPNIN 2013-2017 yang menjadi panduan jelas dalam pelaksanaan dasar, program dan aktiviti perpaduan yang lebih komprehensif dan bersepada.

Di antara strategik itu ialah seperti berikut:

- (i) Program Perdana Perpaduan atau *Top Notes Program*;
- (ii) Pengukuhan Program Perpaduan;
- (iii) Pengukuhan Jalinan Sosial;
- (iv) Pendidikan Pendamaian;
- (v) Pengurusan Maklumat;
- (vi) Integrasi Nasional; dan
- (vii) Promosi Perpaduan.

Menyedari cabaran ini, JPNIN pendekatan melalui tujuh teras strategik di atas untuk meningkatkan, mengukuh dan memelihara perpaduan kaum melalui langkah-langkah berikut:

- (i) perluasan 6,580 Rukun Tetangga dan 3,959 skim rondaan sukarela di seluruh negara sehingga kini yang bertujuan untuk memperkasakan semangat kejiran dan kesukarelawan demi keselamatan dan keharmonian masyarakat melalui pelaksanaan sebanyak 100,000 aktiviti di peringkat akar umbi;
- (ii) peningkatan kesedaran masyarakat melalui Program Perpaduan Masyarakat dan Integrasi Nasional sebagai platform menyebarluaskan pendidikan perpaduan masyarakat melalui pelaksanaan sebanyak 182 Program JPNIN di kalangan masyarakat berbilang kaum dan latar belakang seperti Kelab Rukun Negara, Sekretariat Rukun Negara, Pertubuhan Persatuan Sukarela dan Badan Bukan Kerajaan; dan
- (iii) pengesanan pemantauan dan intervensi isu-isu sosial dan kejiran di peringkat komuniti yang mungkin boleh menimbulkan pergaduhan dan perbalahan di antara kaum supaya dapat diselesaikan melalui kaedah mediasi oleh 874 orang *mediator community* yang telah dilatih dan ditauliahkan
- (iv) meningkatkan persefahaman di kalangan penganut agama melalui Jawatankuasa Mempromosikan Persefahaman dan Keharmonian Di Antara Penganut Agama atau JMPKA yang terdiri daripada wakil pemimpin Islam dan bukan Islam seperti Hindu, Buddha, Kristian, Sikh, Tao dan Bahai.
- (v) Skuad *Unity* yang telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 9 Mac 2014 yang berperanan untuk menyelesaikan masalah masyarakat setempat dengan memberi perkhidmatan mediasi

keselamatan, kejiranan, pendidikan, perpaduan dan perdampingan sosial.

■1010

Skuad Unity adalah satu inisiatif baru dalam memperkasakan peranan Rukun Tetangga, skim rondaan sukarela, mediator komuniti dan kelab Rukun Negara dalam memberi perkhidmatan terbaik kepada komuniti terutama di kalangan generasi muda.

Skuad Unity akan menggerakkan komuniti berdasarkan pelaksanaan empat tunjang seperti berikut:

- (i) Tolong-menolong, yang memberi penekanan kepada sifat-membantu dalam masyarakat tanpa mengira kaum dalam memberi khidmat dan bantuan kepada masyarakat;
- (ii) Kerjasama. Hubungan kerjasama yang erat dengan pelbagai pihak seperti pertubuhan badan bukan kerajaan atau NGO dalam kawasan setempat, pemimpin masyarakat, jawatankuasa surau, rumah ibadat menjadi keutamaan *Skuad Unity* untuk memperkasakan peranan dan fungsinya;
- (iii) Hormat-menghormati. Penerapan sikap hormat-menghormati, toleransi antara kaum dan agama serta semangat muhibah di kalangan kejiranan terus diperkuuhkan melalui program dan aktiviti penggalakan perpaduan yang dijalankan dalam kawasan kejiranan;
- (iv) Jaringan. Perkongsian bijak dan jaringan dengan agensi-agensi kerajaan lain yang berteraskan khidmat sosial dapat mempertingkatkan khidmat yang diberikan *Skuad Unity* kepada masyarakat seperti jalinan kerjasama dengan jabatan kebajikan masyarakat, kementerian kesihatan, pihak berkuasa tempatan dan lain-lain agensi yang berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada langkah-langkah di atas, hala tuju atau *the way forward* dan perancangan masa hadapan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) turut merangkumi perkara-perkara berikut:

- (i) Majlis konsultasi perpaduan negara dalam menganjurkan 18 dialog perpaduan di seluruh negara mulai 22 Februari hingga 31 Mac tahun ini dan juga perbincangan meja bulat dengan kumpulan-kumpulan berkepentingan;
- (ii) menjalankan kajian bersama Institut Kajian Etnik (KITA) di UKM sebagai usaha mengukuhkan hubungan antara etnik untuk memelihara keharmonian masyarakat dan negara; dan
- (iii) menggalakkan lebih banyak siri wacana perbincangan meja bulat, seminar dan forum bagi percambahan idea dengan melibatkan golongan muda untuk meningkatkan kefahaman mengenai kontrak sosial Perkara 151 hingga 153, Perlumbagaan Persekutuan dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, kita sedia maklum semua bahawa Yang di-Pertuan Agong dalam titah ucapannya di Parlimen pada 10 Mac yang lepas telah menyeru agar semua pihak mengelakkan daripada membuat sebarang kenyataan atau tindakan bersifat provokasi dan menyentuh sensitiviti mana-mana pihak. Kerajaan amat bersungguh-sungguh memastikan rakyat hidup di dalam suasana aman dan harmoni.

Walaupun masih terdapat anasir-anasir yang cuba mengubah nikmat keamanan dan ketenteraman yang dikecapi selama ini, adalah dipercayai Tuan Yang di-Pertua, melalui langkah-langkah kepekaan dan kerjasama semua rakyat jelata, keharmonian dan perpaduan akan dapat terus dipupuk. Keamanan dan kebahagiaan dikekang untuk manfaat semua rakyat dan generasi yang akan datang selaras dengan wawasan negara dan Gagasan 1Malaysia. Sekian.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang menjawab soalan yang begitu panjang lebar, memperjelaskan tindakan, apakah perancangan tindakan provokasi kaum yang dilakukan oleh segelintir pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab dalam soal memperkuatkukan negara kita bagi keharmonian semua kaum.

Akan tetapi dalam soal ini sebenarnya masih banyak perkara yang harus dilaksanakan oleh pihak kerajaan dan Yang Berhormat Menteri kerana kekuahan perkauman ini amat penting sekali demi menjaga masa hadapan kita, demi masa anak-anak kita, demi masa anak-anak muda kita untuk memastikan negara kita berada dalam keadaan yang cukup sesuai dalam keadaan harmoni.

Dalam soal ini, soal percakapan ada ketikanya juga menyentuh hati dan menyentuh soal negara. Seperti yang dicontoh, satu hari semalam sahaja di sebuah bank berlaku pertengkaran antara kakitangan yang telah tersebar luas dalam *Facebook* di mana seorang pegawai dari Hong Leong Bank mengatakan dan mengherdik pekerja tersebut dengan mengatakan: “*This is Hong Leong Bank, Chinese Bank. You know? It's not your Najib's bank, Bank Bumiputera.*” Maknanya, ini soal yang boleh menyentuh perasaan. Menyentuh yang boleh mengeruhkan suasana kaum.

Dalam *blog* umpamanya, dalam laman *blog* hari semalam juga dimuatkan seolah-olah Menteri Komunikasi dan Multimedia Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek meletakkan berbagai-bagai perkara yang boleh menimbulkan provokasi.

Saya percaya ini bukan *blog* daripada kita, *blog* daripada tak tahu siapa. Saya tak tuduh sesiapa. Saya tak tuduh sebelah sanakah, sebelah sinikah. Oleh sebab itu saya katakan, kita kerana *blog* ini tidak kenal pasti yang meletakkan provokasi perkauman kaum. Meletakkan gambar edit Yang di-Pertuan Agong, meletakkan gambar yang cukup tidak senonoh sekali. Maka ini boleh menimbulkan perasaan yang tidak puas hati mungkin antara kaum. Ini yang menyukarkan kita, yang takutkan kita.

Jadi provokasi seperti ini, jadi saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah tindakan-tindakan *post-post* seperti ini sedangkan kita menyebut nilai-nilai penyatuan nasional yang dilaung-laungkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam soal penyatuan nasional 2014. Program yang untuk menyatupadukan kita semua supaya tidak

berlaku perkara yang tidak baik. Kita tidak hendak berlaku perkara seperti dahulu, perkauman yang bermusuhan antara satu sama lain.

Jadi apakah langkah kerajaan dalam hal ini untuk mengatasi provokasi kaum ini yang boleh kita lakukan seperti yang kita ada dahulu, ISA. Jadi adakah perancangan kerajaan untuk melaksanakan kembali program seperti itu? Soalan saya.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apabila saya mendengar sebentar tadi bahawa insiden sebenarnya berlaku seperti itu, maka saya ingin mengatakan bahawa walaupun kerajaan amat bersungguh-sungguh memastikan rakyat hidup dalam suasana aman dan harmoni, masih terdapat seperti mana yang di hujah oleh Yang Berhormat sebentar tadi. Masih terdapat anasir-anasir yang cuba merubah nikmat keamanan dan ketenteraman yang dikecap selama ini.

Dalam perkara itu, sehubungan dengan ini, maka saya percaya pihak-pihak yang berkuasa yang memegang undang-undang untuk mengambil tindakan terhadap ini ialah akan tidak teragak-agak untuk mengambil tindakan. Akan tetapi sehubungan dengan itu juga, saya berdiri di sini sering kali bercakap bahawa perkara ini boleh kita lakukan sendiri dengan tidak membuat apa-apa. Kita sedia maklum bahawa membuat provokasi terutama sekali dari segi keagamaan dan perkauman ini. Kita semua tahu bahawa perkara ini agak sensitif sekali. Jadi ini datang daripada kita sendiri untuk tidak menyentuh perkara itu.

■1020

Yang di-Pertuan Agong pun sudah bertitah bahawa elakkanlah untuk membuat ini. Tugas saya seperti mana saya katakan tadi sebagai seorang untuk menjaga perpaduan ialah untuk mengamankan rakyat. Kalau ada perkara yang berlaku seperti itu maka kita boleh bantu, beritahu kepada kamu agar membantu untuk membuat laporan kepada pihak-pihak tertentu supaya boleh disiasat dan tindakan undang-undang akan diambil. Kita mempunyai banyak undang-undang sekarang yang boleh mengatasi masalah ini. Seperti *the Penal Code*, Akta Hasutan, *the Sedition Act* dan sebagainya. Jadi saya berpendapat, sekali lagi saya menegaskan di sini bahawa mintalah sama ada daripada pihak sini atau pihak sana elakkanlah untuk mengeluarkan kata-kata yang memprovokasi. Kita semua tahu bahawa perkara ini agak sensitif dan senang bagi seseorang itu untuk menimbulkan satu kekacauan. Sekian.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri kerana ada banyak program untuk mempromosikan perpaduan. Tadi Yang Berhormat Lipis kata ada *blog-blog* yang tidak dikenali. Akan tetapi saya hendak bangkitkan perkara yang kita umum tahu siapa dalang yang memecahbelahkan masyarakat. Nombor satu adalah PERKASA. PERKASA pernah mengancam untuk membakar *Bible*. Yang Berhormat Menteri adalah seorang Kristian tetapi saya rasa sampai sekarang masih tidak ada siasatan yang telah dijalankan tetapi tidak ada orang didakwa atau dibawa ke mahkamah atau ke muka pengadilan.

Sebenarnya ini *clear cut case*. Sudah bercakap, sudah berdemo tetapi tidak ada tindakan. Ini adalah satu titik hitam. Kalau kita mengusahakan banyak program

menyatupadukan masyarakat tetapi segerintir ekstremis, dia boleh memecahbelahkan masyarakat dengan kata-kata tetapi tidak ada tindakan daripada kerajaan. Saya hendak bagi tahu malah PERKASA diberi *funding* daripada Majlis Tindakan Negara, Majlis Keselamatan Negara, BTN dan JASA.

Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Mana boleh fitnah macam itu. *That's over the board. You jangan fitnah macam itu.*

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Duduk. Macam *you kata...*

Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Cakap jangan fitnah.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Tuan Yang di-Pertua, *this is my floor, please duduk. Yang Berhormat Baling duduk.*

Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: *No this is not your floor.* Dia mengelirukan Dewan.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Yang Berhormat Menteri sudah jawab.

Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Mana boleh mengelirukan Dewan.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Yang Berhormat Menteri sudah jawab.

Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: *You jangan kelirukan Dewan.*

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Duduk, duduk. Yang Berhormat Menteri sudah jawab bahawa memang ada peruntukan untuk PERKASA okey. Jadi saya hendak tanya ini adalah *clear cut case* bahawa kerajaan menyokong PERKASA. Ini adalah bertentangan dengan dasar kerajaan yang cuba memupuk perpaduan tetapi sekarang ini telah bercanggah dengan dasar kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Satu lagi isu ketiga adalah media yang *dicontrol* oleh UMNO Barisan Nasional, kerajaan seperti *Utusan Malaysia... [Dewan riuh]*

Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Ini soalan jauh Tuan Yang di-Pertua. Soalan jauh melencong.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: *Utusan Malaysia* berkali-kali...

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat Bayan Baru.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Duduk Yang Berhormat.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Saya...

Tuan Yang di-Pertua: Duduk dulu Yang Berhormat. *[Dewan riuh]*

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Tidak boleh biar dia.

Tuan Yang di-Pertua: Duduk Yang Berhormat. Masih saya hairan sehingga saat saya bercakap ini, kenapa masih ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang suka berhujah mengenai dengan hal-hal yang sudah diketahui akan mengundang reaksi negatif dari sebelah, sama ada daripada sebelah sini berhujah ataupun sebelah sini berhujah. Kalau begitu nanti, pernah dibuat di *House of Common* di mana Speaker, setiap wakil rakyat yang dianggap menimbulkan kekecohan, dia cam, dia tidak panggil untuk berucap. Saya akan buat itu satu hari nanti kerana bukan salah

saya, begitu. Yang Berhormat Bayan Baru telah hantar memo kepada saya minta supaya soalan tambahan dibuat. Saya dengan begitu ikhlas hati, saya bagi. *[Dewan riuh]*

Ahli Yang Berhormat yang lain tolong senyap. Tolong senyap Ahli-ahli Yang Berhormat. Bukan ramai yang duduk sini, Yang Berhormat semua jaga. Saya menjaga 222. Tolong Yang Berhormat Bayan Baru, jangan lagi cabar kesabaran saya.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak ingin mencabar. Saya cuma hendak tanya soalan sebab ada banyak yang telah berlaku... *[Dewan riuh]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat saya tidak payah untuk sebut peraturan mesyuarat. Cuba selepas Yang Berhormat duduk, baca peraturan mesyuarat ini, apabila bertanya soalan tambahan, soalan tidak lebih daripada satu rangkai. Tetapi oleh kerana kesabaran saya, kadang-kadang saya biarkan empat, lima rangkai tidak apa asalkan Yang Berhormat Menteri menjawab.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Okey terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sudah tiga isu Yang Berhormat buat. Yang lain itu pun tidak ada kena mengena dengan soalan, tidak apa saya biarkan. Akan tetapi jangan sama sekali mengundang reaksi negatif daripada sebelah dan biasanya kalau soalan itu ada *political connotation*, ada unsur-unsur politik, menuduh dan sedemikiannya, itu sebab jadi masa hilang.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jadi soalan kepada kerajaan adalah adakah *funding* kepada PERKASA itu bercanggah dengan dasar kerajaan untuk menyatupadukan masyarakat Malaysia, menyatupadukan Malaysia. Terima kasih.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Tuan Yang di-Pertua, saya juga bersetuju dengan Tuan Yang di-Pertua di mana hujah sebentar tadi itu bukan menyatupadukan kita tapi mengundang berpecah belahan pula. *[Ketawa]* Saya sebenarnya mengalui-alukan soalan yang boleh menjuruskan keharmonian dan keamanan tetapi soalan Ahli Yang Berhormat sebentar tadi itu bukan yang tidak berapa kena mengena ke atas apa yang saya hujahkan sebentar tadi.

Berkaitan dengan PERKASA sebentar tadi, saya percaya laporan-laporan tertentu sudah dibuat dan saya sudah berulang kali bercakap bahawa kerja saya ialah untuk menyatupadukan rakyat. Jadi tindakan undang-undang untuk menyiasat dan sebagainya itu ialah diletakkan dalam kementerian yang lain. Jadi saya percaya kementerian yang lain boleh membuat jawapan yang lebih terperinci lagi ke atas soalan Yang Berhormat sebentar tadi itu. Terima kasih.

2. Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak] minta Perdana Menteri menyatakan apakah usaha dan langkah yang diambil oleh pasukan keselamatan negara untuk memantapkan Operasi Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah (ESSCOM) selaras Dasar Pertahanan Negara.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]: Tuan Yang di-Pertua, Dasar Pertahanan Negara telah menetapkan bahawa mempertahankan kepentingan negara adalah teras kepada pemeliharaan kedaulatan negara, keutuhan wilayah dan

kesejahteraan hidup rakyat. Untuk memenuhi dasar ini, konsep pertahanan menyeluruh yang memerlukan komitmen yang utuh daripada semua sektor adalah kunci kepada kejayaan. Selain daripada itu Dasar Pertahanan Negara juga menggariskan bahawa Malaysia mempraktikkan konsep pertahanan yang bersifat defensif dan menumpukan kepada perhubungan baik serta kerjasama serantau.

Di ESSCOM, struktur organisasi jabatan ini telah mencerminkan kepelbagaiannya agensi iaitu ATM, PDRM, APMM dan juga pihak awam di dalam melaksanakan operasi untuk menentukan kawasan Timur Sabah iaitu ESSZONE bebas daripada anasir-anasir yang tidak diingini. Agensi lain juga turut terlibat seperti Kastam Diraja Malaysia, imigresen, Jabatan Pendaftaran dan sebagainya. Adalah jelas. Bahawa operasi ESSCOM telah mematuhi prinsip asas Dasar Pertahanan Negara. Pada ketika ini ESSCOM telah memberi tumpuan terhadap operasi menangani pelbagai isu bukan tradisional termasuklah keganasan. ESSCOM telah mengambil beberapa pendekatan termasuk secara hubungan dua hala dengan negara jiran.

■1030

Dalam masa yang sama ESSCOM juga terlibat dalam membangun sosioekonomi di samping menanamkan semangat patriotisme di kalangan penduduk tempatan.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, lanjutan daripada penjelasan dan jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri sebentar tadi Pengarah ESSCOM Datuk Mohammad Mentek juga telah mengeluarkan kenyataan sempena ulang tahun pertama penubuhan ESSCOM pada 1 April yang lalu dengan menyatakan bahawa ESSCOM telah mencapai matlamatnya iaitu untuk menghalang orang-orang asing dan penceroboh masuk ke negeri Sabah.

Namun apa yang kita saksikan ulang tahun pertama penubuhan ESSCOM disambut dengan kekecewaan dan kehancuran. Harapan rakyat Sabah untuk melihat ESSCOM ini berperanan menjamin keselamatan rakyat negeri Sabah dengan insiden penculikan seorang pelancong daripada negara China. Persoalan yang kita bangkitkan ialah kerajaan seolah-olah memberikan harapan yang palsu kepada rakyat Sabah berhubung keselamatan dan keharmonian rakyat dan juga pelancong.

Saya dimaklumkan semalam industri penerbangan dalam negara kita juga telah melaporkan bahawa terdapat penurunan daripada jumlah pelancongan ke negeri Sabah bukan kerana insiden MH370 tetapi kerana isu penculikan yang berterusan di Semporna dan beberapa tempat di negeri Sabah. Baru-baru ini kita dengar Yang Berhormat Sandakan telah mengemukakan satu usul berhubung isu yang penting demi keselamatan rakyat negeri Sabah. Yang Berhormat Menteri telah memberikan jawapan bahawa kerajaan telah bersetuju untuk menambahkan aset bagi operasi ESSCOM demi menjamin keselamatan.

Persoalan saya Tuan Yang di-Pertua ialah apakah Yang Berhormat Menteri boleh memberi jaminan dalam Dewan yang mulia ini bahawa dengan *deployment of asset* yang baru bagi membantu operasi ESSCOM ini boleh memberikan jaminan keselamatan kepada rakyat Sabah atau Yang Berhormat Menteri mengaku bahawa ESSCOM telah gagal mencapai

matlamatnya walaupun sejumlah peruntukan RM300 juta telah diberikan kepada ESSCOM? Akan tetapi insiden-insiden seperti ini masih berulang dan kerajaan telah gagal memberikan jaminan keselamatan kepada rakyat di negeri Sabah. Saya pohon penjelasan.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali apabila berlaku pencerobohan kita mengadakan Ops Daulat dan semasa itulah peruntukan telah diberi sebanyak RM200 juta, bukan RM300 juta. Ia disalurkan kepada semua agensi ataupun komponen sebelum ESSCOM ditubuhkan lagi iaitu kepada tentera, kepada polis, APMM dan juga lain-lain. Malah ESSCOM sendiri sebagai satu agensi menerima RM2 juta lebih. Jadi itu kedudukannya di peringkat awal. Selepas itu ESSCOM ditubuhkan. Pertama sekali ialah kita hendak pastikan supaya pencerobohan yang mempunyai titik sejarah hitam ini tidak berulang.

Jadi apabila Ketua Pengarah ESSCOM menyebut bahawa kejayaan sebab pencerobohan, Yang Berhormat ini adalah pencerobohan. Apa yang berlaku baru-baru ini ialah jenayah rentas sempadan. Jadi, saya maklumkan dalam usul yang lepas bahawa kita cuma ada 11 buah pulau Yang Berhormat. Jadi daripada semua pulau tersebut, lapan pulau masih beroperasi iaitu Lankayan, Mabul, Mataking, Pom Pom, Selingan, Bum Bum, Kepalai, Bilian. Ini masih beroperasi. Kemudian dua *resort* telah pun ditutup kerana memang tidak menarik Pulau Mandi Darah, nama pun tidak berapa elok dan Pulau Libaran. Kemudian satu *resort* masih lagi belum beroperasi.

Yang Berhormat, di semua *resort* ini kita ada anggota keselamatan kecuali di Pulau Singamata. Yang ini jarak tujuh minit daripada Semporna dan ia sebahagian daripada Pulau Bum Bum itu, batu-batuan. Jadi, anggota keselamatan bergerak menjalankan tugas mereka membuat rondaan. Cuma orang yang buat kerja menculik ini, dia juga pandai mengatur dan kalau kita kepada Kementerian Pelancongan Sabah semalam dia kata mungkin ada orang dalam sebab apabila kita pergi sahaja, dia menculik.

Jadi sekarang ini, inilah satu pulau yang belum lagi ada pulau yang ada anggota keselamatan sebab yang ada cuma 40 chalet. Sekarang kita tempatkan anggota keselamatan di sana dan rondaan berjalan terus. Aset yang kita dapat, ia akan dapat meningkatkan rondaan dan sekarang ini kalau keputusan kerajaan ialah kita akan menubuahkan 11 batalion iaitu lima daripada ATM dan juga enam daripada PDRM, yang sedia ada sekarang ini adalah dua daripada ATM dan tiga daripada PDRM. Kehadiran anggota dan aset dapat meningkatkan kawalan keselamatan.

Saya tidak perlu menyebut jaminan dengan kehadiran semua pasukan keselamatan di setiap pulau yang kita stesenkan di sana, *insya-Allah* kita akan membuat yang terbaik untuk memastikan supaya keselamatan terjamin. Inilah kawasan, bukan kawasan Sabah Yang Berhormat, kawasan ESSZONE, kawasan Timur Sabah, bukan seluruh Sabah. Kita kena ingat bahawa ESSCOM ini tugasnya ialah menjaga keselamatan, tugas-tugas lain kita ada pejabat daerah, kita ada lain-lain. Kita ada Ahli Parlimen, kita ada 11 Ahli Parlimen di sana dan 27 Dewan Undangan Negeri. Jadi, semua pihak memberi perhatian untuk memastikan supaya keselamatan kawasan ini dapat terjamin. Paling penting ialah kita hendak pastikan supaya orang yang menjadi

tetamu kita terutamanya pelancong-pelancong rasa selamat apabila mereka berada di kawasan ini.

Saya tahu bahawa kekecewaan berlaku apabila insiden ini terjadi. Semua pihak, kita pun kira luar biasa tidak puas hati kepada apa yang berlaku. Akan tetapi ia telah berlaku dan peningkatan aset dan juga anggota keselamatan. Kita berdoa semoga kawasan ini dapat terus dipertahankan keselamatan. Keduanya, hendak tutup ESSCOM, hendak tubuhkan apa? Kita kena ingat itu. Adakah dengan menutup ESSCOM, kita hendak tubuh apa sebab kita perlu satu koordinasi keselamatan di sini. Kalau tidak, kalau masing-masing beroperasi cara masing-masing, polis cara polis, tentera cara tentera dan juga APMM cara APNM, akan ada *overlapping* sebab dengan cara kita aturkan kerja ini, sekurang-kurangnya ia boleh memastikan supaya tidak berlaku *overlapping* di antara satu dengan lain. Dalam masa yang sama kita hendak elak supaya pihak penculik sekarang ini sudah canggih, sudah cerdik, dia mengetahui pergerakan keselamatan dan dengan itu dia cuba masuk ruang-ruang atau lompong-lompong yang kosong semasa tidak ada keselamatan.

Ini kita hendak pastikan supaya semua lompong ini dapat diisi dan kita akan terus memberi perhatian kepada keselamatan. Doa kita ialah semoga perkara ini tidak berulang lagi dan semoga orang yang dalam kawasan ESSCOM, ESSZONE dan juga pelancong-pelancong berasa selamat apabila mereka berada di sana. Malah semalam ada kawan daripada pihak pembangkang dan sebagainya mencadangkan boleh tak kami pergi tengok tempat ini? Akan dijawab kemudian.

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita sedap dengar jawapan Yang Berhormat Menteri. Dalam usul yang dikemukakan beberapa hari dahulu saya ada mencadangkan ESSCOM tidak ada taring sama sekali.

■1040

Tidak ada taring sebab tidak ada ketua dalam ini. Ini kerana kita nampak Pengarah ESSCOM ini dia *civil servant*. Dia tidak ada taring. *Toothless tiger*. Dia tidak ada taring. Jadi, kerajaan masih lagi memikirkan bahawa ESSCOM dapat menyelamatkan. Jadi persoalan saya, Yang Berhormat Menteri boleh bagi jaminan bahawa ESSCOM ini boleh menjaga keselamatan di Pantai Timur sedangkan ada di dalam kementerian, Timbalan Menteri mengatakan tutup semua *resort-resort* ini. Saya minta supaya ia ditarik balik. Tidak tarik balik, jadi rakyat Sabah marah kerana apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Jadi, persoalan saya, bolehkah Yang Berhormat Menteri bagi jaminan bahawa ESSCOM ini boleh lagi dipercayai.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, *insya-Allah*. Sekurang-kurangnya Menteri ini cakap dan bagi pihak kerajaan kita hendak pastikan kehadiran ESSCOM yang pertama tadi iaitu menjaga keselamatan daripada pencerobohan itu kita bagi perhatian habis-habisan. Keduanya, memastikan supaya jenayah merentasi sempadan ini dapat dikurangkan dan kalau boleh tidak ada langsung. Yang Berhormat sedia maklum, sebenarnya kawasan ini juga adalah kawasan yang cukup aktif dalam Malaysia ini. Saya bagi contoh apa

makna aktif ini. Di antara kawasan yang aktif di Malaysia ini ialah Padang Besar, Perlis – aktif. Kemudian Rantau Panjang – aktif.

Sebab apa? Kehadiran ramai tentera semut. Tentera semut ini berjalan kaki. Mereka membawa barang yang diseludup dalam kecil-kecilan, beras dan sebagainya. Ini pun aktif tetapi mereka menggunakan jalan air, kawasan penyeludupan yang cukup aktif. Jadi, kita menghadapi perkara-perkara begini tetapi ini adalah merupakan cabaran kepada kerajaan untuk mempertahankan wilayah kita supaya tidak disentuh. Kita hendak pastikan supaya mana-mana pihak tidak boleh mengambil kesempatan di atas sifat baik kita mempertahankan negara ini untuk membuat apa-apa perkara yang tidak diingini.

Kita juga telah meningkat usaha-usaha lain yang saya tidak perlu sebut di Dewan ini, supaya hubungan dua hala di antara negara kita dengan negara jiran itu dapat dipertingkatkan. Kita sedia maklum bahawa di tempat yang menjadi sarang kepada penculikan ini, tempat itu pun baru sahaja ditenteramkan melalui perjanjian baru-baru ini. Jadi, itulah antara faktor yang menyumbang kepada apa yang berlaku di tempat kita iaitu mereka cuba bawa budaya itu ke kawasan ini.

Jadi, kita hendak pastikan supaya *resort* yang ada, kawasan aktiviti kehidupan yang ada di sana tidak ditutup. Oleh sebab ia mesti berterusan kecuali operator-operator yang sengaja mengambil orang asing tanpa dokumen untuk menjalankan operasi *resort* mereka, mereka akan menerima amaran, penutupan dan sebagainya. Sekarang ini dalam operasi yang kita buat oleh ESSCOM, seramai 32 orang sudah pun ditangkap kerana tidak mempunyai dokumen yang sah. Sama ada ‘Minnie’ yang ditangkap, seorang warganegara *Philippines* itu, ada dokumen yang sah atau tidak. Biarlah Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri menjawab tentang ‘Minnie’ itu sendiri sama ada dia mempunyai dokumen itu ataupun tidak.

Demikianlah apa yang berlaku dan kita hendak bersihkan benda ini. Apabila benda ini kita bersih, kita berharap tidak ada lagi mana-mana pihak yang boleh bersekongkol dengan penculik sehingga berlaku apa yang telah berlaku. Persekongkolan itu kadang-kadang itulah yang menimbulkan masalah tetapi penculik hendak datang cara kosong tentu dia tidak berani sebab kehadiran ESSCOM yang begini besar dan juga aset yang mencukupi. Saya rasa tidak mungkin mereka boleh berbuat demikian.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Tuan Yang di-Pertua, boleh satu lagi?

Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]: Tuan Yang di-Pertua, lagi soalan tambahan. Soalan ini penting.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Ini Gelang Patah...

Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]: Bukankah benar bahawa kenyataan hari ini *Director General* ESSCOM untuk mempertahankan *track record* mengenai ESSCOM. Sungguhpun berlaku penculikan dan sungguh pun beliau ada mengakui pada hari *anniversary*, dia kata adalah bahawa mencegah *kidnapping* dan kegiatan jenayah berlaku menunjukkan dia dipaksa untuk, dengan izin, *eats his own words*. Seorang Ketua Pengarah yang perlu untuk *eats his own words* sungguh pun Ketua Komunikasi ESSCOM pun ada kata bahawa ESSCOM

powerless untuk buat apa-apa *direction* kepada *military* atau polis untuk ambil tindakan. Tunjuk bahawa masalah ialah kenapa kita tidak boleh adakan seorang ESSCOM yang berkewibawaan dan ada *authority*.

Bukankah ini perlu satu keputusan oleh Kabinet supaya *Director General ESSCOM* ada kuasa sepenuhnya terhadap aspek. Tidak kira Sabahan atau *civilian*, ada kuasa untuk menjalankan tugas ESSCOM? Sesiapa yang *subordination*, ambil tindakan. Adakah Kabinet rela buat begitu. Kedua, adakah Kabinet- Yang Berhormat Menteri untuk cadangkan kepada Kabinet, mengarahkan Timbalan Menteri Dalam Negeri supaya tarik balik kenyataan bahawa tutup semua *resort-resort align seas in Sabah* supaya ini bukan pendirian kerajaan.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat, untuk perbandingan Yang Berhormat sebab jadi wakil rakyat, begitu lama. Yang Berhormat masih ingat RASCOM di Sarawak. RASCOM itu kita isytiharkan darurat. Makna, kuasa eksekutif terus kepada Ketua RASCOM itu untuk bertindak masa dulu, zaman komunis kita isytihar darurat. Akan tetapi ESSCOM ini kita tidak isytiharkan darurat. Jadi, kita ambil pendekatan iaitu penyelarasan aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh pihak tentera, polis dan juga APMM. Akan tetapi dalam kes ini, APMM, arahan itu datang daripada ATM. Jadi, kita ada ATM dan juga PDRM. Kita selaraskan walaupun kita tahu bahawa arahan-arahan lain dan sebagainya datang daripada ketua masing-masing. Itu sebab kita kena ingat ini ialah kawasan keselamatan, bukan kita isytihar darurat ya.

Oleh itu, perkara-perkara yang lain, dia mesti datang daripada tentera dan juga polis. Itu penting sebab ia melibatkan aspek-aspek yang lain seperti kalau jenayah, kena bawa pergi mahkamah dan sebagainya. Jadi, penyelarasan ini telah membolehkan kita mempertahankan negara ini daripada diceroboh. Matlamat kita yang pertama, jangan ada pencerobohan macam Lahad Datu. Itu kejayaan kita. Yang pertama, hendak pastikan supaya negara ini selamat daripada diceroboh dalam kumpulan yang besar dan sebagainya. Ini ialah jenayah. Jenayah yang rentas sempadan ini kita kena hadapi habis-habisan dan polis terlibat secara langsung dengan jenayah.

Penguatkuasaan dibuat oleh APMM, polis dan juga ATM. Jadi, kalau tidak selalunya PDRM dan juga APMM sahaja. Akan tetapi sekarang ini ATM terlibat dalam penguatkuasaan. Ada satu insiden yang berlaku dan ESSCOM baru ditubuhkan satu tahun Yang Berhormat, bukan bertahun-tahun. Baru satu tahun. Apa yang telah mereka buat, kita lihat terutamanya dalam usaha sekarang ini, menambahkan aset, menambahkan kakitangan. JPA telah memberi kelulusan kepada permohonan kakitangan tetapi pengambilan kakitangan dia ambil masa sedikit. Walau bagaimanapun, kita telah gerakkan anggota daripada tempat lain dan aset daripada tempat lain untuk ditempatkan di kawasan ini. Jadi, *insya-Allah* Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat pergi ke sana nanti, saya dengar cerita ada rombongan daripada DAP, PKR dan PAS ingin melawat tempat tersebut. Kami Barisan pun ingin tempat tersebut. Kita akan melihat sendiri sebagai pelancong dan sebagainya. *Insya-Allah*, kalau kita pergi sebagai pelancong, kita muh supaya semua kita berada dalam kawasan, berada dalam pemikiran yang kita ini selamat. Saya sendiri akan hadir minggu ini. Saya sebut secara terbuka sebagai pelancong. Saya hendak

tengok aktiviti apa yang telah dijalankan di sana. Akan tetapi saya hendak beritahu bahawa ESSCOM, tentang apa yang berlaku, kita tingkatkan usaha kita di tahap yang cukup tinggi.

■1050

Sama ada ketua harus mendapat kuasa eksekutif untuk memberi arahan dan bukan koordinasi seperti sekarang, hal ini akan dimaklumkan oleh pihak kerajaan dari semasa ke semasa.

3. **Dato' Henry Sum Agong [Lawas]** minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada kerajaan bercadang untuk melindungi kanak-kanak di Malaysia daripada bahaya penyakit 'Pneumococcal' dengan memberi suntikan ubat yang boleh mengelakkan penyakit tersebut merebak di kalangan kanak-kanak.

Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Lawas. Penyakit *pneumococcal* adalah sejenis jangkitan yang disebabkan oleh bakteria *Streptococcus pneumoniae*. Jangkitan boleh menyebabkan radang dalam telinga atau pun akut otitis media, sinusitis, radang paru-paru ataupun pneumonia, meningitis dan juga septisemia.

Kanak-kanak di bawah umur lima tahun paling berisiko untuk mendapat jangkitan *pneumococcal*. Vaksin *pneumococcal conjugate* boleh mencegah jangkitan *pneumococcal* di kalangan kanak-kanak. Kementerian Kesihatan Malaysia telah meneliti isu berkaitan pemberian vaksin *pneumococcal conjugate* ini.

Buat masa ini, kementerian belum bercadang untuk memberi pelalian vaksin *pneumococcal* secara rutin kepada semua kanak-kanak kerana, satu, beban penyakit *pneumococcal* di Malaysia adalah rendah. Pada tahun 2011, hanya 71 kes penyakit *pneumococcal invasive* di kalangan kanak-kanak berumur lima tahun ke bawah yang dirawat di hospital kerajaan.

Kedua, Malaysia tidak memenuhi kriteria untuk masukkan vaksin *pneumococcal* ke dalam program Imunisasi Kanak-kanak Kebangsaan yang dikeluarkan oleh WHO pada tahun 2012 iaitu sekiranya kadar kematian kanak-kanak bawah lima tahun adalah melebihi 50 kematian bagi setiap 1,000 kelahiran hidup, maka pelalian vaksin *pneumococcal* mesti diberikan secara rutin. Ini kerana kematian kanak-kanak bawah umur lima tahun di Malaysia adalah jauh lebih rendah iaitu 8.1 bagi setiap 1,000 kelahiran hidup. Ini pada tahun 2012.

Ketiga, *stereotype matching* antara *stereotype* di Malaysia dengan yang ada dalam vaksin ini adalah rendah. Risiko *stereotype replacement* juga boleh berlaku dengan peningkatan kes pneumonia yang disebabkan oleh *stereotype* yang tidak dilindungi oleh vaksin *pneumococcal*. Maka, penyakit *pneumococcal* dan kematian akibat jangkitannya masih tidak dapat dicegah sepenuhnya, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Henry Sum Agong [Lawas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri di atas jawapan yang diberikan. Kita difahamkan bahawa begitu ramai khususnya di kalangan kanak-kanak menjadi mangsa kepada penyakit *pneumococcal* di negara kita. Sedangkan kanak-kanak ini adalah aset masa depan Malaysia. Soalan saya, apakah

tindakan selanjutnya pihak Kementerian Kesihatan Malaysia supaya mengelakkan penyakit tersebut daripada merebak? Sekian, terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, saya sudah menjawab tadi bahawa insiden kes *pneumococcal* – kematian disebabkan *pneumococcal* ini adalah rendah di Malaysia. Apa yang saya sebut tadi hanya 8.1 kes kematian berlaku per 1,000 kelahiran.

Bagaimanapun, kementerian sedang meneliti perkara ini dan setakat ini Tuan Yang di-Pertua, apa yang telah kita buat, kalau kita hendak bagi vaksin ini, ia ada tiga jenis vaksin iaitu:

- (i) vaksin PCV7;
- (ii) vaksin PCV10; dan
- (iii) vaksin PCV13.

Kalau dilihat dalam *stereotype* yang ada di Malaysia ini, *pneumococcal* ada 90 *stereotype*. Jadi vaksin yang ada cuma yang paling kuat adalah yang PCV13 yang *coverage* nya Tuan Yang di-Pertua dengan izin, hanya untuk 13 *stereotype*. Ini bermakna kalau kita bagi ini, ia tidak menyeluruh. Jadi kesannya juga tidak dapat mengurangkan dengan signifikan, Tuan Yang di-Pertua. Jadi sebab itu kita masih mengkaji perkara ini, Tuan Yang di-Pertua.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Malaysia juga telah mencapai kategori negara dengan kadar kematian yang agak rendah kerana kurang dari 10 kematian bagi setiap 1,000 kelahiran hidup. Kadar kematian kanak-kanak bawah lima tahun telah berjaya diturunkan daripada 70.2 kematian setiap 1,000 orang pada tahun 1995 kepada 7.7 kematian setiap 1,000 kelahiran pada tahun 2012.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menekankan kesemua sasaran matlamat pembangunan milenium perlu dicapai sebelum tahun 2015. Soalan saya, apakah langkah-langkah kerajaan yang lain untuk mencapai sasaran MDG 4 dengan izin, Malaysia iaitu kadar kematian kanak-kanak bawah lima tahun pada tahap di bawah 5.6 kematian setiap 1,000 kelahiran hidup pada tahun 2015? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Bagan Serai. Di Malaysia, kita ada program *vaccination* untuk kanak-kanak bawah lima tahun. Ini sudah berjalan lama dan memang ini dapat mengurangkan kadar kematian. *Vaccination* yang kita bagi adalah 11 jenis. Contohnya macam tibi, kita beri masa lahir. Bakteria Tetanus, *whooping cough* dan *haemophilus influenzae* kita bagi tiga kali iaitu masa umur dua bulan, tiga bulan dan juga lima bulan dan *booster dose* pada umur 18 bulan. Satu lagi polio. Kemudian yang *measles*, *mumps*, *rubella*, kita beri pada umur 12 bulan dan juga tujuh tahun. Hepatitis B kita bagi masa hari lahir dan juga pada satu bulan dan juga enam bulan. HPV pula, yang ini umur sudah 13 tahun kita bagi. Ini hendak mencegah penyakit kanser.

Jadi bermakna program ini diteruskan dan kita memang berterusan mengkaji bagaimana lagi untuk hendak mengurangkan kematian pada umur di bawah lima tahun ini, Tuan Yang di-Pertua.

4. **Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah kemudahan solat dan tandas di blok kuarantin penjara Pengkalan Chepa memenuhi syariat. Apakah alasan pihak penjara hanya menyediakan air tidak mencukupi dua kolah dan hanya menyediakan baldi untuk para penghuni penjara blok kuarantin untuk membuang air besar secara terbuka di depan penghuni yang lain. Apakah penekanan syariat, kebersihan dan maruah dititikberatkan dalam blok kuarantin penjara Pengkalan Chepa.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Terima kasih Yang Berhormat. Sebelum saya menjawab soalan Yang Berhormat, biarlah saya buat penjelasan sikit saja berhubung dengan *statement* saya yang banyak diheboh hebahkan dalam surat khabar.

Sebenarnya apa yang saya sebut, satu rangka perkataan saja Yang Berhormat. Rangka perkataan saya sedemikian kalau, “*If I can help my way, all the isolated resort in the red area zone ought to be closed. But, we cannot for reason it is a big tourism infrastructure*”. Jadi saya kata sambung lagi, “*Then the resort operators must contribute to the safety of their resort*”. Ini yang saya kata.

Akan tetapi *the first part* itu yang banyak dipakai. Akan tetapi tengok dalam *blog*, tengok dalam *New Straits Times online*, tengok dalam itu. Jadi tidak mengapalah memang hendak baca surat khabar saja dan benda itu dicakap sedemikian rupa. Jadi saya tidak mengapa.

Saya pernah, *I was the man who form the RASCOM*, Tuan Yang di-Pertua. Saya tahu konsep dan macam mana pelaksanaan dia. Saya mengkaji sejarah *settlement of-* semasa darurat di Semenanjung, Kampung Baru diwujudkan. Semasa *the RASCOM settlement di-operation* saraf diadakan, *this all the same concept* dia.

Jadi saya mendengar penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri tadi, saya setuju, itu zaman *emergency*. Ini zaman tidak ada *emergency* lagi dan kita beroperasi, ESSCOM menjadi koordinator dan bukan menjadi *director of operation* macam RASCOM dan *templar operation* dulu.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, kalau perkataan saya itu telah di *twisted* oleh pihak tertentu – kerana saya bercakap dengan seorang dalam *hand phone* sahaja. Saya secara terbuka lah, tidak ada masalah, meminta maaf kepada orang-orang Sabah yang telah salah menginterpretasikan apa yang ditunjuk dalam surat khabar, bukan apa yang disebut oleh saya sebenarnya.

■1100

Jadi Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua juga terasa. Saya tidak mengambil apa perasaan Yang Berhormat daripada Kalabakan, kawan saya. Yang Berhormat daripada...

Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok]: Bilakah hendak jawab soalan Bachok ini?

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Jadi itu secara ringkas Tuan Yang di-Pertua. Saya sebenarnya...

Tuan Yang di-Pertua: Ya Yang Berhormat. Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan berhak untuk respons kepada apa yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain. Yang Berhormat, kadang-kadang itulah kalau boleh saya gunakan perkataan orang putih, *that is the price sometime we have to pay in democracy, unless we know the real meaning*

of democracy. Apabila kita berhujah mesti diiringi oleh tanggungjawab sebagai wakil rakyat baru perkara-perkara begini hilang. Kadang-kadang perasaan seseorang terhiris kita tidak jaga oleh kerana kalau boleh saya gunakan lagi istilah daripada Yang Berhormat Bintulu. Saya tanya, apa makna kongkalikung. Ini kerana saya mahu tahu. Dia jelaskan kepada saya...

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Bintulu, duduk Yang Berhormat Bintulu. Saya tidak tahu makna dia. *[Disampuk]* Makna dia ialah dia kata apabila kita berucap kita suka dengar suara kita dengan isi hujah kita. Jadi ingat itu Ahli-ahli Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sila, teruskan.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sudah faham Parlimen Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya tidak mengambil hati dan tidak berasa marah pun. Terima kasih sokongan Tuan Yang di-Pertua.

Untuk menjawab soalan daripada Yang Berhormat Bachok, soalan ini melibatkan soalan syariah Yang Berhormat. Untuk makluman, tanggungjawab Jabatan Penjara adalah melaksanakan pemulihan banduan tanpa mengabaikan aspek keselamatan. Oleh itu, salah satu langkah keselamatan yang diambil ialah menyediakan blok kuarantin yang merupakan penempatan sementara bagi banduan yang baru dimasukkan ke penjara atau balik dari mahkamah. Tujuan banduan berkaitan di tempat di blok kuarantin adalah untuk keselamatan diri banduan berkenaan, banduan lain serta penjara. Ia dapat mencegah tindakan yang tidak diingini boleh membahayakan kerana pada peringkat awal kemasukan atau selepas sesuatu pembicaraan seorang banduan berada dalam keadaan agak tertekan dan memerlukan perhatian rapi.

Di samping itu, ia mampu mencegah kemasukan artikel larangan ke dalam penjara yang dibuat oleh banduan terutamanya melalui kaedah menelan atau memasukkan ke dalam rektum. Segala kemudahan asas di bekal kepada banduan ditempatkan di blok kuarantin Penjara Pengkalan Chepa termasuk kain basahan untuk kegunaan mandi, bekalan air bersih untuk tujuan pembersihan diri, mengambil air sembahyang, bekalan air masak untuk minuman, kemudahan menunaikan ibadat solat, dan lain-lain kemudahan seperti banduan lain. Kemudahan asas untuk penghuni sentiasa dipertingkatkan dari semasa ke semasa.

Jabatan Penjara mengucapkan terima kasih di atas cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat yang melibatkan Penjara Pengkalan Chepa, ianya diberikan perhatian dalam penambahbaikan yang akan dilakukan secara berterusan. Terima kasih

Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas jawapan yang telah diberikan. Kita tahu bahawa penjara ini adalah merupakan pusat untuk memulihkan banduan-banduan supaya mereka keluar nanti kalau masuk sebagai pencuri tidak keluar sebagai seorang perompak. Akan tetapi apa Yang Berhormat Timbalan Menteri jawab tadi saya telah merujuk kepada satu aduan yang pernah disiarkan pada 23 Jun 2011, bagaimana banduan yang masuk ke blok kuarantin

tadi, mereka telah diarah berbogel bersama dengan 123 orang lagi banduan yang lain, yang ini pada saya memberi satu impak yang agak trauma kepada banduan tadi.

Mereka belum lagi diputuskan bersalah. Baru di blok kuarantin untuk dibawa ke mahkamah dan diletak di blok kuarantin. Saya juga hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apa jadi dengan syor dan laporan daripada SUHAKAM tahun 2012 yang memohon supaya pihak SUHAKAM boleh pergi kepada mana-mana tahanan yang ada di penjara tanpa notis kepada pihak penjara. Kalau SUHAKAM bagi notis dahulu selepas itu baru hendak pergi, akan ada perkara yang akan disembunyikan. Begitu juga pihak SUHAKAM mengikut laporan tahun 2012 menyebut bahawa mereka dihalang daripada mengambil gambar-gambar sebagai bukti untuk penyiasatan mereka.

Yang Berhormat Timbalan Menteri kalau atas asas untuk ibadat yang disediakan, kemudahan ibadat yang disediakan dalam penjara tadi, kita pernah merujuk kepada apa yang diperjuangkan oleh Yang Berhormat Permatang Pauh, Ketua Pembangkang yang masuk ke Sungai Buloh pada waktu itu minta supaya dibenarkan solat Jumaat. Sampai ke hari ini *alhamdulillah*, di Sungai Buloh didirikan solat Jumaat dalam penjara. Jadi kalau di Pengkalan Chepa sampai ke hari ini kita tidak dengar diadakan solat Jumaat sedangkan solat Jumaat ini merupakan kefardhuan bagi orang Islam, lelaki walaupun mereka dalam penjara. Fatwa negeri Perlis telah pun mengeluarkan fatwa dibolehkan untuk solat Jumaat dalam kawasan penjara dan tidak perlu keluar dan tidak menjejas aspek keselamatan dan juga kebajikan banduan tadi.

Jadi saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apa alasan yang pihak kerajaan boleh bagi dengan tidak melaksanakan solat Jumaat dalam Penjara Pengkalan Chepa dan juga dalam penjara di seluruh negara yang belum lagi mengadakan solat Jumaat. Sekian.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya bagaimana Tuan Yang di-Pertua sebut tadi soalan satu sahaja. Jadi ini sudah ada empat soalan. Soalan pertama berhubung dengan saranan yang dibuat oleh pihak Suruhanjaya Pembaikan Polis dahulu supaya boleh melawat tempat itu dan juga keperluan SUHAKAM untuk memasuki tempat-tempat tahanan. Ini sebenarnya Tuan Yang di-Pertua kita telah ambil kira. Akan tetapi dalam masa yang sama kita juga mahu diberi notis sebaik mungkin oleh sebab kalau kita tidak ada bagi notis, makna pegawai tidak berada di sana, pegawai atasannya tidak berada di sana untuk memberi penjelasan yang lanjut kepada pihak yang datang melawat. Bukan kita kata tidak boleh. SUHAKAM sebenarnya dibolehkan melawat bila-bila masa sahaja.

Jadi soalan yang kedua, soalan kemudahan-kemudahan untuk berseimbang yang umpamanya. Saya telah berbincang dengan pegawai-pegawai saya dari penjara. Sebenarnya kita baru memohon sumber kewangan. Permohonan ini Tuan Yang di-Pertua mengetahuilah. Dalam kerajaan bukan hari ini kita mohon, esok dia keluar. Proses kerajaan dari sudut kewangan ini ada peringkat-peringkatnya tertentu. Akan tetapi saya baru dimaklumkan bahawa sumber kewangan ini sudah ada. Akan tetapi itu pun prosesnya lagi, proses tender dan sebagainya juga kontrak untuk memenuhi kehendak.

Umpamanya dan dalam soalan asal Yang Berhormat menyebutkan air untuk berwuduk hanya menggunakan baldi, tidak mencukupi dua kolah kata orang biasa iaitu 270 liter air diterjemahkan. Jadi ini dalam perangkaan pemberian pulih di kawasan kuarantin-kuarantin tersebut. Satu lagi yang ditegurkan ialah terbuka iaitu dia punya tandas terbuka. Tandas terbuka juga ini saya ambil kira oleh sebab keselamatan itu amat penting bagi mereka. Ini kerana mereka baru keluar dari luar dan masuk ke dalam. Kita tidak tahu siapa dia jumpa semasa perjalanan ke mahkamah dan balik daripada mahkamah ataupun semasa penangkapan dan semasa perjalanan itu.

Dari rektum, mulut dan perut semua boleh keluar. Jadi inilah masalah yang dihadapi oleh pihak penjara. Jadi kita kena menerima hakikat. Jadi soalan mandi beramai-ramai yang berbogel ini, Yang Berhormat saya akan ambil perhatian dan saya akan tanya dengan pegawai, minta penjelasan kenapa perkara ini kita laksanakan yang mungkin saya setuju memalukan masyarakat. Kalau di England, saya duduk di London House Tuan Yang di-Pertua semasa buat *my Bar* di England. Kita dalam satu bilik itu ada 20 orang, semua berbogel pun. Jadi itu tidak bermasalah. Itu dia punya budaya. Akan tetapi budaya kita, kita tidak mahu yang kita menunjukkanjuk ini. Jadi dengan keadaan sedemikian Yang Berhormat, apa yang disebut oleh Yang Berhormat tadi, *insya-Allah* saya akan ambil kira dan saya selidik sepenuhnya dan akan dimaklumkan pada seketika nanti kepada Yang Berhormat. Terima kasih.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih juga jawapan daripada pihak kementerian dan pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa begitu prihatin memantau pergerakan ataupun pengurusan Jabatan Penjara.

■1110

Soal keselamatan, soal kesihatan, soal perikemanusiaan juga harus dilihat sejauh mana yang boleh. Adakah pihak kementerian membandingkan dengan pengurusan-pengurusan Jabatan Penjara selain daripada pengurusan di negara sendiri sahaja? Seperti di negara-negara maju yang kita lihat dalam TV, kadang-kadang kita melihat penjaranya amat canggih sekali tetapi kalau kita melihat tujuan kita menangkap banduan pesalah ini, memang kita tunjuk ajar dia bahawa betapa sengsaranya dia masuk ke dalam penjara. Itu satu persoalan.

Jadi baru-baru ini yang dibangkitkan pada minggu yang lepas di Dewan yang mulia ini Tuan Yang di-Pertua, yang mana penjara di Kajang ini ditimbulkan bahawa jangkitan tibi antara banduan-banduan. Apakah tindakan dan penjelasan pihak kementerian soal jangkitan-jangkitan jenis penyakit terutama sekali banduan-banduan yang bukan warganegara Malaysia? Jadi di Sabah misalnya, kes-kes yang tidak pernah – penyakit-penyakit yang di Sabah tiba-tiba dikatakan laporan daripada Jabatan Kesihatan, ini berasal daripada penyakit yang dibawa oleh banduan-banduan ataupun pendatang-pendatang tanpa izin yang telah dimasukkan ke penjara di Kepayan dan di penjara-penjara negeri Sabah.

Jadi minta penjelasan pihak Menteri. Adakah dalam bentuk keselamatan sahaja, tidak melihat dalam bentuk kesihatan dan juga perikemanusiaan? Apakah pihak kementerian ini

pernah membandingkan standard piawaian di Malaysia ini dan di negara-negara yang mungkin dilihat sebagai satu teladan bagi kita?

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Terima kasih Yang Berhormat. Minggu lepas Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak salah saya Yang Berhormat Bukit Katil yang bertanya berhubung dengan kesihatan orang yang dijangkiti oleh pesakit tibi di Penjara Kajang. Jadi saya berjanji untuk memberikan jawapan. Semenjak itu saya mendapat butiran, butiran ini saya bawa dalam poket tiap-tiap kali. Kalau perkara ini berbangkit, saya ada fakta-fakta yang telah dijelaskan tetapi khusus kepada Kajang Tuan Yang di-Pertua. Jadi, izinkan saya menjawab.

Pertama, soalan sama ada kita punya standard sampai ke standard negara-negara lain. Saya telah sebutkan beberapa kali, kita telah sampai ke suatu standard yang telah diiktiraf oleh pihak *United Nations*, minimum standard, satu. Kedua, kita bekerjasama dengan pihak *International Red Cross Organization* yang kerap datang melawat penjara kita dan melihat sendiri dan mereka juga mengakui bahawa penjara kita dalam kalangan yang terbaik. Jadi, dari sudut pengisian Tuan Yang di-Pertua, banyak penjara dari negara lain mungkin daripada sudut kecanggihan keselamatannya, kecantikan bangunannya tetapi pengisian Tuan Yang di-Pertua daripada *total holistic approach* kepada pengisian, masih banyak negara tidak boleh membandingkan apa yang kita buat dalam penjara kita.

Walaupun saya tidak pernah sebut dalam soal tersebut, saya berdiam sahaja lah. Dia kata, saya yang mengatakan "*The best in the world*". Tidak pernah pun saya sebut itu. Akan tetapi *among the best* daripada sudut pengisian dalaman kerana ini bukan forum untuk menjawab itu tetapi Yang Berhormat saya akan menjawab ini. Sebenarnya dalam Yang Berhormat Bukit Katil menyebutkan bahawa 88% di Penjara Kajang itu mengidap penyakit tibi. Jadi saya hendak penjelasan, sebenarnya semalam saya patut mempergerusikan mesyuarat pada pukul 5.00 kelmarin tetapi oleh sebab berada di Parlimen, kena menunggu giliran, saya tidak dapat mengadakan mesyuarat. Namun, butiran-butiran kesihatan diberikan kepada saya.

Jadi, jumlah keseluruhan pegawai dan kakitangan Jabatan Penjara Yang Berhormat ialah 14,373 dan jumlah pegawai dan kakitangan Penjara Kajang ialah 1,013 orang. Jumlah keseluruhan penghuni penjara adalah 45,000 sekarang. Penghuni yang menghidapi penyakit berjangkit 1,500 keseluruhannya iaitu Hepatitis B, Hepatitis C, tibi dan HIV. Ini bermakna 3.3% sahaja jumlah keseluruhannya. Jumlah staf yang mengidap penyakit berjangkit, staf iaitu 91 orang iaitu 0.62%. Jumlah staf yang mengidap penyakit tibi di Penjara Kajang ialah 56 orang iaitu 5.53%. Jadi, semua jumlah yang kita dengar sebelum ini adalah kurang tepat, bukan tidak betul Yang Berhormat, kurang tepat.

Ini jumlah yang diberi oleh pihak Kementerian Kesihatan, duduk bersama dengan pegawai kita dari penjara. Jadi dengan itu Yang Berhormat, saya cukup yakin telah menjawab soalan-soalan Yang Berhormat dan kita terus memantau. Sebenarnya program kementerian ialah untuk mewujudkan di tiap-tiap institusi penjara yang besar, mungkin di tiap-tiap negeri pada satu ketika nanti, kita rancang diadakan hospital-hospital sendiri supaya ada doktor-doktor sendiri,

dalam memberikan nasihat dan juga merawat penyakit pihak-pihak yang duduk dalam penjara. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

5. **Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]** minta Menteri Komunikasi dan Multimedia menyatakan kadar penembusan jalur lebar negara masa kini dan nyatakan sejauh manakah inisiatif melancarkan satelit MEASAT-3b mampu bagi meningkatkan keupayaan sistem telekomunikasi dan jalur lebar di negara ini terutama di luar bandar.

Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia [Dato' Jailani bin Johari]: *Bismillahi Rahmani Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam 1Malaysia. Terima Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Setiu yang menanyakan soalan. Akan tetapi sebelum saya menjawab soalan, Tuan Yang di-Pertua saya ingin mengalukan pelajar Sekolah Sri Al-Amin dari Bangi Selangor... *[Tepuk]*

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi memastikan lebih ramai rakyat dapat menikmati kemudahan internet, kementerian ini melalui SKMM telah melaksanakan pelbagai inisiatif di bawah Inisiatif Jalur Lebar Negara yang mana melalui inisiatif ini yang diperkenalkan pada tahun 2010 telah berjaya melonjakkan kadar penembusan jalur lebar negara kepada 67.3% berbanding 55.6% pada tahun 2010. Antara yang dilaksanakan dalam usaha ini termasuklah peluasan kemudahan internet berkelajuan tinggi melalui projek Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi (HSBB).

Pelbagai usaha lanjutan sedang dilaksanakan untuk terus meningkatkan kadar penembusan jalur lebar negara seperti yang dibentangkan baru-baru ini oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada Bajet 2014 antaranya seperti projek Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi (HSBB) fasa kedua, ‘Jalur Lebar Pinggir Bandar’ (HUBB) dan mendirikan menara telekomunikasi baru di kawasan luar bandar bagi memastikan lebih ramai rakyat akan mendapat capaian kepada perkhidmatan jalur lebar.

Untuk pertanyaan kedua mengenai satelit, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Satelit MEASAT – 3b adalah satelit yang keenam dan merupakan satelit pemancar yang dijangka akan dilancarkan oleh syarikat satelit Malaysia iaitu MEASAT Satellite Systems Sdn. Bhd. pada penghujung bulan Mei tahun ini. Berfungsi untuk menyediakan penambahbaikan kapasiti khusus bagi perkhidmatan penyiaran di jalur frekuensi Ku- Band, ia juga bertujuan untuk memenuhi keperluan perkhidmatan penyiaran bagi pasaran di Malaysia, Indonesia, India dan juga Australia.

■1120

Bagi memenuhi keperluan perkhidmatan jalur lebar, Satelit Measat-5 yang telah dilancarkan pada 10 Ogos 2005 telah direka bentuk untuk menyediakan keupayaan satelit berkuasa tinggi untuk industri ICT Malaysia dan bagi menyokong inisiatif strategik kerajaan. Satelit Measat-5 yang dapat memberikan 3Gbps keupayaan jalur lebar satelit merentasi Malaysia digunakan oleh pengendali telekomunikasi tempatan bagi menyokong program perkhidmatan sejagat dan inisiatif jalur lebar kebangsaan untuk meningkatkan akses jalur lebar di kawasan

terpencil. Ini termasuklah program seperti Pusat Internet 1Malaysia, Perpustakaan Jalur Lebar dan Kampung Tanpa Wayar. Sekian, terima kasih.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Terima kasih atas jawapan. Soalan tambahan saya adalah, saya memohon pihak Yang Berhormat Menteri menyatakan bila usaha untuk meningkatkan capaian telekomunikasi di negeri Terengganu khususnya, amnya dan Setiu khususnya akan dicapai sepenuhnya. Ini kerana rakyat saya di Setiu ini sudah mula bertanya selaku Ahli Parlimen ini. Mereka tidak mahu mereka dipinggirkan. Oleh sebab Setiu menang besar jadi kita kena beri balik. *[Disampuk]* Kenapa hendak ‘wah’ pula? Itu sebab hendak maklumkan berbanding tempat-tempat lain di Terengganu. Jadi, orang memberi kita menerima, orang berbudi kita kena balaslah. Terima kasih.

Dato' Jailani bin Johari: Terima kasih Yang Berhormat Setiu. Saya pun kebetulan daripada Terengganu juga lah, tetapi daripada Hulu Terengganu. Pada masa ini untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kadar penebusan jalur lebar untuk negeri Terengganu adalah pada kadar 57.3%. Di mana 21.3% daripadanya disumbangkan oleh Daerah Setiu.

Bagi tujuan meningkatkan lagi kadar jalur lebar, antara projek yang telah dirancang dan juga telah dilaksanakan oleh pihak kementerian melalui SKMM. Pertamanya adalah dari segi pembinaan menara telekomunikasi. Di mana 53 menara telah pun siap dibina di seluruh negeri Terengganu dan 14 menara juga telah siap dibina terutamanya di Parlimen Setiu. Untuk menara baru, 39 menara baru telah dikenal pasti di seluruh negeri Terengganu dan lima menara baru telah dikenal pasti di Parlimen Setiu khususnya.

Untuk Program Pusat Internet 1Malaysia, lebih 27 buah pusat internet telah pun dibangunkan di negeri Terengganu dan dua buah di Parlimen Setiu. Manakala 20 buah lagi akan dibangunkan di seluruh negeri Terengganu dan dua buah PI1M yang baru akan dibangunkan di Parlimen Setiu.

Untuk program yang ketiga iaitu Kampung Tanpa Wayar, di mana lebih 231 Kampung Tanpa Wayar telah pun dibangunkan di seluruh negeri Terengganu dan 29 Kampung Tanpa Wayar telah dibangunkan di Parlimen Setiu. Manakala sebanyak 65 Kampung Tanpa Wayar sedang dirancang di negeri Terengganu dan lima lagi Kampung Tanpa Wayar sedang dirancang di Parlimen Setiu. Pihak kementerian mengharapkan supaya projek-projek yang dinyatakan di atas sedikit sebanyak akan berupaya meningkatkan impak kepada pembangunan ekonomi dan penduduk di negeri Terengganu khususnya di Parlimen Setiu. Sekian, terima kasih.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya Yang Berhormat Menteri, kalau sekiranya ada gangguan-gangguan atau *difficulties* dalam kendalian Measat ini, siapakah yang menanggung kos? Adakah *provider* atau pun kerajaan dalam hal ini? Terima kasih.

Dato' Jailani bin Johari: Terima kasih Yang Berhormat Sungai Petani. Akan tetapi soalan yang ditanya oleh Yang Berhormat Sungai Petani itu terkeluar daripada topik sebenarnya. Akan tetapi sebenarnya Malaysia Kini adalah satu syarikat persendirian. Jadi apa-apa operasi yang dilakukan oleh syarikat tersebut beliaulah terpaksa menanggung. Terima kasih.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini Yang Berhormat Seputeh mana faham, ini kita luar bandar masih lagi banyak perlukan telekomunikasi, *communication* belum ada lagi, *broadband* sistem belum ada. Bukan macam dia sebagai Ahli Parlimen pakaian pun tidak tahu. Mana boleh pakai baju merah dalam Dewan.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan, soalan Yang Berhormat.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yang Berhormat Timbalan Menteri, tadi kita memang dengar jawapan sudah diberi. Memang kita Yang Amat Berhormat Perdana Menteri cukup ambil perhatian dan kerja keras untuk rakyat. Akan tetapi banyak tempat lagi memang kita belum lagi ada telekomunikasi dan *broadband system*. Contoh di Parlimen Bintulu di kawasan luar bandar, memang banyak kali sudah kita suara tetapi sampai hari ini saya nampak Telekom atau pun agensi yang bertanggungjawab ini *broadband system* di Bintulu pun belum nampak lagi ambil perkara yang serius. Sampai hari ini kita boleh nampak rumah panjang walaupun ada *wireless phone*, mahu angkat tangan pun pusing sini pusing sana macam satelit juga dia mahu cari itu signal, baru boleh telefon. Kalau orang mahu cari sama anak-anak dekat rumah panjang memang tidak dapat hubungi pasal selalu tiada signal ini.

Saya mahu bertanya ini Yang Berhormat Timbalan Menteri, bilakah kementerian ini boleh membantu, tolong menyelesaikan masalah setakat di Parlimen Bintulu bukan di luar bandar sahaja, bandar pun sama juga. *Broadband system* dekat Parlimen Bintulu cuma tulis batu kilometer, lain daripada sana memang susah. Tidak *stable* ia punya *broadband*. Sekian, terima kasih.

Dato' Jailani bin Johari: Terima kasih Yang Berhormat Bintulu. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, sebenarnya seperti yang saya maklumkan pada awalan tadi, di dalam Bajet 2014 yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kita telah merangka tiga program utama. Pertamanya, memperluaskan liputan perkhidmatan jalur lebar ke kawasan bandar yang melibatkan 450,000 premis di mana anggaran kos perbelanjaan RM1.8 bilion.

Spesifik untuk Bintulu, ia akan terjatuh di bawah program yang kedua iaitu SUBB di mana meningkatkan kapasiti jalur lebar dengan kelajuan 4 sehingga 10 Mbps ke kawasan pinggir bandar yang melibatkan 750,000. Pada masa yang sama, *insya-Allah* ketiga pun termasuk di bawah program untuk Bintulu iaitu, pembinaan menara telekomunikasi. Di mana di bawah Projek Time-3 dengan izin, 1,000 menara akan dibina. Sekarang ini masih di dalam fasa pertama di mana telah diluluskan 400 dahulu. Projek ini akan mengambil masa tiga tahun dan saya akan maklumkan juga kepada pihak berkaitan iaitu SKMM supaya tidak meninggalkan rakan saya daripada Yang Berhormat Bintulu supaya perkara ini juga boleh dimasukkan di dalam program-program sedemikian. Sekian, terima kasih.

6. **Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan menyatakan bagaimana peruntukan sebanyak RM331 juta untuk menyeragamkan harga barang antara timur dan barat Malaysia dalam belanjawan 2014 digunakan. Apakah status Program Penyeragaman Harga terkini. Adakah peruntukan tersebut berjaya menyeragamkan harga barang.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Paduka Ahmad Bashah bin Md. Hanipah]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, terima kasih pada Yang Berhormat Kinabalu.

Untuk jawapan soalan Yang Berhormat, pada tahun 2014 kerajaan telah meluluskan peruntukan sejumlah RM331 juta bagi tujuan penyeragaman harga barang di Sabah, Sarawak dan juga Labuan. Program-program yang akan dilaksanakan menggunakan peruntukan tersebut adalah seperti berikut:

- (i) Program Penyeragaman Barang Perlu iaitu LPG, CD berjumlah RM186 juta;
- (ii) Program 1Malaysia, 1Harga berjumlah RM85 juta; dan
- (iii) Program NBOS iaitu *Mobile KR1M* berjumlah RM60 juta.

Kementerian sedang giat melaksanakan program penyeragaman harga bagi memastikan seramai lebih 4.5 juta penduduk di kawasan luar bandar dan juga pedalaman dapat menikmati barang bersubsidi untuk kegunaan am seperti tepung gandum, minyak masak, gula, beras ST15 dan juga gas petroleum cecair LPG dan petrol diesel pada harga kawalan.

■1130

Program ini untuk makluman Yang Berhormat telah berjaya memastikan barang keperluan bersubsidi seperti gula, tepung, minyak petrol RON95, LPG dan diesel dapat dijual pada harga kawalan kerajaan di kawasan pedalaman. Sebagai contohnya Yang Berhormat harga gas memasak LPG 14 kilogram di Ba'kelalan dapat kita kurangkan daripada harga sebelum ini RM70 setong kepada RM26.60 setong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat sesi pertanyaan-pertanyaan bagi jawapan lisan berakhir.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

USUL**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN
DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT****11.31 pg.**

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai dibahas dan diputuskan (D.R. 13/2013) – Rang Undang-undang Bahan-bahan Kakisan dan Letupan dan Senjata Berbahaya dan usul-usul Menteri Kewangan yang tertera di nombor empat, lima dan enam dalam Aturan Mesyuarat pada hari ini dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan ke satu tarikh yang tidak ditetapkan”.

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato' Dr. James Dawos Mamit]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujukan.

[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan]

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Tuan Yang di-Pertua, peraturan mesyuarat.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Peraturan mesyuarat.

Tuan Yang di-Pertua: Duduk, duduk. Ahli-ahli Yang Berhormat sebelum kita beredara kepada Aturan Urusan Mesyuarat dan usul-usul yang berikut, saya ingin memberi keputusan kepada peraturan-peraturan mesyuarat yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat iaitu pertama dan mengenai dengan peraturan mesyuarat yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat daripada Segambut berhubung dengan kenyataan yang dibuat oleh Timbalan Menteri Pertahanan berhubung dengan kenyataan beliau mengenai dengan MH370.

Ahli-ahli Yang Berhormat saya difahamkan bahawa Yang Berhormat Segambut pada hari Isnin 31 Mac 2014 ada membangkitkan di dalam Dewan ini Peraturan Mesyuarat 36(12) iaitu bagi merujuk Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan ahli bagi kawasan Kudat kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan kerana dikatakan telah mengeluarkan kenyataan yang mengelirukan Dewan. Menurut Yang Berhormat Segambut kenyataan yang mengelirukan Dewan itu dibuat oleh Yang Berhormat Kudat pada hari Rabu 20 Mac 2014 berkaitan dengan insiden yang membabitkan pesawat MH370.

Ahli-ahli Yang Berhormat sehubungan dengan perkara yang tersebut tadi setelah saya menerima surat bertarikh 31 Mac 2014 daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan ahli bagi kawasan Kudat surat berkenaan menjelaskan akan kenyataan yang telah dibuat oleh beliau pada 26 Mac 2014 tersebut. Setelah meneliti surat tersebut saya berpendapat bahawa isu yang ada di hadapan majlis Mesyuarat adalah sama ada kenyataan yang dibuat oleh Yang

Berhormat Kudat adalah kenyataan yang mengelirukan Dewan di bawah Peraturan Mesyuarat 36(12) – Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat.

Dalam hal ini bagi menentukan sama ada suatu kenyataan yang diucapkan oleh seseorang Yang Berhormat di dalam Dewan ini adalah mengelirukan Majlis Mesyuarat maka prinsip-prinsip berikut boleh dijadikan panduan. Pertama, kenyataan yang dibuat itu hendaklah sesuatu kenyataan yang bersifat mengelirukan.

Kedua, hendaklah dibuktikan bahawa Ahli Yang Berhormat berkenaan pada masa kenyataan itu dibuat mengetahui bahawa kenyataan itu adalah salah dan tidak tepat.

Ketiga pada masa kenyataan itu dibuat yang berkenaan berniat untuk mengelirukan Majlis Mesyuarat.

Ahli-ahli Yang Berhormat berpandukan kepada prinsip di atas dan berdasarkan kepada penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri dalam surat beliau saya memutuskan bahawa kenyataan yang dibuat itu tidak berniat untuk mengelirukan Dewan. Sekian.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Minta izin Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *[Bangun]*

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Tuan Yang di-Pertua, Peraturan...

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Minta izin Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Dalam...

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain ini hal Yang Berhormat Segambut. Sila Yang Berhormat Segambut.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Jadi saya hendak tahu mana yang benar. Dia kata di Dewan ini dia kata ini adalah sangkaan daripada *air force* tetapi di luar Dewan dia kata ini andaian dia sendiri. Jadi mana yang benar? Kalau Tuan Yang di-Pertua tidak buat satu keputusan yang serius, jadi pada masa kelak setiap Menteri dan Timbalan Menteri boleh kata satu di Dewan kata yang lain pula di luar Dewan. Ini amat serius. Jadi saya tidak puas hati apa yang diputuskan oleh Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya mohon Tuan Yang di-Pertua menimbang semula lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, menurut apa yang disebut oleh Yang Berhormat yang berkenaan yang dia sebut di dalam Dewan itu adalah andaian beliau sendiri. Ini juga jelas daripada kenyataan beliau di luar. Andaian beliau sendiri. Jadi apabila saya mengambil kira itu, saya tidak nampak bahawa dia berniat jahat untuk mengelirukan Dewan. Itu sebab saya buat keputusan begitu.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Maksud Tuan Yang di-Pertua semua laporan dilihat dari Berita Harian, *Star* semua adalah salah. Betul atau tidak?

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya berdasarkan kepada penjelasan Yang Berhormat yang berkenaan melalui surat. Apabila saya memutuskan itu saya mengambil kira semua dalam keadaan kerana waktu Yang Berhormat berkenaan berhujah saya duduk di sini

Yang Berhormat. Ada lagi saya menegur, saya kata dalam perbahasan seperti begini hati-hati kerana kadang-kadang ada penjelasan-penjelasan ataupun hujah Ahli Yang Berhormat yang pada ketika itu apabila mereka berfikir tidak harus dihujah. Sila.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Tuan Yang di-Pertua, perkara yang sama sebab saya dalam perbahasan itu. Adakah seorang Menteri apabila dia memberi satu maklumat yang tidak tepat yang sendiri mengaku lepas itu mereka manafikan di luar. Kita tidak tuntut supaya dirujukkan kepada jawatan keistimewaan atau ambil tindakan disiplin.

Sekurang-kurangnya dalam rekod Timbalan Menteri harus kembali di sini untuk membetulkan kenyataan supaya kita tidak mengelirukan. Dalam sejarah akan dicatatkan dengan satu andaian yang tidak berasas iaitu sebab kita bangkitkan isu saya sokong Yang Berhormat Segambut tentang perkara ini.

Jadi, hari itu kita dapat satu *ruling* daripada Timbalan Yang di-Pertua yang menyatakan *ruling* dia ialah Timbalan Menteri, Yang Berhormat Kudat kembali ke Dewan, buat satu kenyataan untuk betulkan. So, saya cakap itu bukan satu perkara yang sama dengan tadi yang telah *diruling* yang diberi oleh Tuan Yang di-Pertua tadi. Jadi, saya harap arahan daripada Timbalan Tuan Yang di-Pertua itu dikekalkan. Terima kasih.

Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Indera Mahkota. Boleh saya bantu sedikit? Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat yang lain biar kita dengar Yang Berhormat. Sila.

Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]: Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan untuk menyelesaikan masalah ini. Oleh kerana Yang Berhormat Timbalan Menteri telah membuat satu kenyataan berdasarkan kepada andaian yang salah daripada segi fakta, apakah katanya atau apakah hinanya kalau Menteri itu datang dalam Dewan ini minta maaf. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat, saya ulangi balik apabila saya membuat sesuatu keputusan yakinlah bahawa semua saya ambil kira bukan untuk diri saya, bukan untuk Ahli-ahli Yang Berhormat yang tertentu tetapi untuk Majlis.

■1140

Saya memanggil Yang Berhormat yang berkenaan di kamar saya, saya minta penjelasan secara verbal, saya minta surat. Pada waktu Ahli Yang Berhormat yang berkenaan menjawab soalan, saya duduk di sini, saya dengar semua. Perkara itu berbangkit oleh kerana Ahli Yang Berhormat membuat kenyataan di luar dia kata, “*Itu andaian saya*”.

Jadi Yang Berhormat Segambut, kalau kita ikut kriteria-kriteria yang saya sebut tadi tiga itu, apabila Yang Berhormat yang berkenaan mengatakan itu “*andaian saya*”, bermakna dia tidak berniat jahat. Bagi saya serupa juga dengan mengatakan bahawa apa yang saya sebut di dalam Dewan itu adalah andaian saya dan dia sebut juga ia andaian saya, bukan... *[Disampuk]* Kalau

pun dia mengelirukan Yang Berhormat, saya yang menentukan sama ada itu di bawah P.M.36(12).

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Segambut, sudah Yang Berhormat. Saya cuma melayan apa yang disebut tadi.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: *Last point, last point* Tuan Yang di-Pertua. Kalau Yang Berhormat Kudat dapat pergi kamar Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya, kenapa Yang Berhormat Kudat tidak sanggup hadir di Dewan untuk selama lebih dua minggu?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, itu andaian tidak baik lagi kerana seolah-olah Yang Berhormat menuduh bahawa beliau itu tidak hadir dalam Dewan kerana takut. Yang Berhormat Segambut, jangan sama sekali politikkan isu-isu yang mengenai dengan peraturan mesyuarat.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Ini ada dalam *Hansard*, semua ada dalam *Hansard*.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Hanya dia kena betulkan pendirian...

Tuan Yang di-Pertua: Sudah, sudah Yang Berhormat Segambut, Yang Berhormat Batu, sudah. Saya sudah buat...

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Yang mengelirukan Dewan ini...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Batu, saya sudah buat keputusan. Kalau Yang Berhormat tidak setuju dengan keputusan saya, sila buat usul bersendiri. Sudah!

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Segambut, sudah Yang Berhormat. *[Dewan riuh]*

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Ini soalan yang akhir.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sudah Yang Berhormat.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Soalan yang akhir.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sudah Yang Berhormat. Saya sudah buat keputusan Yang Berhormat.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Saya hanya nak...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Segambut, duduk! Saya sudah buat keputusan. Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, tolong senyap.

Soalan kedua yang telah berbangkit di Dewan ini. Ahli-ahli Yang Berhormat, pada hari Isnin, 31 Mac 2014 – ini untuk supaya tidak ada kekeliruan lagi. Pada 31 Mac 2014, Yang Berhormat Karpal Singh, Ahli bagi kawasan Bukit Gelugor telah membangkitkan di dalam Dewan ini perkara berhubung kedudukan beliau dan kedudukan Yang Berhormat Permatang Pauh sebagai Ahli Dewan Rakyat. Di dalam mesyuarat pada hari tersebut, Yang Berhormat Bukit Gelugor telah menyatakan bahawa pada 11 Mac 2014, beliau telah disabitkan kesalahan dan dikenakan denda sebanyak RM4,000 di bawah perenggan 4(1)(b) Akta Hasutan 1948 *[Akta 15]*. Pada masa yang sama, Yang Berhormat Bukit Gelugor juga meminta penjelasan berhubung dengan kedudukan Yang Berhormat Permatang Pauh yang juga mempunyai kes di mahkamah.

Ahli-ahli Yang Berhormat, setelah saya difahamkan bahawa terdapat kes jenayah membabitkan kedua-dua Yang Berhormat itu tadi, bagi kes yang membabitkan Yang Berhormat Bukit Gelugor, saya difahamkan bahawa beliau telah merayu atas sabitan tersebut ke Mahkamah Rayuan. Bagi kes yang membabitkan Yang Berhormat Permatang Pauh, saya juga difahamkan bahawa Yang Berhormat Permatang Pauh telah disabitkan kesalahan dan dikenakan hukuman penjara lima tahun di bawah seksyen 337(b) *Penal Code*. Saya juga telah difahamkan bahawa Yang Berhormat Permatang Pauh telah memfailkan rayuan di Mahkamah Persekutuan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, berdasarkan kepada peruntukan fasil 1(e) Perkara 48 Perlembagaan Persekutuan, keahlian kelayakan menjadi Ahli Parlimen adalah apabila Yang Berhormat tersebut disabitkan kesalahan dan dikenakan hukuman penjara tidak kurang setahun atau denda tidak kurang RM2,000 dan beliau tidak mendapat pengampunan bebas. Berdasarkan kepada peruntukan ini, memandangkan bahawa kedua-dua Yang Berhormat tersebut telah pun memfailkan rayuan mereka ke mahkamah yang lebih tinggi, maka sabitan terhadap Yang Berhormat tersebut belum dimuktamadkan lagi. Oleh yang demikian, status kedua-dua Yang Berhormat tersebut adalah kekal sebagai Ahli Dewan Rakyat.

Ketiga, soal yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Batu. Pada hari Khamis, 3 April 2014, Yang Berhormat Chua Tian Chang, Ahli Yang Berhormat kawasan Batu telah membangkitkan di dalam Majlis Mesyuarat akan kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat Arau, Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Yang Berhormat Batu telah menyatakan bahawa Yang Berhormat Arau telah membuat suatu kenyataan berhubung cadangan undi mengikut keturunan. Oleh yang demikian, Yang Berhormat Batu ingin mendapat penjelasan sama ada kenyataan itu adalah pendirian kerajaan atau pendirian peribadi Yang Berhormat Arau.

Ahli-ahli Yang Berhormat, penjelasan yang diminta oleh Yang Berhormat Batu itu dibuat secara *in passing* ataupun sepintas lalu dan tidak secara khusus membangkitkan *point of order*. Oleh yang demikian, saya meminta Yang Berhormat Arau untuk memberi penjelasan bertulis mengenai dengan perkara ini kepada Yang Berhormat Batu.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Terima kasih.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya jawab sekarang?

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: Letak jawatanlah Yang Berhormat Menteri, letak jawatan.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau singkat Yang Berhormat, tidak apa. Sila, sila. Tidak apa, Yang Berhormat Arau memilih untuk memberi penjelasan sekarang. Sila.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Malaysia Tuan Yang di-Pertua, tidak akan ubah daripada sistem *simple majority, first-past-the-post*. Saya tengok *Hansard* saya, saya kata itu salah satu daripada contoh model *Singapore* yang memberi penekanan kepada kaum sebab dalam GRC, disebut di situ bahawa hendaklah dipilih daripada sekumpulan orang dan hendaklah dimasukkan seorang wakil Melayu ataupun India ataupun wakil minoriti. Saya bagi contoh. Saya bukan kata hendak dilaksanakan di Malaysia. Di Malaysia sistem sekarang ialah *simple majority, first-past-the-post*, bukan *popular vote*, habis cerita. Apa lagi tindakan mahu ambil? Silakan.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Saya berterima kasih atas penjelasan ini sebab hari itu apa yang disebut oleh Yang Berhormat Arau ialah bahawa di negara ini lebih baik... [Dewan riuh] Dengarlah, saya belum...

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain...

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Yang Berhormat Arau hari itu cadangkan lebih jelas kalau warganegara keturunan Cina akan undi wakil-wakil rakyat Cina, wakil negara orang sungai akan undi orang sungai, orang Melayu akan undi orang Melayu. Itu, pada pandangan kebanyakan Ahli Dewan di sini, adalah bercanggah dengan semangat perlembagaan. Itulah sebab kita ingin dapat penjelasan sama ada itu adalah pandangan peribadi atau pandangan kerajaan.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, saya telah mengeluarkan kenyataan semasa soal jawab dan juga saya telah keluarkan kenyataan di luar sana. Mungkin Yang Berhormat terlepas pandang untuk melihatnya bahawa sistem Malaysia tidak mungkin diubah oleh saya untuk menyebutnya di sini. Kalau ada perubahan, sudah pasti yang akan datang sini ialah Yang Amat Berhormat dari Pekan sendiri untuk buat perubahan. Itu pun setelah melalui proses di mana peraturan-peraturan dan juga undang-undang di dalam pilihan raya itu diubah. Sekarang SPR tidak ubah, fasal apa kita hendak ubah?

Dalam masa kita berbincang, kita bagi contoh sebab ada orang yang menyebut tentang Apartheid pada saya. Padahal Apartheid, kita tahu bahawa minoriti menguasai majoriti. Kalau sekiranya majoriti menguasai minoriti, sistem apa? Itu tidak apa. Yang paling penting sekarang ini bahawa Malaysia mengamalkan sistem *simple majority, first-past-the-post*. Jadi kita menang kerusi lebih daripada 59 kerusi dan kita memerintah sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Terima kasih.

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Jadi dengan itu, tidak ada perubahan apa dan tidak perlu untuk Yang Berhormat mempolemikkan perkara ini termasuk daripada Yang Berhormat Serdang, tidak perlu polemikkan benda ini.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, terima kasih.

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: Sedikit penjelasan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Terima kasih kepada Yang Berhormat Arau. Maksudnya, kerajaan tidak bercadang untuk mengubah sistem Parlimen kita mengikut kaum. Itu bukan pendirian kerajaan. Terima kasih.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Tidak, saya pun tidak sebut kerajaan akan ubah, saya beritahu contoh.

■1150

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Saya bagi contoh. Sistem di *Singapore*, sistem...

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: ...Pemilihan mengikut *single constituency*, GRC dan juga pemilihan. Dalam GRC itu disebut bahawa pemilihannya mestilah datang daripada seorang

Melayu ataupun India ataupun minoriti. Saya bagi contoh dan saya ambillah contoh di Malaysia. Jadi, tidak mungkin sistem itu diubah kerana perlembagaan kita telah menetapkan demikian rupa. Tidak mungkin diubah. ‘*sik ada*’.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Dalam bahasa Sarawaknya ‘*sik ada*’.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: Tuan Yang di-Pertua, isu *Apartheid* itu yang...

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: ...Itu adalah sesuatu yang saya bangkitkan. Jadi, saya hendak penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Sedikit saja, sedikit saja Tuan Yang di-Pertua. *[Dewan riuh]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sudah. Saya sudah dengar penjelasan. Jelas.

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: Ini memang penting Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sudahlah Yang Berhormat. Sudahlah. Sudah.

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: ...Ini kerana Yang Berhormat Menteri adalah Menteri yang bertanggungjawab untuk SPR. Bukan boleh kata...

Tuan Yang di-Pertua: *[Mengetuk tukul]* Yang Berhormat. Yang Berhormat...

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: ...Adalah pendirian sendiri.

Tuan Yang di-Pertua: Duduk Yang Berhormat. Saya benarkan oleh sebab budi bicara saya supaya tidak ada kekeliruan. Ini bukan bermakna saya biarkan kita berbahas mengenai isu yang sudah selesai. Sudah disebut oleh Menteri bahawa tidak ada perubahan. Jelas. Jadi, jangan lagi politikkan lebih dari itu.

Ini kerana kadang-kadang apabila kita berhujah dan membahas hujah ada perkataan-perkataan yang terlepas yang tidak pun mempunyai makna apa-apa. Akan tetapi apabila setiap perkataan kita *scrutinized*, susahlah. Tidaklah kita boleh berbahas.

Yang terakhir. Yang terakhir perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Gombak iaitu membawa suatu usul untuk membahaskan perilaku tiga hakim. Jadi, saya menerima surat daripada Yang Berhormat Gombak. Untuk membuat keputusan terpaksa kita merujuk kepada peraturan mesyuarat, terpaksa kita merujuk kepada perlembagaan. Jadi, apabila kita merujuk kepada peraturan mesyuarat dan kepada perlembagaan iaitu Peraturan Mesyuarat 36(8) iaitu sifat laku hakim tidak boleh dibahas kecuali usul itu bertepatan dengan kehendak atau maksud Artikel 127 iaitu tidak kurang dari $\frac{1}{4}$ bilangan Ahli Majlis Mesyuarat.

Jadi, saya dapati bahawa yang menandatangani membawa usul itu adalah lebih daripada $\frac{1}{4}$. Itu sebab kita masukkan usul itu dalam *order paper*. Akan tetapi, Peraturan Mesyuarat 15 mengatakan bahawa urusan kerajaan didahulukan. Jadi tadi...

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Duduk dulu Yang Berhormat. Sebentar tadi Yang Berhormat ada satu usul yang dibaca oleh Menteri di bawah Peraturan Mesyuarat 12(1) iaitu pada hari ini kita

akan berhenti apabila rang undang-undang yang disebut dalam usul itu semua diselesaikan. Jadi, kalau umpamanya Yang Berhormat Gombak boleh berunding dengan Yang Berhormat Arau sebagai wakil kerajaan, Menteri yang bertanggungjawab dengan Parlimen, sama ada kerajaan mahu ini dibahas di bawah Peraturan Mesyuarat 15, Yang Berhormat Gombak saya tidak ada masalah.

Akan tetapi dalam Peraturan Mesyuarat 15 jelas bahawa urusan-urusan kerajaan didahulukan.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Tuan Yang di-Pertua terima kasih di atas *ruling* dan panduan yang diberikan oleh Tuan Yang di-Pertua. Saya sudah menjangkakan bahawa Tuan Yang di-Pertua akan menggunakan alasan ini bahawa di bawah peraturan mesyuarat... [Dewan riuh]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat yang lain, tolong senyap. Sila.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: ...Di bawah Peraturan Mesyuarat 15(1), “*Urusan kerajaan hendaklah didahulukan daripada urusan-urusan lain*”. Pertama Tuan Yang di-Pertua, usul yang saya bawa ini, walaupun menepati Peraturan Mesyuarat 36(8) tetapi juga ianya dibuat di bawah artikel 127 Perlembagaan Persekutuan.

Saya percaya Tuan Yang di-Pertua sedia maklum bahawa Perlembagaan Persekutuan atau *Federal Constitution* ini *prevails over your standing order*. Ya, perlu didahulukan kerana kita membawa usul yang penting ini untuk membincangkan tentang kelakuan dan tingkah laku hakim. Mengikut bukan sekadar Peraturan Mesyuarat 36(8) tetapi menepati Perlembagaan Persekutuan. Sefahaman saya, Perlembagaan Persekutuan itu mengatasi *standing order* yang ada, yang diguna pakai. Oleh sebab itu saya berharap Tuan Yang di-Pertua boleh menimbangkan oleh sebab usul ini menepati Perlembagaan Persekutuan. Kita tidak mahu bincang kelakuan dan tingkah laku hakim dengan secara terbuka. Saya menghormati prinsip *separation of powers, legislative, judiciary* dan juga *executive*. Oleh sebab itu kita mengikuti peraturan yang sedia ada dalam perlembagaan.

Akan tetapi, dalam keadaan kita mematuhi perlembagaan pun kita diketepikan, di mana lagi ruang untuk kami membahaskan tentang tingkah laku hakim dan kelakuan mereka? Saya lihat dalam peraturan mesyuarat ini pun, usul saya yang terakhir. Nombor 21. Sedangkan usul kerajaan yang remeh, yang tidak penting itu pun didahulukan. [Dewan riuh] Itu yang pertama.

Kedua, usul yang saya bawa ini bukan usul peribadi saya, disokong oleh 63 Ahli Parlimen. Ini adalah satu *substantive motion*, satu *motion* yang ada *substance*, yang ada kandungan yang kuat untuk kita bincangkan dalam Parlimen. Ketiga Tuan Yang di-Pertua, saya dengar pagi tadi Yang Berhormat Pontian telah menarik dua rang undang-undang daripada *order paper*. Jadi, maknanya kita ada ruang untuk membincangkan satu usul yang penting ini dan tidak perlu kita berhenti 5.30 Tuan Yang di-Pertua. Kita boleh sambung sampai 12 malam ini. Kalau boleh. [Dewan riuh] Kalau Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri boleh bawa satu usul...

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih...

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: ...Untuk melanjutkan...

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: ...Tempoh perbahasan dan persidangan sehingga 12 malam.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Gombak.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Jadi, saya minta Tuan Yang di-Pertua, gunakan budi bicara atas peraturan yang sedia ada dan perlembagaan membenarkan untuk kami membawa usul ini dan perlu didahulukan daripada usul kerajaan yang ada dalam *order paper*.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli Yang Berhormat, itu sebab saya kata awal-awal tadi. Usul Yang Berhormat itu apabila saya mengambil kira peruntukan peraturan mesyuarat dan peruntukan Artikel 127, maka saya bersetuju untuk dimasukkan dalam *order paper*. Ahli-ahli Yang Berhormat harus faham juga bahawa peraturan mesyuarat ini digubal atas kebenaran Perlembagaan Persekutuan.

Jadi, saya tidak boleh menjangkaui maksud-maksud peraturan mesyuarat. Kalau ianya jelas maka saya tidak boleh menggunakan *discretionary power* saya. Jadi dalam soal ini, itu sebab saya mengatakan bahawa kalau Yang Berhormat berunding dengan Yang Berhormat Arau sebagai wakil kerajaan supaya perkara ini di bahas, kalaupun tidak dapat dibahas pada hari ini, kalau kerajaan bersetuju. Ini kerana Yang Berhormat kita harus hormati *separation of powers* di mana seorang Speaker daripada New Zealand berkata apabila membuat *ruling* seperti begini, "*The government will always have its way and the opposition will have it say*".

Jadi, dalam hal ini menurut Peraturan Mesyuarat 15, kerajaan mengatur urusan-urusan kerajaan dan diutamakan. Kalau ada masa-masa lain, maka urusan lain boleh. Itu sebab budi bicara saya sekarang ini mengatakan bahawa kalau kerajaan sanggup untuk membahaskan ini, saya tidak punya masalah Yang Berhormat. Jadi, berunding dengan Yang Berhormat Arau mengenai dengan soal ini.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua menyatakan tadi bahawa atas budi bicara Tuan Yang di-Pertua melihat usul yang saya bawa ini satu usul yang penting maka Tuan Yang di-Pertua bersetuju untuk masukkan dalam *order paper*. Itu yang kenyataan Tuan Yang di-Pertua. Maknanya Tuan Yang di-Pertua ada kuasa untuk memasukkan satu-satu usul...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Gombak, Yang Berhormat Gombak...

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: ...Nanti. Bagi saya habis bercakap dulu Tuan Yang di-Pertua... *[Dewan riuh]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, saya tahu apa tujuan Yang Berhormat Gombak. *[Dewan riuh]* Saya tahu. Saya tahu tujuan Yang Berhormat Gombak.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Betul tak Tuan Yang di-Pertua saya sebut itu?

Tuan Yang di-Pertua: Saya tahu. Itu sebab Yang Berhormat saya masukkan dalam *order paper*. Akan tetapi ada usul yang dibuat bahawa urusan kerajaan sudah ditetapkan pun.

■1200

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Okey, itu nanti- saya belum habis. Okey, kalau Tuan Yang di-Pertua hendak dahulukan urusan kerajaan, letaklah saya...

Tuan Yang di-Pertua: Bukan saya dahulukan Yang Berhormat. Menurut peraturan mesyuarat ialah...

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Okey, 15(1) ...

Tuan Yang di-Pertua: Setiap yang disampaikan, urusan kerajaan didahulukan.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Baik, dalam Peraturan Mesyuarat 15(1), urusan kerajaan didahulukan. Baik, saya terima. Oleh itu, mengapa Tuan Yang di-Pertua tidak letak usul saya nombor tujuh. Mengapa letak Yang Berhormat Putatan nombor tujuh? *[Disampuk]* Ini sebab- nanti-nanti, dengar dahulu. Usul yang dibawa oleh kerajaan...

Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Kita tolaklah Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Nombor 1,2,3,4...

Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Tolaklah! Tolak, tolak! *[Dewan riuh]*

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Letaklah saya nombor tujuh. Mengapa letak Yang Berhormat Putatan nombor tujuh? Sedangkan... *[Disampuk]* Jadi, kalau Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua minta saya bincang dengan Yang Berhormat Arau, sekurang-kurangnya masih ada peluang sebab nombor tujuh. *[Dewan riuh]* Keduanya Tuan Yang di-Pertua, saya boleh bincang dengan Yang Berhormat Arau. Cuma saya hendak tanya, apakah Yang Berhormat Arau ini ada kuasa untuk menentukan usul mana didahulukan. Saya tidak tahu dia ada kuasa mutlak atau tidak ya. Jadi, saya berharap yang usul kerajaan saya boleh bincang tetapi usul-usul individu, mengapa Tuan Yang di-Pertua tidak letak usul saya, yang didukung oleh 63 Ahli Parlimen, nombor tujuh? Itu budi bicara Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat, duduk Yang Berhormat. Itu kadang-kadang saya senyum, kerana kadang-kadang Ahli Yang Berhormat ini kalau berhujah, kalau umpamanya tidak kita jawab dan tidak respons, seolah-olah itu yang sebenar. Ahli Yang Berhormat harus faham, usul-usul yang disimpan dalam *order paper* ini ada lagi usul-usul daripada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain yang terdahulu disenaraikan. Tindakan usul daripada Ahli Yang Berhormat yang lain sama ada daripada *backbencher* ataupun lain-lain, apabila usul Yang Berhormat terus melompat menjangkaui itu. Kita susun atur melalui itu. Ini adalah praktis kita Yang Berhormat, daripada dahulu lagi.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Tuan Yang di-Pertua, saya bagi contoh Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sudahlah Yang Berhormat! Saya tidak mahu lagi berbincang dengan soal ini, sudah! Saya sudah buat ketetapan!

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Saya minta izin satu lagi. Usul nombor lapan Tuan Yang di-Pertua, tentang ESSCOM. Sedangkan Yang Berhormat Sandakan sudah bawa usul khas berhubung isu ESSCOM, naik lagi nombor lapan. Patutnya itu tidak perlu

didahulukan. Usul yang didukung oleh 63 Ahli Parlimen lebih penting daripada usul yang dibawa oleh satu Ahli Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sudah Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Ini substantif *motion*.

Tuan Yang di-Pertua: Sudahlah Yang Berhormat, sudah.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Apa yang penting Tuan Yang di-Pertua. Jadi, saya harap kalau Tuan Yang di-Pertua boleh naikkan ke nombor tujuh kemudian saya boleh bincang dengan...

Tuan Yang di-Pertua: Sudahlah Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Walaupun saya tidak percaya Yang Berhormat Arau ada kuasa.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat. Kalau Yang Berhormat sudah berbincang dengan Yang Berhormat Arau, kerajaan bersetuju untuk bahas, bermakna itu kerajaan sudah bersetuju. Tidak payah lagi ada nombor tujuh, nombor lapan, nombor sembilan, nombor tiga. Harus faham. Satu lagi Yang Berhormat, saya duduk kelmarin, saya mendengar mengenai dengan Akta Persaraan Hakim. Semua sudah di bincang mengenai dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat. Saya rasa kalaupun ada perbahasan mengenai itu, ia tidak akan lari daripada itu, apa yang disebut dalam saraan hakim.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Akan tetapi semalam tidak *detail* Tuan Yang di-Pertua, sebab itu saraan hakim. Kita sentuh secara umum.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Hari ini kita mengikut perlembagaan, Perkara 127, untuk membincang secara khusus tentang kelakuan dan perilaku hakim.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Ini satu isu khas sebab hakim-hakim yang kita hendak bincangkan ini adalah hakim-hakim yang kanan Tuan Yang di-Pertua. Bukannya hakim majistret. *[Disampuk]* Tidak, ini saya...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat Gombak sudahlah, Yang Berhormat sudah.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Kalau Tuan Yang di-Pertua izinkan, tengok kalau usul saya itu, kita hendak bincang tentang kelakuan Hakim Mahkamah Rayuan.

Tuan Yang di-Pertua: Saya faham, Yang Berhormat Gombak. Saya faham Yang Berhormat Gombak. Kalaupun saya biarkan Yang Berhormat Gombak berhujah sampai pukul lima, begitu juga pendirian saya. Saya tidak akan ubah pendirian saya, Yang Berhormat Gombak. Boleh Yang Berhormat Gombak, saya biarkan Yang Berhormat Gombak berhujah, sila berhujah macam ini, begitu juga pendirian saya.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Tidak, mengapa...

Tuan Yang di-Pertua: Sama.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Mengapa Tuan Yang di-Pertua ambil pendirian begitu?

Tuan Yang di-Pertua: Fasal itu peraturan mesyuarat Yang Berhormat, jangan lagi Yang Berhormat sinis kepada saya. Yang Berhormat Gombak, duduk Yang Berhormat Gombak. Kalau Yang Berhormat Gombak tidak duduk dan ingkar, saya akan gunakan kuasa saya di bawah 44.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Ini sebab Tuan Yang di-Pertua, sementara ada peraturan mesyuarat...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Gombak, duduk Yang Berhormat Gombak. Yang Berhormat, duduk Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Kita juga ada perlombagaan...

Tuan Yang di-Pertua: Sudahlah Yang Berhormat duduk.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Tuan Yang di-Pertua, kita ada Perlombagaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat duduk!

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Mengapa?

Tuan Yang di-Pertua: Sudahlah Yang Berhormat, sudah! Saya sudah buat keputusan, jangan lagi ingkar kepada keputusan saya.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Saya minta penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat duduk Yang Berhormat sudahlah.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Saya sudah buat keputusan Yang Berhormat.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Akan tetapi kita ada Perlombagaan Persekutuan.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Hendak minta penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh kerana Yang Berhormat Gombak ingkar kepada keputusan saya dan berdegil-degil untuk juga berhujah, maka saya gunakan kuasa saya di bawah Peraturan Mesyuarat 44.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Tidak bolehlah Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Tidak boleh Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Gombak.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat Gombak minta penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Bentara sila.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Saya minta penjelasan.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat Gombak minta penjelasan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Saya minta penjelasan,

Tuan Yang di-Pertua: Sekejap, sekejap, sekejap.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Tuan Yang di-Pertua belum jawab soalan saya.

Tuan Yang di-Pertua: Saya sudah buat keputusan. Bentara, sila jalankan tugas, sila.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Mahu minta penjelasan pun salah Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan, ada dua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Sila saya sudah buat keputusan Yang Berhormat.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Isu yang sama Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Akan tetapi saya belum mendapat...

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, duduk Yang Berhormat, fasal Yang Berhormat Gombak belum lagi keluar. *[Dewan riuh]*

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Saya tidak boleh keluar kalau tidak ada penjelasan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya sudah beri penjelasan begitu panjang lebar.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Apakah peraturan...

Tuan Yang di-Pertua: Malahan saya beri ruang kepada Yang Berhormat Gombak untuk berunding dengan Menteri yang berkenaan...

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Apakah...

Tuan Yang di-Pertua: Akan tetapi Yang Berhormat Gombak sengaja untuk berdegil-degil.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Bukan berdegil.

Tuan Yang di-Pertua: Sila bentara, jalankan tugas. Yang Berhormat Gombak, sila keluar Yang Berhormat Gombak.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Sekejap, sekejap. *[Bentara Kanan menarik Yang Berhormat Gombak keluar]* Saya hendak tanya.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Gombak, keluar. Sila Yang Berhormat Gombak, keluar.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua.

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* *[Dewan riuh]*

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Itu sahaja penjelasan, bagilah penjelasan mengenai isu ini, itu sahajalah.

Tuan Yang di-Pertua: Sila bentara, jalankan tugas. Bentara, sila jalankan tugas.

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, tolong senyap.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Ini tidak ada kena mengena dengan Timbalanlah, *come on*. Ini Presiden.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat Batu, tololong duduk, Yang Berhormat Sepang, tololong duduk. Yang Berhormat Puchong, duduk dahulu Yang Berhormat Puchong. Satu persatu kita selesaikan.

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] [Dewan riuh]*

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, tololong senyaplah Yang Berhormat.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Tuan Yang di-Pertua, bising, bising sangatlah Tuan Yang di-Pertua dekat belakang ini, ramai sangat Speaker.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tuan Yang di-Pertua, boleh minta penjelasan?

Tuan Yang di-Pertua: Sekejap Yang Berhormat, kita selesaikan dahulu satu persatu. Sekejap.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Tuan Yang di-Pertua, bila saya masuk balik?

Tuan Yang di-Pertua: Keluar dahulu Yang Berhormat.

[Yang Berhormat Gombak keluar Dewan] [Dewan riuh]

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua tadi menyatakan bahawa ini adalah satu perkara yang datangnya di bawah Peraturan 15. Ianya bermaksud bahawa Peraturan 15, peraturan-peraturan terpakai. Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, ada budi bicara untuk *suspend standing order*. Ini adalah kerana sebab atas mana kita di sini bangkit kerana apa yang disebut kepada Yang Berhormat Gombak tadi Tuan Yang di-Pertua, tidak betul. Di mana Tuan Yang di-Pertua menyatakan bahawa memang Tuan Yang di-Pertua tidak ada kuasa dan perlu Yang Berhormat Gombak untuk bincang dengan Yang Berhormat Arau berkenaan dengan nombor atau giliran yang diberikan dalam *order paper*. Itu tidak betul Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita baca kepada Aturan 15, kita baca kepada Aturan 90, memang Tuan Yang di-Pertua ada kuasa. Saya rasa apa yang disebut oleh Yang Berhormat Gombak tadi memang membawa makna. Ini adalah satu *motion* yang substantif di mana lebih daripada 60 Ahli Parlimen memberi sokongan. Jadi, apa yang terkandung di situ, apa yang disebut oleh Tuan Yang di-Pertua tadi tidak betul. Di mana Tuan Yang di-Pertua kata tidak ada *discretion*, Tuan Yang di-Pertua *has a discretion*.

■1210

Peraturan Mesyuarat 90 membenarkan. So, kenapa tidak digunakan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, saya faham.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Kalau diletakkan sehingga nombor yang terakhir Tuan Yang di-Pertua *we all know* Tuan Yang di-Pertua *the motion will never see like of day and*

that is the reason why it is done that way. So, ini adalah strategi Tuan Yang di-Pertua yang kita semua fasih, kita baca, kita tahu dalam pengalaman pun kita tahu, cara untuk menolak supaya ianya tidak didengar. So, kepada saya Tuan Yang di-Pertua, apa yang disebut oleh Tuan Yang di-Pertua tadi tidak adil, tidak betul.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Sudah saya katakan tadi Yang Berhormat. Tolong Yang Berhormat duduk.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tuan Yang di-Pertua, boleh...

Tuan Yang di-Pertua: *I've heard you.*

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tambah sedikit, *point* yang sama.

Tuan Yang di-Pertua: Tolong duduk Yang Berhormat, tolong duduk.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *Point of order, point of order.*

Tuan Yang di-Pertua: Tolong duduk.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tidak, sedikit sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya tahu Yang Berhormat, duduk dahulu Yang Berhormat. Apabila Yang Berhormat Puchong mengatakan apa yang saya sebut adalah tidak betul sebenarnya itu pun *slighting me*. Kalau boleh Yang Berhormat tengok Peraturan Mesyuarat 43, keputusan Tuan Yang di-Pertua adalah muktamad. Saya yang diberi tanggungjawab untuk memberikan definisi interpretasi kepada peraturan mesyuarat. Saya sering kali mengatakan bahawa tidak semestinya apa yang saya hujah itu ataupun *interpret* saya Yang Berhormat semua setuju. Kalau tidak setuju boleh bawa usul persendirian.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Nanti dahulu Yang Berhormat Puchong. Yang Berhormat mengatakan bahawa Peraturan Mesyuarat 90. Saya sudah tahu itu Yang Berhormat tetapi dalam hal ini, saya tidak boleh menggunakan *discretion* dari saya mengenai dengan soal yang sama sekali yang saya tidak boleh buat. Oleh kerana Yang Berhormat apabila kita memanjangkan mesyuarat lebih daripada jam 5.30 mesti ada usul iaitu usul di bawah 12(1), yang bawa mesti seorang Yang Berhormat Menteri kerana nanti berunding bahawa tidak mahu bersidang selepas 5.30, apa macam kita mesyuarat? Itu sebab ada 12(1). Jadi urusan kerajaan mengatakan bahawa ia ikut kepada 12(1), dia baca. Selesai mesyuarat apabila yang disebut ini selesai. Kalau saya membenarkan untuk ini dibahas, bermakna satu orang berdiri sampai pukul berapa, pukul 12 seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Gombak. Tetapi kalau sebelah ini mengatakan dia tidak mahu berbahas, apa *discretion power* saya Yang Berhormat Puchong? *Now enlighten me.*

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: *So, that's why* saya kata apabila kita berhujah tolong fikirkan hujah itu dengan sedalam-dalam.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Ya, betul.

Tuan Yang di-Pertua: *Unless I can't understand, unless* peraturan mesyuarat ini kita ubah. Itu sebab daripada awal Parlimen ini, saya mengatakan kalau bukan kita yang ubah

sekarang siapa lagi. Itu sebab mesti ada jawatankuasa. Sekarang ini dalam rangka untuk kita tengok semua ini termasuk kuasa saya Yang Berhormat. Saya tidak mahu berselindung di bawah 43.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi maka sekarang ini kalaularah saya benarkan sekarang itu usul mesti ada 27. Bermakna ada notis. Selepas itu ada satu orang Yang Berhormat yang berdiri bahawa usul ini mesti sampai pukul berapa kerana peraturan mesyuarat kita jelas 5.30 kita berhenti. Itu sebab ada Peraturan Mesyuarat 12.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Ya, saya setuju.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi macam mana saya boleh gunakan saya punya *discretion power* di bawah Peraturan Mesyuarat 90?

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Tuan Yang di-Pertua, kalau kita baca kepada...

Tuan Yang di-Pertua: Macam mana saya gunakan Peraturan Mesyuarat 90.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: ...Kerana saya tidak boleh paksa kerajaan kerana mereka majoriti.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Ya, ya tapi apa kenyataan yang disebut Tuan Yang di-Pertua tadi, tidak saya tidak kata tidak benar, saya kata tidak betul. Tidak betul kerana kalau kita lihat kepada Peraturan Mesyuarat 90, memang ada kuasa.

Tuan Yang di-Pertua: Saya ada *discretion power* Yang Berhormat tapi pada ketika-ketika yang boleh saya gunakan.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Betul, itulah yang kita kehendaki. *That's why we have...*

Tuan Yang di-Pertua: Saya tidak boleh gunakan dalam hal ini. Itu sebab kenapa saya kata Yang Berhormat Gombak mesti berunding dengan kerajaan.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Tidak perlu.

Tuan Yang di-Pertua: Itu sebab Yang Berhormat. *Because I cannot use other discretion power if it is against peraturan mesyuarat. In my discretion power redundant.*

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Ya betul Tuan Yang di-Pertua, *I think what is important*, apa yang penting ialah kalau kita menerima bahawa sebenarnya Tuan Yang di-Pertua ada kuasa di bawah Peraturan Mesyuarat 90.

Tuan Yang di-Pertua: Itu sebab kenapa Yang Berhormat *I don't think* ini Speaker ...*thus far that I got* bahawa Yang Berhormat Gombak berunding dengan kerajaan mengenai dengan soal ini kerana masa kita di bawah Peraturan Mesyuarat juga 5.30. Itu sebab ada setiap selepas sesi soal jawab ada usul 12(1). Yang Berhormat Gombak mahu berhujah sehingga jam 12.00.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Isunya dalam nombor senarai mana Tuan Yang di-Pertua dan sama ada ia di bawah...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat kalau kerajaan memikirkan...

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh saya tambah sedikit.

Tuan Yang di-Pertua: ...Bahawa itu perlu untuk dibahas tidak payah dalam senarai.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: ...Bermakna bahawa ada persetujuan. Kalau kerajaan mahu, Yang Berhormat Menteri yang berdiri di bawah 12(1) tidak payah pun. Notis satu hari boleh. Ahli Yang Berhormat, tolong jangan susahkan lagi kerja saya yang begini rumit.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh saya hendak minta panduan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Jangan berbahas dengan saya.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta panduan Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh Tuan Yang di-Pertua. Sedikit sahaja Tuan Yang di-Pertua. Saya hargai. Tuan Yang di-Pertua yang ingin saya tanyakan kalau boleh Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, yang saya mahu kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang *senior lawyers*...

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: ...Yang tahu apabila mengambil kira jangan lagi rumitkan lagi soal...

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Tuan Yang di-Pertua, saya soal pendek sahaja kalau boleh.

Tuan Yang di-Pertua: ...Mengenai dengan supaya ada tekanan kepada saya. Bantu saya. Itu caranya.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat berpolitik, saya tidak.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Yang di-Pertua.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Tidak, ini bukan soal politik Tuan Yang di-Pertua. Kalau boleh saya pendek sahaja. Saya hanya tanyakan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi kita sebut tentang bidang kuasa. Memang kita harus berunding dengan Yang Berhormat Menteri tapi di sini saya minta sedikit panduan kerana selepas 65 Ahli Parlimen semua antara kami adakah Tuan Yang di-Pertua...[Dewan riuh]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain tolong senyap kerana kita ada lagi tiga rang undang-undang yang akan dibuat.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: ...Adakah Tuan Yang di-Pertua hendak membantu kami supaya apabila kami kemukakan usul kali keduanya dengan 65 yang menandatangani, boleh tidak kami dahulukan dari segi turutan. Maksudnya daripada nombor 21 dapat ke nombor empat ataupun lima selepas Yang Berhormat Menteri dan kemudian kita boleh berunding kerana sekarang ini apa pun dalam senarai aturan mesyuarat Tuan Yang di-Pertua, *we are the last* dengan izin. Saya pohonlah...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat...

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: ...Tuan Yang di-Pertua kalau boleh di sini, agak penting...

Tuan Yang di-Pertua: ...Yang Berhormat *the fact that is has been put in the order paper* menurut urutan-urutan adalah itulah urutan yang semestinya yang saya simpan. Yang Berhormat, saya bukan mengatakan bahawa setiap langkah yang dibuat oleh setiap Yang Berhormat ada agenda. Saya faham dan saya tahu. Setiap *lawyer* yang duduk di sini semua *experience*. *They know* dengan peraturan mesyuarat yang ada sekarang ini apabila diambil kira semua *they know* bahawa kuasa Tuan Yang di-Pertua adalah *limited*.

Saya tahu bahawa saya ada *discretion power* di bawah Peraturan Mesyuarat 90 dalam soal ini saya tidak boleh gunakan. Macam mana saya gunakan kalau umpamanya pada ketika sesuatu usul dirunding juga mesti setiap masalah mesti ada suara seperti 12(1) *just to action time also beyond fighter to* di bawah usul 12(1). Itu sebab saya mengatakan bahawa biar Yang Berhormat Gombak berunding dengan wakil kerajaan yang menjaga Parlimen, see? Jangan lagi perkara yang begitu mudah disusahkan lagi, memberi tekanan kepada saya. Sila Yang Berhormat Bukit Gelugor. *Help me on this.*

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Yang di-Pertua, ini bukan satu perkara untuk berunding dengan Yang Berhormat Arau. Apa yang penting adalah ini Tuan Yang di-Pertua usul oleh Yang Berhormat Gombak adalah satu usul di bawah perlembagaan, peruntukan 127. Seperti mana Tuan Yang di-Pertua mengetahui *the constitution is the supreme law of the land*. *Standing orders cannot over right* dengan izin *the constitution*. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua jangan main-main dengan perlembagaan. *[Dewan riuh]*

Ikut apa yang ada dalam perlembagaan. Undang-undang yang utama dalam negara ini bukan *standing order*. *Standing order* boleh disuspend kan. Ada peruntukan. Boleh menggunakan budi bicara. Kenapa Tuan Yang di-Pertua tidak mahu menggunakan budi bicara itu? Ini kali yang kedua di mana kelakuan hakim-hakim ada disebut dalam Dewan yang mulia ini. *I*, dengan izin *to move on similar motion against the chief justice, the former Chief Justice Tan Sri Zaki. Nothing happen*. Kenapa? Adakah Dewan ini takut daripada hakim-hakim? Tidak berani untuk berbahas kelakuan hakim-hakim?

■1220

So apa yang saya nyatakan tadi Tuan Yang di-Pertua? Jangan main-main, jangan. *[Dewan riuh]*. Mengikut...

[Dewan riuh].

Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Sudahlah, sudah, sudah, sudah. Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat yang lain duduk.

Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Tuan Yang di-Pertua, *I think you should not allowed*, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Tuan Yang di-Pertua, yang ini ganggu buat apa?

[Dewan riuh]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain tolong duduk. [Dewan riuh].

Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Di sini *they want to be hero to Tuan Yang di-Pertua. We were not allowed that!*

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Duduk, duduk. Tuan Yang di-Pertua pun dengar baik-baik. Yang Berhormat ini mengganggu buat apa? Duduk Yang Berhormat Baling.

Tuan Yang di-Pertua: [Ketuk tukul] Ahli Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain...

Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Cakap boleh tetapi tertib, *this is a Speaker.* [Dewan riuh].

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sudahlah Yang Berhormat Baling.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua pun dengar, Yang Berhormat ini menyalak buat apa? Duduk senyap. Yang Berhormat Baling, duduklah.

Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Lawyer macam *you* buat apa?

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Duduklah!

[Dewan riuh]

Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Tanya apa masalah dia?

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Ini masalah. Ini masalahnya.

Tuan Yang di-Pertua: [Ketuk tukul].

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *That is what we say* Tuan Yang di-Pertua memang tak adil. Bila mereka buat bising, Tuan Yang di-Pertua tidak ambil tindakan.

[Dewan riuh]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat, jangan cakap begitu Ahli Yang Berhormat. Ahli Yang Berhormat!

[Dewan riuh]

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Bila saya cakap tak adil...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Daripada tadi ganggu, daripada tadi ganggu.

Tuan Yang di-Pertua: Saya teriak termasuk yang di sebelah sini.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Ya tetapi tidak adil Tuan Yang di-Pertua, tidak adil. Bila di sebelah kita, dihalau keluar.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, kalau lagi Yang Berhormat kacau sama saya begitu berkata tidak adil, bermakna *you...*

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Tidak adil, betul! Kalau kita memang tidak adil, kita akan sebut tidak adil Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Tuan Yang di-Pertua!

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: How much we have to take?

[Dewan riuh]

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Yang Berhormat Gombak kena supperate...

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Berapa kali kita kena!

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: ...Dari sudut dia punya karakter. Saya minta Tuan Yang di-Pertua bila buat satu keputusan, adil kepada kedua-dua pihak. *That's all*, itu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Okey, okey. Ahli Yang Berhormat, duduk. Duduk. Okey. *Play in of order to your game*, siapa yang berdiri tidak ikut Peraturan Mesyuarat tanpa saya panggil, saya tidak peduli siapa, saya arah keluar. Okey? *Let's play the game*. Yang Berhormat Bukit Gelugor, sila teruskan.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Saya boleh teruskan tetapi saya ada diganggu tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Apa tindakan Tuan Yang di-Pertua mengambil ke atas orang yang ganggu apabila saya buat ucapan saya? Apa yang saya nyatakan tadi Tuan Yang di-Pertua, ini adalah satu perkara yang serius, satu perkara yang terlibat peruntukan dalam Perlembagaan. Oleh itu apa yang saya nyatakan tadi, kali yang terakhir Tuan Yang di-Pertua, jangan main-main dengan Perlembagaan. Ikut apa yang ada dalam Perlembagaan. *Standing Orders can be set against be suspended but the Constitution cannot be suspended*. Ikut apa yang ada dalam Peruntukan 127 Perlembagaan, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, saya sudah nyatakan tadi *please play by the book*. Saya respons.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua, sedikit sahaja.

[Dewan riuh]

Beberapa Ahli: Keluar, keluar, keluar.

[Dewan riuh]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain! Yang Berhormat, kalaulah saya dianggap sebagai hakim yang duduk di sini, saya berhak menurut apa interpretasi saya kepada Peraturan Mesyuarat. Begitu juga dengan hakim di mahkamah. Ada kalanya kita kalah dan sedemikianya. Kalau tidak bersetuju dengan keputusan saya, ada peruntukan di bawah ini. *[Menunjukkan buku Peraturan Mesyuarat]* Kalau saya dianggap sebagai main-main Yang Berhormat Bukit Gelugor, saya tidak main-main tetapi ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang sengaja main-main. *[Dewan riuh]*. Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain! Kalau berani, berdiri supaya saya nampak. Saya cam itu suara.

See, belum ada Peraturan Mesyuarat. Saya telah jelaskan bahawa tidak boleh dan saya tidak mahu gunakan, saya tidak pun berani gunakan kerana itu di luar bidang kuasa saya tetapi ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang memaksa saya untuk gunakan kerana saya main-main. Bolehkah kita buat di mahkamah begitu bahawa ada hakim yang main-main oleh kerana tidak selaras dengan apa dalam fikiran kita? Ada?

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Boleh.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi buatlah begitu Yang Berhormat sana! Ini kerana apabila Yang Berhormat buat, bahawa itu seolah-olah *contempt of court*.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Di mahkamah Tuan Yang di-Pertua, seorang hakim boleh ada di*contempt*, *contempt partition court*.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi sekarang Ahli Yang Berhormat, tidak ada main-main lagi. Perkara ini saya anggap selesai. Sudah saya buat saya punya keputusan. Semua pun menuduh kepada saya. Siapa yang tidak bersetuju dengan keputusan saya, bawa usul bersendirian. Masih lagi saya dengan pendirian saya bahawa Yang Berhormat Gombak berunding dengan wakil kerajaan yang jaga Parlimen. Sila Setiausaha, teruskan.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak... Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sudah tidak Yang Berhormat, sudah saya anggap isu ini sudah selesai.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tuan Yang di-Pertua, sedikit sahaja. Saya hendak bawa Aturan 23.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, sudah Ahli Yang Berhormat. Saya tidak mahu dengar apa-apa lagi!

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Aturan 23, Aturan 23. Aturan! Saya berhak!

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat!

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Saya berhak! Aturan 23.

Tuan Yang di-Pertua: Bentara, sila gunakan kuasa. Sila, sila, sila.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tuan Yang di-Pertua, Aturan 23. Saya hendak minta Aturan 23.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat, sudah. Bentara, sila gunakan kuasa.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Pertanyaan, pertanyaan. Tuan Yang di-Pertua. Aturan 23, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Tuan Yang di-Pertua, kalau begini Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tuan Yang di-Pertua, tidak mungkin saya tidak boleh baca Peraturan Mesyuarat?

Tuan Yang di-Pertua: Bentara, sila jalankan tugas.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Aturan 23, pertanyaan.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Tuan Yang di-Pertua juga minta supaya Yang Berhormat Sepang keluar?

[Dewan riuh]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG BAHAN-BAHAN KAKISAN DAN LETUPAN DAN SENJATA BERBAHAYA (PINDAAN) 2013

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguh atas masalah, “Bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang”. **[9 April 2014]**

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bangkitkan Peraturan Mesyuarat, Tuan Yang di-Pertua tidak dengar, ini juga *contempt of parliament!* Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bawa Peraturan Mesyuarat!

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Janganlah, jangan. Biar dia, beri dia peluanglah. Beri dia peluang.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tuan Yang di-Pertua, *you are been watch by the whole world*, Tuan Yang di-Pertua.

[Dewan riuh]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Sepang. Bentara, bentara, jalankan tugas. Yang Berhormat Sepang, sila keluar Yang Berhormat Sepang.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Peraturan Mesyuarat, Aturan 23. Aturan 23, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sila. Siapa yang berucap?

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Tuan Yang di-Pertua, beginikah Tuan Yang di-Pertua buat kepada dia?

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, ada yang mahu berucap? Minat berucap pasal akta ini? Kalau tidak, saya akan kemukakan kepada mesyuarat.

Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]: Saya, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *Shameful*, Tuan Yang di-Pertua. *Shameful*.

12.26 tgh.

Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]: *Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh*. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang untuk membahaskan Rang Undang-undang Bahan-bahan Kakisan dan Letupan dan Senjata Berbahaya (Pindaan) 2013. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana telah mengambil inisiatif untuk penambahbaikan dengan membuat beberapa pindaan kepada akta ibu iaitu Akta Bahan-bahan Kakisan dan Letupan dan Senjata Berbahaya 1998. Rang undang-undang yang dikemukakan untuk bacaan kali kedua pada hari ini membuktikan kesungguhan dan komitmen kerajaan untuk memperkuuh lagi perundungan berhubung kesalahan bahan-bahan kakisan dan letupan dan senjata berbahaya. Seksyen 81 Akta Bahan-bahan Kakisan dan Letupan dan Senjata Berbahaya 1998 yang merupakan akta ibu yang memperuntukkan mana-mana orang

yang membawa atau memiliki senjata merbahaya di tempat awam tanpa kebenaran yang sah adalah menjadi suatu kesalahan.

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) mempergerusikan Mesyuarat]

Pada Seksyen 7 pula memperuntukkan sesiapa yang membawa, memiliki, membuat, menjual, menyewa, meminjam atau memberi mana-mana senjata berjadual juga adalah bersalah di bawah akta ini. Di bawah seksyen 1 dan seksyen 2 pada akta ini menyatakan dengan jelas jenis-jenis bahan kakisan, letupan dan senjata yang merbahaya yang dimaksudkan. Tuan Yang di-Pertua, matlamat pindaan dalam rang undang-undang ini adalah baik. Ianya bertujuan untuk mengenakan hukuman yang lebih berat lagi terhadap pesalah yang didakwa di bawah seksyen 6 dan seksyen 7 akta ini. Ini adalah kerana kita melihat bahawa jenayah yang melibatkan penggunaan bahan kakisan, letupan dan senjata ini telah semakin berleluasa dan perlu dibanteras dengan kadar segera bagi menjamin keselamatan orang ramai.

Saya amat tertarik untuk berhujah berhubung isu ini kerana isu keselamatan adalah menjadi topik hangat rakyat kerana di mana-mana sahaja kita mendengar orang berbahas dan berbincang tentang kejadian jenayah yang semakin menjadi-jadi. Walaupun kadar jenayah pada tahun 2013 telah menurun sebanyak 4.3% daripada 153,669 kes kepada 147,062 kes tetapi perasaan takut dan bimbang terhadap jenayah masih lagi tinggi terutama dengan peningkatan jenayah yang melibatkan senjata api dan pelbagai penggunaan senjata jenis lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh supaya rang undang-undang ini diperkemas dan diperbaiki lagi supaya hukuman yang lebih setimpal dapat dikenakan kepada pesalah sebagai salah satu cara untuk membendung masalah jenayah yang menggunakan senjata dan bahan seperti yang dinyatakan dalam akta ini.

■1230

Selain daripada isu jenayah senjata api yang semakin serius, jenayah samseng dalam kalangan para remaja dan pelajar adalah antara salah satu isu jenayah yang harus diberi perhatian yang khusus. Keadaan ini menjadi lebih buruk lagi apabila ada kumpulan kongsi gelap yang mengambil kesempatan untuk memperkembangkan aktiviti mereka dengan menjadikan golongan pelajar sebagai sasaran untuk dijadikan ahli mereka. Dalam proses menggerakkan aktiviti mereka, penggunaan bahan dan senjata terlarang seperti dinyatakan dalam akta ini merupakan *instrument* yang lazim digunakan oleh mereka.

Selain daripada hukuman setimpal dikenakan oleh pindaan rang undang-undang ini kepada pesalah, saya berharap kerajaan memberi tumpuan yang lebih khusus kepada masalah ini kerana kita tidak mahu belia dan pelajar diganggu dan dirosakkan oleh budaya samseng ini. Oleh itu, saya ingin bertanya sama ada kerajaan mempunyai perancangan dan pelan mekanisme yang khusus untuk mengatasi masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam memperkuuhkan akta ini, saya juga meminta penjelasan kerajaan, apakah langkah dan tindakan bagi mengawal penjualan bahan kakisan dan letupan dan senjata berbahaya yang didapati dijual secara terbuka tanpa kawalan yang sistematik? Pergi sahaja ke pusat beli-belah atau di pasar malam, kita boleh dapat ada senjata berbahaya seperti parang atau pisau berbahaya, dijual secara terbuka dan dapat dibeli dengan mudah. Penggunaan parang dan senjata tajam yang lain kerap digunakan dalam kes-kes rompakan, ragut dan pergaduhan antara kumpulan samseng.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]: *[Bangun]*

Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]: Jadi, apakah perniagaan senjata berbahaya ini perlu juga dihasilkan? Suatu lagi usul yang perlu diberikan perhatian serius oleh kerajaan...

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]: Mencelah, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Limbang.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]: Mencelah sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Boleh bagi laluan?

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]: Sekejap.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila Yang Berhormat Limbang.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Parit. Bagaimana pula - tadi Yang Berhormat Parit ada menyebut tentang senjata-senjata, parang dan sebagainya. Kadang-kadang pistol-pistol guli yang dijual secara terbuka sekarang ini memang berleluasa, memang saya mengaku. Di pekan-pekan kecil apatah lagi. Jadi bagaimana pula dengan sekarang ini mercun yang dipanggil *air bomb*. Ia meletup memang betul-betul macam bom sebenar. Ini pun kalau masa-masa perayaan dijual berleluasa.

Jadi bagaimana pendapat Yang Berhormat Parit tentang *air bombs* begini sebab saya yakin *air bomb* ini. Namanya sudah *air bomb* tetapi bagi kita mercun, tetapi *air bomb*. Bila dikumpulkan, semua ia punya *explosive* dalam itu, saya rasa ini menjadi sesuatu yang berbahaya. Apa pendapat Yang Berhormat Parit tentang ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Parit. Hari ini hari jadi Yang Berhormat Parit. Jadi harap jangan ada sambutan dengan mercun. Sila. *[Ketawa]*

Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Limbang. Saya jawab dulu. Ada dalam penjelasan saya. Satu lagi usul yang perlu diberi perhatian serius oleh kerajaan ialah penggunaan bahan kakisan yang bukan sahaja digunakan sebagai senjata untuk mencederakan orang lain malah boleh disalah guna untuk membuat letupan. Saya ingin merujuk kepada beberapa kejadian di ibu kota tidak

berapa lama dahulu yang melibatkan 22 kes menyimbah cecair dipercayai asid terhadap mangsa yang disyaki dilakukan oleh dua lelaki bermotosikal. Justeru, saya mencadangkan supaya kerajaan mengadakan langkah kawalan yang lebih ketat terhadap penjualan bahan-bahan kakisan seperti yang diterangkan di dalam akta.

Selain daripada itu, adalah perlu juga kerajaan mengkaji bahan-bahan kakisan lain yang tidak diterangkan di dalam akta ini yang ada unsur boleh dijadikan senjata ataupun dijadikan bahan letupan yang boleh digunakan oleh kumpulan penganas. Kita juga tidak harus lepas pandang bahawa bahan letupan yang digunakan untuk pembuatan mercun juga boleh dijadikan bahan untuk diubahsuai dan dijadikan bom buatan sendiri. Pada tahun lepas sahaja, Jabatan Kastam Diraja Malaysia telah merampas mercun dan bunga api bernilai RM3.37 juta iaitu satu jumlah nilai yang tinggi. Oleh itu agensi penguatkuasaan hendaklah bertindak dengan lebih giat dan agresif bagi membanteras penyeludupan dan penjualan mercun haram.

Selain daripada itu, saya juga ingin bertanya kepada kerajaan, apakah langkah tindakan yang akan diambil bagi mengawal penjualan senjata tiruan yang banyak terdapat di pasaran? Dalam beberapa kes rompakan, didapati senjata tiruan telah digunakan untuk merompak. Begitu juga senjata tiruan telah begitu popular digunakan dalam sukan *paintball*. Dalam satu tangkapan yang dilakukan oleh PDRM pada bulan Februari yang lepas, seramai 18 orang telah ditahan di Jementah, Johor kerana berlatih ala tentera menggunakan senjata tiruan. Kebanyakan senjata tiruan ini boleh diperoleh secara pembelian melalui internet.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyarankan langkah-langkah tindakan yang tegas juga patut diambil terhadap penjualan bahan video yang berunsur keganasan yang mudah didapati secara haram dan terbuka. Perkara ini perlu diberi perhatian serius kerana video ganas yang melibatkan permainan video menggunakan senjata boleh membentuk sahsiah yang negatif dalam kalangan kanak-kanak dan remaja sehingga boleh mendorong mereka berlagak sebagai samseng, penjenayah ataupun penganas.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya melihat rang undang-undang yang hendak dipinda ini, boleh membawa kebaikan dalam memperkuuhkan lagi perundangan berhubung kesalahan bahan-bahan kakisan dan letupan dan senjata berbahaya. Namun begitu, tanpa komitmen dan langkah penguatkuasaan yang efektif oleh agensi-agensi penguatkuasaan secara bersungguh-sungguh, undang-undang yang digubal ini tidak akan memberi impak yang berkesan bagi menurunkan kadar jenayah yang berkaitan dengannya. Terima kasih. Yang Berhormat Parit menyokong rang undang-undang ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, tiada? Ya, sila Yang Berhormat Gerik.

12.36 tgh.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Saya turut sama hendak membincangkan Akta Bahan-bahan Kakisan, Letupan dan Senjata Berbahaya 1958 yang dipinda selari dengan *Penal Code* [Akta 574].

Difahami Rang Undang-undang Bahan-bahan Kakisan, Letupan dan Senjata Berbahaya 1958 [Akta 357] telah dipinda beberapa kali dari tahun 1961 sehingga hari ini. Kita lihat dalam akta ini ia ada seksyen 6, Jadual Pertama dan Jadual Kedua. Seksyen 6 menyatakan, ‘*Apa-apa senjata yang boleh menyebabkan kecederaan bolehlah dijatuhkan hukuman*’. Dalam Jadual Kedua, seksyen 2 dan 12, dinyatakan dengan jelas bahan-bahan kimia yang boleh memberi kesan kepada orang ramai ialah seperti berikut:

- (i) asid sulfurik;
- (ii) asid nitrik;
- (iii) asid hidroklorik;
- (iv) asid formik;
- (v) asid asetik;
- (vi) *phenols*;
- (vii) ammonia;
- (viii) *potassium hydroxide*; dan
- (ix) *sodium hydroxide*.

Manakala dalam Jadual Kedua, dinyatakan dengan jelas senjata-senjata berbahaya antaranya ialah pedang, rantai motosikal, pisau dan berbagai-bagi lagi kapak kecil, badik dan berbagai-bagi lagi. Kenapa rang undang-undang dipinda?

Pertama, untuk penambahbaikan untuk langkah pencegahan yang mana dilakukan oleh penjahat-penjahat atau pengganas-pengganas yang memberi kesan kepada rakyat. Saya juga melihat langkah kita hendak mengubah penalti ini ialah untuk kesedaran masyarakat bahawa membuat perkara ini, dapat hukuman yang setimpal walaupun sebelum ini kita sudah ada hukuman.

Ketiga, kita lihat kuasa diberikan kepada polis, penguat kuasa undang-undang dalam hendak mensabitkan kesalahan kerana mereka sebagai pasukan yang menjaga keselamatan negara dan memastikan keamanan dalam negara. Peristiwa-peristiwa yang berlaku yang kita lihat dalam keganasan, terlibat soal pergaduhan, menggunakan parang, ditetak di sana sini.

■1240

Kita boleh lihat baru-baru ini peristiwa di Johor ada rakaman di mana samseng-samseng mungkin pergaduhan sesama kumpulan, ada pula untuk membala dendam, simbah asid, gunakan bahan-bahan kimia yang boleh menyebabkan kecederaan kepada masyarakat. Perhimpunan haram bawa bom dalam botol dan pelbagai yang mana ini boleh merosakkan hubungan dalam negara dan juga kegiatan-kegiatan yang tidak bermoral seperti tarik kereta yang menyebabkan digunakan senjata-senjata di mana boleh memberi masalah kepada rakyat yang lain.

Setengah-setengah terlibat juga menggunakan bahan api untuk buat bom letup ikan di sungai-sungai akhirnya kita melihat terdapat beberapa ikan kepupusan seperti ikan kelah dan pelbagai lagi kerana bila kita gunakan bom dalam sungai dia memusnahkan segala jenis anak-anak ikan dan juga bapa-bapa dan ibu-ibu ikan. Begitu juga kita lihat penggunaan tuba yang

menggunakan kayu-kayu ataupun kimia letak di hulu sungai memusnahkan hidupan bukan setakat ikan segala aneka jenis hidupan dalam sungai. Kadang-kadang kita lupa kita ingat dalam dunia ini manusia sahaja sebagai makhluk. Kita lupa binatang juga makhluk, tumbuhan juga makhluk. Semua benda ini kita kena ambil kira.

Begitu juga wujud kumpulan gengster yang bergaduh menggunakan segala peralatan di mana pergaduhan di antara kumpulan, mungkin kumpulan A, kumpulan B. Begitu juga ada sekumpulan juga gengster menjaga kawasan, peras ugut. Begitu juga di peringkat sekolah kita lihat sudah ada benih-benih yang tidak baik merecruit anak-anak sekolah jadi gengster. Ada tatu-tatu yang tersendiri, ada bawa senjata-senjata kecil yang kita tidak tahu, rawi ayam dan pelbagai lagi.

Juga kita melihat hari ini cukup popular di seluruh negara kerana kita tidak mengikut sistem kewangan yang sebenar, ramai daripada kita yang kesesakan, kesempitan wang telah mula meminjam daripada ah long-ah long yang akhirnya bila hendak dibayar balik dibuatkan pelbagai usaha guna ugutan dan sebagainya seolah-olah dalam negara tidak ada penguatan kuasa.

Akta ini melibatkan seksyen 6, hendak ditukarkan seksyen 6 di mana sabitannya daripada dua tahun akan dinaikkan lagi kepada sekurang-kurangnya lima tahun ke sepuluh tahun. Pindaan seksyen 6 ini melibatkan kenaikan seperti yang telah saya nyatakan. Manakala dalam pindaan 7 difahamkan dimansuhkan penaltinya di mana cuma dua tahun atau bayar tunai RM2,000 tetapi hari ini dimansuhkan terus kepada tindakan yang kuat iaitu serendah-rendahnya lima tahun tidak lebih daripada sepuluh tahun. Dengan jelas menaikkan penalti tadi adalah satu - kerajaan memberi pandangan yang serius untuk menangani masalah yang telah saya katakan tadi. Sekurang-kurangnya masalah balas dendam, *organized crime*, derhaka kepada negara dan lain-lain. Bukat setakat itu kita harap Akta 357 ini tetap digunakan sesuai di bawah dengan Kanun Keseksaan yang baru-baru ini telah mula dilaksanakan bermula pada 1 April, kita harap akta pindaan ini juga mampu menangani masalah-masalah yang ada dalam negara.

Dalam masa yang sama, kita harap petani-petani, polis kena fikirkan jangan pula bila kita bersetuju dengan akta ini. Apa berlaku? Di kampung-kampung petani akan bawa sabit, petani akan bawa golok, petani akan bawa besi ataupun perkara-perkara lain pergi menoreh ke kebun atau buat sawah padi, bawa tajak dan pelbagai lagi yang kita kategorikan benda-benda tersebut sebagai senjata berbahaya. Bermakna saya cadangkan supaya pihak polis yang melaksanakan penguatkuasaan dengan ada akta ini mesti ada timbang-tara. Janganlah bila ditahan kereta atau motosikal, dalam motosikal ada golok, dalam kereta ada bahan-bahan senjata di mana sebenarnya mereka ialah petani menggunakan barang-barang tersebut untuk mencari makan.

Menoreh getah bawa sabit dan pelbagai lagi. Di sini saya cadangkan supaya Kementerian Dalam Negeri mesti memantau, membuat satu garis panduan, kalau pekerja binaan bawa asid dengan tujuan untuk mencuci bangunan, apakah bahan kimia tadi boleh menyebabkan sabit kesalahan kena penjara lima tahun? Di sinilah persoalannya yang kita minta supaya Kementerian Dalam Negeri, pihak polis supaya buat satu garis panduan yang tidak ada di

dalam akta untuk memastikan akta tadi tidak menyebabkan rakyat kita teraniaya dengan undang-undang yang ada tadi.

Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Sik bangun.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Kadang-kadang bangun dari segi manusia...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Gerik, Yang Berhormat Sik bangun.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Gerik. Setujukah Yang Berhormat Gerik kalau saya berkata bahawa apabila pindaan akta ini dibuat kerajaan mestilah mengadakan satu timbang-tara berkenaan dengan satu jenis asid yang digunakan oleh pekebun-pekebun kecil getah di mana selalunya asid ini dikenali sebagai cuka getah. Asid sulfurik ini adalah satu jenis asid yang sangat berbahaya jika kepekatananya tinggi, jadi asid ini juga boleh digunakan untuk melakukan jenayah-jenayah oleh penjenayah-penjenayah.

Jadi setujukah Yang Berhormat Gerik kalau kita menyarankan bahawa kerajaan mesti mengambil langkah untuk timbang-tara sebab apa asid ini akan digunakan setiap hari bagi pekebun-pekebun kecil untuk memproses getah itu daripada cair kepada getah beku yang lebih berkualiti. Oleh sebab kalau kita tengok sekarang ini, getah beku yang digunakan sekarang, getah beku yang mentah yang *raw* ini yang tidak diproses seperti dahulu harganya rendah tetapi jika digunakan asid ini untuk dibekukan, kemudian dimesin, kemudian dibuat getah keping dan dijemur dan harganya menjadi lebih tinggi. Mungkin sekarang dia menjadi satu alternatif balik kepada pekebun-pekebun kecil ataupun penoreh-penoreh untuk mendapat pendapatan yang lebih supaya mereka memproses menjadi getah beku dan keping-keping getah yang boleh dijual dengan harga yang lebih tinggi. Sekian, terima kasih.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Terima kasih Yang Berhormat Sik. Sebenarnya ini maksud yang saya sebut kepada pihak Kementerian Dalam Negeri. Polis kena melihat perkara tersebut. Kalau hendak kira *clorox* pun bahaya. Ada orang bunuh diri minum *clorox*. Tambahan pula asid yang hendak membekukan getah ini memang menjadi satu keperluan kepada masyarakat luar bandar terutama mereka yang menoreh getah.

Oleh sebab itu, ini yang kita cadangkan kepada Kementerian Dalam Negeri dan polis mesti ada buat satu garis panduan yang tidak ada dalam akta tetapi kita kena ini. Kita tidak hendak nanti di kalangan anggota polis yang mungkin ada rasa sakit hati pada kumpulan tertentu contoh kot anak dara dia kena mengurat lelaki yang lain, mungkin menggunakan akta ini bersabit tengok dia masa itu dia balik daripada kebun bawa contohnya golok maka dia dituduh di bawah akta ini, maka hakim akan putuskan dia dipenjara lima tahun sedangkan kesnya tidak relevan dengan perkara tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masa yang sama kita melihat pada hari ini kita sudah merdeka lebih daripada 57 tahun.

■ 1250

Dengan ada akta ini, kita melihat dalam Dewan ini sudah jadi kelam kelibut. Dahulu, orang Islam tidak pernah bercakap benda yang bukan-bukan. Orang bukan Islam tidak pernah pertikai perkara yang bukan-bukan. Hari ini saya rasa agak terkilan sehingga agama Islam agama Persekutuan, azan pun sudah dipertikaikan. Banyak benda yang kita tengok yang boleh memecahbelahkan perpaduan negara.

Saya mengharapkan supaya kita Ahli-ahli Dewan sama ada daripada pihak kerajaan dan pembangkang kitakekalkan suasana yang ada daripada lepas merdeka sehingga hari ini di mana orang Islam tidak pernah mempertikaikan agama lain. Orang Kristian jangan pertikaikan orang Islam, orang Islam jangan pertikaikan orang Hindu dan pelbagai lagi kerana bila kita mula mempertikaikan berbeza budaya, berbeza agama, ini boleh menjadikan negara kita kepada perbalahan agama.

Saya melihat pembangkang sudah mula. Kenapa pembangkang di pihak DAP boleh memperkatakan soal, mempertikaikan soal undang-undang Islam dan pelbagai lagi? Ini boleh menimbulkan suasana yang tidak baik. Sekurang-kurangnya kita berharap dengan adanya akta yang dipinda, bukannya benda yang baru boleh memberi lebih kuasa kepada pihak polis untuk melihat segala yang ada dalam negara sekurang-kurangnya yang kita bina soal perpaduan, yang kita tidak pertikai soal agama masing-masing ini terus kekal sampai bila-bila kerana inilah yang boleh kita banggakan bila kita duduk di Malaysia, pelbagai bangsa, pelbagai agama boleh hidup harmoni.

Saya berharap pindaan RUU ini juga memberi semangat yang baik supaya rakyat dalam negara boleh hidup aman damai dan dengan ini Tuan Yang di-Pertua saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Bagan Serai.

12.52 tgh

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bismillahi Rahmani Rahim. Tuan Yang di-Pertua, saya tampil untuk turut membahaskan Rang Undang-undang Bahan-bahan Kakisan dan Letupan dan Senjata Berbahaya (Pindaan) 2013.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan jutaan tahniah kepada kerajaan dan Kementerian Dalam Negeri kerana telah tampil dengan satu rang undang-undang yang dipertikaikan sangat penting dalam keadaan pada masa ini. Saya melihat cadangan kerajaan untuk menaikkan penalti bagi kesalahan membawa senjata berbahaya di tempat awam daripada tempoh pemenjaraan yang tidak melebihi dua tahun kepada tempoh yang tidak kurang dari lima tahun dan tidak melebihi dari sepuluh tahun adalah dengan tepat dengan keadaan jenayah yang begitu membimbangkan.

Senjata berbahaya dan pembunuhan upahan, jenayah berat yang terancang ini semakin menjadi-jadi dan begitu menonjol sekali di Malaysia ketika ini. Ini bukan lagi adegan dalam drama atau filem aksi yang selalu kita tengok di kaca TV atau pun di panggung wayang. Ia benar-benar berlaku di negara ini yang sebelum ini kes sebegini agak sebegini terpencil sekali.

Antaranya ialah kes yang membabitkan Timbalan Ketua Pengarah Kastam Diraja Malaysia bahagian perkastaman dalam negeri Datuk Shaharuddin Ibrahim yang mati ditembak. Selepas itu kita dikejutkan dengan kes seorang guru penolong kanan Hashim Mat Zin mati ditembak. Selepas itu seorang lagi guru K. Shanmugam ditembak mati di dalam kereta di Simpang Empat Keladi Kulim, Kedah. Kemudian, seorang pengasas sebuah bank yang mati ditembak di Lorong Ceylon dekat Bukit Bintang di Ibu Negara.

Jadi rakyat sekarang telah menjadi satu ketakutan bagi rakyat. Mungkin satu ketika nanti rakyat terpaksa keluar dengan memakai baju kalis peluru atau pun menyediakan *alarm system* yang canggih dan sebagainya untuk menjaga diri masing-masing. Ketakutan ini juga akan menimbulkan ke tekanan dalam hidup yang mana tekanan dalam hidup ini akan membawa juga kepada penyakit-penyakit kronik yang mana akan menjelaskan prestasi mereka.

Keadaan begini juga akan mungkin satu hari akan menjelaskan ekonomi di negara kerana akan menjelaskan peluang untuk pelancong-pelancong datang kerana ketakutan dan sebagainya. Tidak cukup dengan kes membunuhan dengan kejam menggunakan senjata api di tempat awam, rakyat Malaysia juga dikejutkan juga dengan beberapa insiden mengamuk di tempat awam. Antaranya seorang lelaki dan wanita dikatakan mengamuk sambil melibas pedang samurai di Kompleks B Jabatan Perdana Menteri. Terbaru kes amuk sehingga menikam orang awam di stesen LRT pada Oktober lalu yang meragut nyawa orang awam.

Jadi, kes-kes sebegini melibatkan kesihatan mental yang tidak stabil. Kes-kes begini mungkin disebabkan oleh tekanan dalam hidup, masalah sosial dan sebagainya. Kita lihat hari ini kalau akta ini juga menekankan tentang orang-orang yang membawa alat-alat dalam kehidupan kerja mereka. Contohnya membawa pistol, contohnya pekebun getah membawa asid, contohnya doktor membawa jarum dan juga bawa parang sebagainya untuk pekerjaan harian. Akan tetapi kalau ada gangguan mental, kalau ada tekanan mental, kalau ada kesihatan mental yang tidak stabil, yang tidak baik, maka mereka ini yang membawa barang-barang yang agak berbahaya jika salah digunakan. Jadi, keadaan ini akan terjadi.

Jadi, kita lihat hari ini ada berita pembunuhan dalam keluarga terdekat. Orang sanggup sembelih datuk sendiri. Ada bapa sanggup sembelih anak sendiri dan ini menyebabkan masalah dalam situasi membawa alat-alatan yang pada biasanya adalah penting untuk pekerjaan. Jadi, kesihatan mental ini adalah penting. Saya harap kerajaan akan mengambil inisiatif yang lebih untuk memikirkan perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, bagi mengawal masalah tersebut, usaha kerajaan untuk menambah jumlah tahun untuk di penjara adalah wajar dan untuk memberikan pendidikan, peringatan dan sekali gus menghukum pesalah-pesalah tersebut. Di samping itu saya menyeru

untuk lebih banyak pengawasan polis, RELA dan sebagainya di kawasan-kawasan awam untuk memberi keyakinan kepada rakyat kepada keamanan negara.

Namun terdapat beberapa perkara yang perlu diteliti. Adalah tentang benda-benda asas atau peralatan biasa yang telah digunakan untuk menjadi senjata berbahaya untuk menyerang atau dijadikan senjata untuk bergaduh. Contohnya kayu besbol, kayu hoki dan bermacam-macam lagi peralatan yang digunakan sebagai senjata. Perkara ini haruslah dipandang serius oleh kerajaan tentang bagaimana untuk menghadapi suasana ini.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua yang saya ingin bawa kepada perhatian Dewan ini adalah tentang penggunaan mercun. Mercun yang pada masa kini sudah menjadi perkara biasa juga terutama menjelang musim perayaan. Saban tahun ketika musim perayaan terdapat banyak kes mangsa mercun dilaporkan di dada-dada akhbar. Kecederaan terbakar yang menyebabkan kerosakan pada anggota tubuh terutamanya muka dan juga ada sesetengah itu melibatkan kecacatan. Ada juga yang boleh membawa kepada maut.

Kementerian dan pihak berkuasa perlulah mengambil serius tentang perkara ini kerana dikhuatiri bahawa mercun ini juga boleh diguna pakai untuk dijadikan senjata untuk membahayakan orang lain. Jadi, saya ingin juga mengambil kesempatan mengucapkan selamat hari lahir kepada Yang Berhormat Parit tadi dan tahniah kerana tidak menggunakan mercun. Satu letupan berlaku dekat bilik operasi pilihan raya Barisan Nasional Nibong Tebal Pulau Pinang pada kempen pilihan raya yang lalu telah menyebabkan seorang lelaki cedera di kaki dan diikuti dengan dua bom petrol menyebabkan bilik operasi Barisan Nasional di Sekinchan Selangor terbakar pada bulan April yang lepas.

Saya percaya lebih banyak bom atau bahan letupan buatan sendiri yang bakal diletuskan sekiranya kerajaan tidak mengetatkan dan memberatkan hukuman yang sedia ada. Kita tidak mahu negara kita menjadi seperti di Mesir, Syria, Indonesia, Thailand yang sentiasa dihujani dengan perkara-perkara letupan bom dan sebagainya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, boleh gulung ya.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Bagan Serai mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Saya jemput Yang Berhormat Menteri menjawab. Sila.

12.59 tgh

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah berucap tadi dan rata-rata daripada pendengaran saya menyokong undang-undang ini.

Jadi percayalah Yang Berhormat saya sebelum sampai ke Dewan ini pun telah berbincang dengan pegawai-pegawai polis dan berbincang dengan pegawai-pegawai berkenaan

berhubung dengan pelaksanaan undang-undang ini nanti. Bagi pihak kementerian dan kerajaan, saya mengucapkan jutaan terima kasih atas sokongan Yang Berhormat untuk kita memperkasakan pihak polis untuk menangani masalah jenayah khususnya jenayah keras dan jenayah terancang di negara kita di Malaysia ini.

Yang Berhormat, sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum bahawa undang-undang ini memberi satu penekanan kepada kita supaya mengambil tindakan yang khusus, tindakan yang strategik terhadap mereka yang menjalankan aktiviti-aktiviti jenayah di seluruh negara. Akan tetapi, dalam masa yang sama saya memahami hakikat apa yang disebut Yang Berhormat tadi khususnya berhubung dengan senjata berbahaya umpamanya. Istilah senjata berbahaya ini ada dibahagi dua dalam undang-undang ini. Pertamanya senjata ...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Kita sambung selepas 2.30 petang.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Sebenarnya nak tunggu itu. Hendak sambung. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Okey. Baiklah Yang Berhormat, kita tangguhkan mesyuarat kita sehingga jam 2.30 petang.

[Mesyuarat ditempoahkan pada pukul 1.01 petang]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.]

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat.]

■1430

Tuan Yang di-Pertua: Sebelum saya panggil Yang Berhormat Menteri untuk menyambung hujah, menggulung, bentara ambil ingatan, Yang Berhormat Sepang sama Yang Berhormat Gombak, saya mahu Yang Berhormat Sepang sama Yang Berhormat Gombak untuk masuk balik.

Di sini saya akan bagi tahu kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, kalau saya menggunakan kuasa di bawah Peraturan Mesyuarat 44 dan saya tidak tetapkan berapa lama keluar- biasanya kalau saya tetapkan, bermakna *ten days, beyond that* saya tidak boleh lagi, kuasa Speaker. Akan tetapi kalau saya gantung, bermakna empat hari automatik.

Dalam pada itu, saya boleh menggunakan kuasa seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Puchong tadi iaitu Peraturan Mesyuarat 90, *I can use my discretion*. Jadi sebagai contoh, walaupun tadi saya kata, “*Yang Berhormat Gombak keluar, Yang Berhormat Sepang boleh keluar*”, sekarang ini boleh saya panggil mereka balik dengan menggunakan Peraturan Mesyuarat 90 kerana itu *discretion* saya. Begitu. Just sebagai contoh.

Jadi kalau Yang Berhormat Gombak sama Yang Berhormat Sepang masuk pun tidak apa-apa, saya izinkan kerana kalau saya tidak izinkan, bermakna persidangan akan datang ada lagi baki tiga hari untuk dia tidak boleh masuk. Sebagai peringatan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Sekarang ini Tuan Yang di-Pertua. izinkan dia orang masukkah? Belum lagi...

Tuan Yang di-Pertua: Kalau dia masuk sekarang ini pun, saya tidak akan halau dia.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Okey.

Tuan Yang di-Pertua: Bermakna dia boleh masuk.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Kalau begitu, kita telefon dia masuk.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, dia boleh masuk, boleh masuk. Sila Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri sekarang ini berhujah kerana apabila tadi ada wakil-wakil rakyat dari pembangkang keluar semua, tidak ada lagi yang berhujah. Terpaksa panggil Yang Berhormat Menteri untuk menjawab. Sila Yang Berhormat Menteri. Sila.

2.34 ptg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tengah menyebut tadi interpretasi *offensive weapon* ini ada dua dalam undang-undang ini. Satu, *offensive weapon*, dan satu lagi ialah *scheduled weapon*.

Ini yang saya hendak perjelaskan supaya jelas kepada semua wakil rakyat Ahli-ahli Yang Berhormat dan juga Dewan ini bahawa yang dikatakan *scheduled weapon*, yang dibaca oleh Yang Berhormat, kalau tak salah saya Yang Berhormat Parit tadi, membaca senarai yang dibubuh dalam Jadual iaitu sebanyak 12 jenis senjata dikatakan *scheduled weapons*. Ini yang disebut Yang Berhormat Parit. Akan tetapi yang tak disebut ialah *offensive weapon* yang biasa. Apa-apa sahaja- dalam bahasa Inggeris yang saya bacakan, minta maaf Tuan Yang di-Pertua, “*Includes any instrument which if used as a weapon offensive is likely to cause hurt*”. Jadi ini bermakna apa sahaja barang-barang yang boleh diguna untuk mendatangkan luka ataupun kesakitan kepada sesiapa, ia boleh diistilahkan sebagai *offensive weapon*. Jadi, itu kalau dia dipakai dengan tujuan sedemikian.

Jadi, itulah berbangkit kepada soalan yang dibangkitkan apabila orang-orang yang daripada kampung umpamanya bawa parang hendak pergi ke ladang, hendak pergi ke kebun dan pergi menoreh getah membawa *corrosive* dan sebagainya. Fakta yang pertama yang akan dilihat oleh pihak polis ialah untuk melihat apakah yang dia bawa dan ke manakah dia pergi. Kalau orang itu membawa *corrosive substances*, umpamanya, satu jenis, apa yang dikatakan tadi, bahan kakisan di tengah pasar raya, bukan sebab dia membeli dan untuk berjalan balik ke rumah atau ke ladang atau ke kebun, jadi dia terpaksa memberi penjelasan kenapa dia bawa benda itu, bahan itu. Kenapa bahan itu berada pada dia.

Jadi kalau dia pergi ke ladang ditahan oleh pihak polis, naik motor, naik kereta, hendak pergi ke ladang, pergi ke sawah, berjumpalah parang, berjumpalah benda-benda yang boleh diistilahkan sebagai *offensive weapons*, polis juga akan menggunakan budi bicara dan kebijaksanaannya dalam menyiasat dan dia tidak akan mengambil tindakan. Bahkan, saya dimaklumkan banyak kes yang demikian berlaku semasa membuat pemeriksaan dan *check* di tempat-tempat yang tertentu, polis terjumpa dan tidak pernah orang sejenis ini dituduh di

mahkamah. Jadi, sesuai dengan tempat, sesuai dengan masa, barulah polis mengambil tindakan kalau tidak ada penjelasan yang tertentu.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya berbangkit apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Parit tentang kawalan penjualan terhadap senjata berjadual secara terbuka dan mudah diperoleh dan perancangan kementerian untuk membendung belia remaja terlibat dalam kongsi gelap. Dia ada dua perkara.

Sebenarnya senjata berjadual tidak boleh dijual sewenang-wenangnya. Dia mesti mendapat kelulusan daripada kementerian dahulu. Bahkan bukan di peringkat bawahan tetapi sampai ke peringkat Menteri. Dibincangkan oleh pihak jawatankuasa yang tertentu dalam kementerian dan diputuskan sama ada penyelidikan sudah dibuat, apakah kegunaannya. Bahkan, baru-baru ini kita telah menggantungkan pihak yang tertentu yang mempunyai sebab-sebab yang tertentu untuk membawa senjata yang boleh dikatakan dalam *scheduled* ini ke Malaysia. Kita halangkan, kita tidak setuju.

Dalam keadaan sedemikian, sebenarnya tidak ada penjualan senjata berjadual secara sewenang-wenangnya. Kalau dijumpai, kalau Yang Berhormat terjumpa, lapor kepada pihak polis, kita akan ambil tindakan yang sebaiknya. Terima kasih. Sila Yang Berhormat.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tadi saya ada menarik mengenai macam mana kita buat kawalan semua ini ataupun bila ada rakyat bawa senjata api pergi kebun semua, kita bila hendak siasatan ini semua. Masalah itu kita lagi faham, senang lagi urus.

Akan tetapi masalah sekarang, rakyat persoalkan. Nampaknya sekarang selalu ada jenayah berlaku, semua menggunakan senjata api, pistolkah ataupun *shot gun*kah, tembak sini, tembak sana.

■1440

Ini rakyat persoalkan. Perkara ini macam mana? Kementerian ada satu rancangan ataupun satu cara macam mana mengawal senjata api haram ini daripada negara jiran kah ataupun dari mana. Kita bolehkah ada satu tindakan khas atas senjata api haram ini?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh tambah sedikit. Tuan Yang di-Pertua, saya setuju dengan rakan saya Yang Berhormat dari Bintulu sebab mutakhir ini Tuan Yang di-Pertua, rata-rata kes pembunuhan melibatkan senjata api. Dulu kita sudah bahas. Saya bimbang perkara ini berlarutan daripada ahli perniagaan, orang biasa kepada orang-orang politik. Kita wakil rakyat ini macam tidak *secure*, tidak selamat kedudukan kita. Jadi apa mekanisme yang dirancang oleh pihak pengguna polis contohnya untuk mengekang supaya senjata-senjata api haram ini tidak boleh bolos begitu sahaja. Dari mana puncanya senjata api ini? Adakah dari sempadan Thailand, dari sempadan Indonesia kah, dari sempadan Philippine kah sebab itu sahaja *border* kita yang luas, tidak ada lagi.

Kalau dibiarkan begini, Yang Berhormat Timbalan Menteri pun tidak selamat tetapi mungkin pihak KDN mungkin ada anggota-anggota lain yang boleh menjaga. Akan tetapi wakil-wakil rakyat lain macam Yang Berhormat Seputeh ini, macam saya, macam mana? Masalah ini

perlu kita lihat supaya tidak berlaku jenayah berleluasa sebab rakyat sendiri pun ada kebingungan dan kebanyakan perkara-perkara berlaku ini sukar untuk polis tangkap sebab mereka menggunakan berbagai-bagai helah untuk menutup muka dan sebagainya. Jadi, sukar kita mengenal pasti geng mana. Kalau adapun sudah begitu lambat dan sebagainya dan biasanya pihak polis apabila ada berlaku baru ada *road checking* dan sebagainya.

Jadi ini seharusnya, kalau boleh kita pasanglah kamera-kamera yang lebih selamat, yang boleh memberi keyakinan kepada orang awam, kepada pelabur-pelabur, kepada peniaga-peniaga untuk datang ke negara kita sebab kita ini sebetulnya banyak sudah isu-isu yang tidak memihak kepada kita, tidak memihak kepada kerajaan dan pembangkang memainkan isu-isu ini pula kononnya kelemahan pihak polis dan sebagainya. Sebetulnya pihak polis telah melakukan yang terbaik tetapi mungkin ada pendekatan-pendekatan yang baru yang boleh meyakinkan rakyat dan boleh mengekang aktiviti-aktiviti negatif seumpama ini. Terima kasih.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Terima kasih Yang Berhormat. Saya menyambut baik dua-dua Yang Berhormat daripada Bintulu dan Kinabatangan menyebut perkara yang amat relevan, yang dekat di hati rakyat. Saya cukup bersetuju apa Yang Berhormat sebut, rasa gelisah masyarakat di luar sana oleh kerana berlakunya penggunaan senjata khususnya senjata api yang dikatakan telah dibawa daripada negara luar ke dalam negara kita.

Sebenarnya Yang Berhormat kita telah merancang tetapi perancangan kerajaan ini bukanlah sekilip mata Tuan Yang di-Pertua. Umpamanya Yang Berhormat Menteri apabila melawat Kelantan dan saya sendiri melawat Kelantan, kita melihat Sungai Golok yang 95 kilometer itu dan juga di pendalaman di atas bumi dia ada 32 kilometer yang memang mudah betul kita hendak menyeludup. Walaupun kita ada unit penyeludupan di sana dan bekerja sepenuh masa untuk menjaga termasuk polis, tentera, PGA dan sebagainya. Akan tetapi dalam masa yang sama kita hendak *physical fencing*, secara fizikal. Ini telah kita sarankan kepada kerajaan dan saya sendiri telah berjumpa dengan beberapa pihak yang mempunyai teknologi-teknologi yang canggih, yang boleh mengesan apabila orang sampai ke batasan kita dan mengetahui sama ada ini manusia yang berjalan ataupun binatang yang berjalan ataupun kereta yang bergerak, hendak sampai ke batasan kita ataupun *border* kita.

Jadi, ini telah dirancang dan pihak kementerian telah memohon kepada kerajaan untuk mendapat sumber kewangan untuk membina apa yang Menteri kata fizikal *fencing*. Mula-mula kita hendak cadangkan *electronic fencing*. Ini boleh menghalang kerana kebanyakannya...

Seorang Ahli: [Bangun]

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: ...Tunggu Yang Berhormat ya, tunggu Yang Berhormat. Saya belum habis lagi. Kerana kebanyakan kemasukan senjata ke negara ini dikatakan ialah daripada Thailand. Bukan daripada Philippine dan bukan daripada Indonesia Yang Berhormat sebagaimana yang kita ketahui. Jadi kalau adapun daripada Kalimantan yang masuk ke Sarawak itu adalah senjata buatan sendiri yang mungkin tidak mempunyai kesan dan tidak akan sampai ke Semenanjung dan itu juga tidak pernah pun dipakai menjalankan aktiviti-

aktiviti jenayah. Hanya digunakan untuk *hunting* atau berburu. Jadi dalam keadaan sedemikian, itu perkara yang pertama.

Yang kedua Yang Berhormat, kita telah merancang undang-undang, daripada sudut undang-undang ya. Dulu selepas undang-undang EO ataupun ISA juga kita mansuhkan. Dengan sendirinya kita sudah tidak ada undang-undang preventif yang berkesan. Dengan ihsan Dewan ini telah diluluskan POCA ataupun *Prevention of Crime Act* yang baru ini dan POCA ini baru kita wartakan 1 April Yang Berhormat sebenarnya kerana proses pelantikan lembaga dan sebagainya. Kita pun baru mendaftar dan *preparation* di peringkat penjara dan tiap-tiap pegawai yang terlibat dan baru pun diwartakan dan terlaksana pada 2 hari bulan.

Insya-Allah Tuan Yang di-Pertua, polis tengah dan sedang mengambil tindakan kepada pihak-pihak yang kita tahu terlibat dengan penyeludupan senjata, penyeludupan dadah dan sebagainya tetapi tidak ada bukti-bukti yang telus, sebagaimana Yang Berhormat Kinabatangan sebut tadi. Jadi ini tengah dalam perjalanan walaupun kita sudah dedahkan perkara ini sebab dia dalam penyelidikan kerana kita mendapat nasihat daripada peguam negara, kita tujuhan haluan kita membawa pesalah-pesalah ini ke mahkamah dahulu, bukan untuk membawa mereka dalam tahanan di bawah DCA dan bawah pencegah-pencegah, sistem pencegah yang kita hendak bawa ke mahkamah.

Jadi dalam keadaan sedemikian, kita selidik dahulu sepenuhnya. Kalau dapat, kita akan tuduh mereka ke mahkamah. Barang yang tidak cukup bukti dan sebagainya baru kita menggunakan sistem-sistem penahan lain. Jadi Yang Berhormat Kinabatangan dan juga Yang Berhormat daripada Bintulu, percayalah kita baru hanya mewartakan 1 April Yang Berhormat dan baru dilaksanakan undang-undang ini, diwartakan pada 2 hari bulan. Bahkan semalam bila saya bertanya, polis tengah dan sedang membuat, mungkin kita tidak bagi di dalam pihak umum kerana biarlah polis menjalankan tugas mereka dan saya juga bersetuju kita akan laporan kesan daripada tindakan ini nanti kepada sesi Parlimen yang akan datang. Ya Yang Berhormat.

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]: Terima kasih.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Tunggu, tunggu Yang Berhormat. Yang Berhormat dulu.

Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyentuh tentang penyeludupan yang telah disebutkan oleh rakan daripada Sabah tadi. Berbalik pada isu Lahad Datu yang berlaku pada tahun lepas di mana kebanyakan senjata dan orang-orang yang telah masuk telah hilang tanpa dapat dikesan. Mungkin orang dapat dikesan tetapi tanpa senjata dan jadi tidak ada apa-apa tindakan boleh diambil. Ada juga tadi menyatakan bahawa sebahagian besar daripada senjata yang telah dibawa masuk oleh penceroboh di Lahad Datu telah ditanam atau disorok di tempat-tempat tertentu. Jadi, apakah usaha yang berterusan pihak keselamatan untuk mencari senjata-senjata ini supaya perkara ini tidak berulang atau senang diulang tanpa orang-orang luar membawa apa-apa senjata masuk. Ini kerana kita telah dibayangkan bahawasanya ada kalanya *stockpile* senjata telah berada di dalam

negara terutamanya tempat-tempat terpencil dan tanpa apa-apa kuat kuasa yang berterusan atau konsisten. Apa-apa undang-undang yang kita gubal juga tidak berkesan tanpa *enforcement*.

Jadi saya rasa kita perlulah tengok dari dua sudut. Dari segi *enforcement* yang berterusan dan konsisten dan juga undang-undang ini sebagai *deterrent* kerana kalau tidak ada mereka yang membuat kesalahan ini dihukum dengan seberat-beratnya, tidak ada *deterrent* tanpa juga *enforcement*. Mohon.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Ya, terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, pihak polis telah menubuhkan satu Unit Gempur dan Risik. Tujuannya ialah untuk memperkuatkan lagi dari sudut risikan kita berhubung dengan apa sahaja perkara yang mendarangkan, menjelaskan keselamatan negara.

■1450

Jadi, unit ini bekerjasama dengan pihak-pihak yang telah *establish*, unit macam *special branch*, CID umpamanya. Membuat risikan, khusus untuk mencari persoalan Yang Berhormat sebutkan tadi itu iaitu *stockpiles*. Kalau-lah ada ditanam di Malaysia, di Sabah khususnya. Apabila senjata ini dibawa daripada Filipina dahulu semasa insiden di Lahad Datu.

Jadi, perkara ini masih dalam selidikan dan risikan. Polis kita juga telah mengadakan kerjasama yang erat dengan pihak berkuasa di Filipina untuk mengetahui daripada *sources* itu sendiri, ada atau tidak senjata-senjata ini dibawa dan tidak dibawa balik oleh pihak ini ke Filipina atau pun telah dibuang ke dalam laut ataupun ditanam di mana tempat ia ditanam, kalau ada. Yang Berhormat.

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]: Terima kasih Timbalan Menteri. Saya mahu tanya. Saya tidak setuju dengan apa yang dicakapkan oleh Timbalan Menteri tentang senjata haram yang diseludupkan ke Sabah dan Sarawak ia bukan untuk melakukan jenayah. Akan tetapi pada dua tahun yang lalu, sudah berlaku tiga kes pembunuhan dengan senjata haram. Dua kes berlaku di Sibu, satu berlaku di Miri. Memang melibatkan senjata haram.

Jadi, nampaknya ketiga-tiga kes ini melibatkan kongsi gelap. Jadi, nampaknya kongsi-kongsi gelap di Sarawak mungkin mempunyai senjata-senjata haram api ini. Jadi, apakah rancangan KDN untuk menangani masalah senjata api.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya kita tidak membezakan apa yang kita ambil tindakan di Sabah dan tindakan yang kita ambil di Kelantan, di Perlis, Kedah atau di Kuala Lumpur. Kita tidak membezakan. Pihak polis akan berusaha untuk memantau, merisik dan mencari maklumat berhubung dengan perkara ini. Tangkapan-tangkapan ataupun pengambilan, *seizure of weapons* ini di Sarawak membuktikan bahawa kebanyakannya senjata-senjata yang buatan sendiri ini didapati daripada Kalimantan.

Jadi, untuk membuktikan yang diseludup daripada Kalimantan itu diguna untuk melakukan. Saya mengetahui kes Yang Berhormat sebut itu. Itu daripada sempadan Kalimantan ataupun daripada sini. Kebanyakan yang kita jumpa di Kalimantan, di Sarawak ialah buatan sendiri, *shot gun* dan sebagainya. Dalam keadaan sedemikian, saya tidak juga boleh menafikan mungkin juga ada senjata-senjata ini diseludup daripada Kalimantan.

Akan tetapi yang saya tahu, daripada Kalimantan itu hanya *rifle* lama jenis Sigma, yang tidak pernah dengar Tuan Yang di-Pertua. Dahulu dipakai semasa *emergency* komunis dahulu. *Rifle* Sigma ini dibuat di Czechoslovakia dan digunakan untuk angkatan keselamatan pada ketika itu. Akan tetapi *rifle* ini masih dijumpai di Kalimantan. Saya sendiri terjumba kerana saya pernah ditahan oleh pihak ini semasa saya pergi ke Kalimantan pada lima, enam tahun yang lepas. Mereka ini bergaduh sesama sendiri di antara mereka dan Madura.

Saya pernah ditahan dan mereka menunjukkan *rifle* yang digunakan jenis Sigma, bukan *rifle* buatan sendiri. Kita tidak pernah pun jumpa lagi *rifle* ini di Sarawak. Sila Yang Berhormat.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin hendak buat satu cadangan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Daripada pemerhatian saya dan juga *feedback* daripada penghuni-penghuni Bandar Kuching dan Stampin, kita dapat bahawa kegiatan-kegiatan kongsi gelap semakin banyak terutamanya dari segi perjudian haram, dari segi aktiviti along, dari segi aktiviti pelacuran.

Jadi, saya berpendapat bahawa jika kita biarkan aktiviti kongsi gelap ini semakin berleluasa, gengster-gengster ini akan semakin berani, semakin mereka ada banyak *resources* untuk membeli senjata. Adanya geng-geng yang sentiasa lawan sesama sendiri. Yang Berhormat Timbalan Menteri, di Bandar Kuching dan Stampin sahaja terdapat 200 kedai *reflexology centre*. Saya bukan hendak *against reflexology centre* yang tulen dan betul tetapi yang tidak tulen, itu yang saya ghairah. Ini kerana *almost* setiap minggu saya dapat aduan daripada penduduk-penduduk di kawasan saya bahawa rumah tangga mereka musnah kerana kegiatan sebegini, terutamanya anak-anak mereka yang pergi ke kawasan judi haram.

Jadi, soalan mereka kepada saya bahawa kalaularan anak-anak mereka boleh begitu senang mendekati perjudian haram dan juga kegiatan-kegiatan kongsi gelap ini, kenakah polis tidak dapat menyelesaikan masalah ini dengan sewenangnya. Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Inilah selalu tanya orang cerita senjata api jadi cerita ini, cerita kongsi gelap, kongkalikung. Tuan Yang di-Pertua, ini saya hendak bertanya soalan tambahan ini. Yang Berhormat Timbalan Menteri, kita begitu ramai pendatang asing ini. Saya difahamkan apabila kita menjalankan program 6P dan 31 hari bulan, *from the first* sampai 31 Ogos 2011, sudah ada 1.3 juta.

Saya mahu tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, kita ada lihatkah perkara 6P ini? Kita semua ada betul-betul di bawah 6P ini kita ada siasat atau tidak? Ada pendatang asing ini ataupun kita ambil program 6P ini, hendak *regularize* pendatang asing ini. Kita ada siasat betul-betul, adakah mereka terlibat dalam jenayah atau tidak? Contoh macam di Bintulu, masuk-keluar, masuk-keluar. Polis kata kita memang ada suspek tetapi bukti tidak ada. Satu bulan boleh keluar-masuk enam tujuh kali tetapi apabila polis tanya, apa tujuan dia datang, dia kata kita makan angin sahaja. Akan tetapi selalu masuk keluar. Kita suspek dia ada terlibat dalam *criminal* tetapi kita tidak boleh buat apa-apa. Apa cadangan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri?

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Terima kasih Yang Berhormat daripada Bandar Kuching...

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Stampin.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Yang Berhormat Stampin dan juga Yang Berhormat Bintulu. Yang Berhormat Stampin, judi dan kongsi gelap Yang Berhormat. Sebenarnya Yang Berhormat, kita telah sebelum ini mengisyiharkan beberapa badan dan pertubuhan sebagai badan haram di seluruh Malaysia. Saya masih tengah mengkaji Tuan Yang di-Pertua dan saya telah dapati ada hampir 20 lagi badan-badan sedemikian di Sarawak yang belum kita isytiharkan. Saya masih menunggu pengesahan daripada pihak polis. Saya tidak hendak orang yang *innocent* menjadi *victim*. Jadi, saya hendak pengesahan daripada polis, pihak-pihak yang dikatakan kongsi gelap yang haram ini akan kita sahkan dan selepas itu kita akan isytiharkan kepada umum Yang Berhormat.

Selepas diisyiharkan kepada umum Tuan Yang di-Pertua, kita akan mengambil tindakan sebagaimana yang saya sebutkan tadi, *Prevention of Crime Act* sudah pun diwartakan dan telah dilaksanakan. Kita ambil tindakan Yang Berhormat, sebab judi itu Yang Berhormat, juga perkara yang sama Yang Berhormat. Apa yang masalah berlaku sekarang adalah tidak tepat mengatakan polis tidak mengambil tindakan. Kita telah mengambil banyak tindakan. Serbuan demi serbuan kita buat. Beratus serbuan di setiap bandar. Saya tahu, di Kuching, di Sibu, di Bintulu. Inilah tapak-tapak yang banyak perjudian haram ini yang kita ketahui.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: *[Bangun]*

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Minta maaf Yang Berhormat, saya bercakap dahulu. Duduk dahulu. Hari ini kita serbu, kita sita, kita ambil komputer mereka dan sebagainya. Lima enam hari akan datang, satu lagi terbuka di sana. Ada juga kadang-kadang kita minta pihak berkuasa tempatan supaya jangan dibenarkan, diluluskan tempat-tempat ini untuk satu-satu tujuan yang tertentu.

■1500

Kita juga berhubung dengan pihak berkuasa memberi bekalan elektrik supaya jangan disambung elektrik, jangan disambung air dan sebagainya. Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, kita kena ada basis undang-undang dia juga. Kalau tidak ada basis undang-undang, kita dapati KDN pun kena saman. Yang Berhormat, peguam-peguam ini semua tahu sebenarnya. Jadi kita mengambil tindakan, kita berjaga-jaga dalam kita mengambil tindakan kita tidak akan menjadi *target* atau sasaran tindakan mereka kepada kita. Jadi dengan adanya undang-undang ini Yang Berhormat kita tahu siapa orangnya...

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Sedikit.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Saya sudah beritahu, saya tidak kisah siapa dalam komuniti. Sama ada dia tinggi dalam komuniti atau besar dalam komuniti, kata dengan polis, ambil tindakan. Ini *big bosses* ini. *Big bosses...*

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Yang Berhormat Menteri, minta penjelasan.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: ...Dia punya *leader* ini, kita tidak hendak lagi yang kecil-kecil ini. Budak-budak yang jaga komputer, budak-budak jaga *cafe* itu ditangkap dan lepas itu hilang begitu sahaja. Seminggu lepas itu bos dia beri komputer baru, masuk baru. Jadi ini kita tahu. Saya tahu Yang Berhormat. KK daripada kawasan Yang Berhormat itu, dia hantar surat kepada saya. Apa dia kata? Yang Berhormat minta tolong, ini *gangsters*. Dia sebut nama. Saya tahu orang itu sebab kita sudah berbincang dengan polis.

Dia kata orang hendak buat satu tempat karaoke di dalam tempat *residential*. Akan tetapi masalahnya dia pernah buat *renovation* kepada rumah *residential* itu untuk digunakan sebagai tempat karaoke tetapi kita tidak tahu dia hendak guna karaoke kah ataupun dia hendak guna rumah itu untuk sebagai macam rumah karaoke tetapi untuk kediaman. Bukti belum ada pada kita. Akan tetapi laporan pada saya sudah terima. Jadi saya sudah boleh bertindak.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Yang Berhormat Menteri, minta penjelasan.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Satu lagi Yang Berhormat. Tunggu Yang Berhormat. Ada lagi, yang ini minta juga tadi. Satu lagi. Orang yang *protection money*. Tiap-tiap kontraktor yang masuk di kampung kawasan Cina, Melayu, Iban dan sebagainya itu, baru masuk sahaja sudah ada *collector* ini datang. Kita tahu dengan orangnya tetapi mana undang-undangnya? Jadi kita sudah tahu, kita sudah ada senarai dia, *insya-Allah* Yang Berhormat dengan undang-undang ini, kita ambil tindakan dengan mereka ini. Kita hendak bersih juga benda-benda macam ini. Sila Yang Berhormat.

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berkenaan dengan cadangan oleh kementerian untuk membina pagar atau dinding atau tembok untuk memastikan supaya tidak ada hidupan di tempat Yang Berhormat Timbalan Menteri sebutkan tadi di Kelantan. Saya tidak tahu cadangan terperincinya tetapi saya berharap ia mengambil kira supaya laluan atau tembok itu meliputi daripada seolah-olah pantai barat Kuala Perlis sampailah ke pantai timur di Pangkalan Kubur misalnya supaya memastikan ia benar-benar efektif.

Keduanya, supaya mengambil kira bahawa hubungan rakyat antara selatan Thailand dengan utara Semenanjung sama ada di Kelantan, Perak ataupun di Perlis dan Kedah adalah hubungan yang ratusan tahun lamanya daripada rakyat yang kaum dan agamanya sama supaya pertimbangan-pertimbangan agar laluan yang jelas, jambatan-jambatan di Pangkalan Kubur misalnya ataupun laluan-laluan rasmi yang lebih jelas supaya ia tidak menukar, merubah dan menghalang hubungan rakyat yang telah pun berlaku ratusan tahun lamanya. Maknanya cadangan saya supaya kementerian berunding dengan JPS- tebatan banjir satu lagi. Tembok itu kalau ia boleh menghalang daripada membanjiri masalah lama di Kelantan, Rantau Panjang dan Tumpat misalnya banjir. Kalau ia boleh menghalang juga banjir, ia suatu yang positif kepada rakyat dan negara kita saya harap. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, kalau pada satu ketika nanti kerajaan meluluskan peruntukan yang kita dikehendaki ataupun sistem yang kita

perkenalkan kalau ia dibuat secara penswastaan, sistem diterima oleh pihak kerajaan, kita akan berbincang dengan pihak kerajaan negeri yang berkenaan. Semua kerajaan negeri yang kita lalui itu kita akan bincang. Yang Berhormat, ia tidak boleh diputuskan oleh Kerajaan Pusat sahaja Yang Berhormat, ia akan dibincangkan dengan kerajaan negeri kerana laluan itu di atas tanah kerajaan negeri. Keputusan menggunakan laluan itu masih juga terletak di tangan kerajaan negeri bahkan saya sendiri sudah bincang dengan MB Kelantan bahawa dengan perkara yang sama.

Jadi itu perbincangan yang awal dan kita menerima hakikat bahawa perhubungan di antara orang utara Malaysia dengan orang selatan Thailand itu memang akrab. Banyak tali persaudaraan, banyak perkara-perkara yang di luar jangka. Macam juga negeri Sarawak, perhubungan kawasan saya di Teluk Melanau dengan kampung yang di sebelah Indonesia pun begitu juga Yang Berhormat. Jadi kita ambil kira semua perkara ini dan memudahkan semua pihak serta menghalang kemasukan penyeludupan apa sahaja jenis barang termasuk senjata dan dadah yang kita tahu membanjiri Kelantan sampai ke Terengganu, Pahang. Ketamin yang begitu murah sekali daripada Thailand. Jadi Yang Berhormat kita akan ambil kira semua perkara dan terima kasih atas cadangan Yang Berhormat.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya kurang setuju dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi berkaitan dengan pelaksanaan untuk mengawal perjudian haram terutamanya pengendalian pusat-pusat mesin kuda di seluruh negara. Saya pasti ini bukan sahaja satu masalah di mana-mana satu kawasan Parlimen, saya juga yakin semua Ahli-ahli Parlimen pun akan bersetuju dengan saya bahawa ini adalah masalah besar yang dihadapi oleh semua. Kalau kita kata kita tidak ada satu mekanisme yang tertentu untuk membendung masalah ini, saya tidak tahu kenapa sebab masalah ini ialah masalah yang berlaku tiap-tiap hari.

Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri kata hari ini kita tangkap, esok boleh buka balik. Akan tetapi ini menunjukkan bahawa ada sedikit masalah dalam sistem kita sendiri. Bagaimana perkara ini boleh berlaku? Bagaimana orang mengoperasi ini berani buat walaupun kita ada pihak berkuasa tempatan, kita ada polis, kita ada macam-macam, agensi penguatkuasaan tetapi mereka berani juga melakukan dan ini menjadi satu masalah yang amat serius. Hari ini kita berbincang tentang masalah senjata api. Salah satu daripada faktor ataupun yang menyebabkan wujudnya masalah ataupun jenayah-jenayah yang lebih besar seperti masalah jenayah senjata api ini berpunca daripada jenayah-jenayah yang lain seperti ini.

Bermula daripada pusat-pusat operasi ini di mana di sitolah berlaku banyak jenayah-jenayah lain dan di sitolah lahirnya anak-anak muda kita yang tersungkur daripada landasan moral dan mereka melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti gengsterisme dan sebagainya dan akhirnya mereka melakukan jenayah-jenayah yang lebih besar. Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk memberi keyakinan kepada rakyat bagaimana ataupun caranya tindakan akan diambil oleh Kementerian Dalam Negeri untuk membendung *all out*. Kita mesti ada satu *political will*. Kita tidak boleh cakap datang ke sini, setiap kali dalam Parlimen kita buat satu

undang-undang baru atau memperbaiki undang-undang tetapi kalau kita tidak ada *political will* untuk menyelesaikan masalah itu di peringkat akar umbi, masalah ini tidak akan diselesaikan. Terima kasih.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat, boleh sambung sedikit? Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat bersetuju kah bahawa di samping Kementerian Dalam Negeri, kerajaan-kerajaan negeri juga harus memantau sebab saya percaya banyak aktiviti-aktiviti haram berlaku di negeri-negeri. Contohnya di Lembah Klang, Selangor. Negeri ini diperintah oleh seorang pemerintah yang konon hebat tetapi banyak betul aktiviti gejala negatif berlaku. Unsur-unsur itu bermula di situ. Geng haram lah, geng macam-macam. Jadi seharusnya pihak kementerian juga memberi tekanan kepada kerajaan-kerajaan negeri ini. Jangan sekali-kali membiarkan aktiviti haram ini berlaku, sebab tidak akan dia tidak tahu. Dia bagi lesen, Kerajaan Persekutuan tidak bagi, dia bagi *trading license*. Jadi ini masalah besar yang kita hadapi. Jadi FDM, polis pula disalahkan. Minta pandangan Yang Berhormat.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, yang pertama saya hendak stress kan soalan *political will* yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat daripada apa tadi? Batu Gajah.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Batu Gajah.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: *Political will* lah...

■1510

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Sepang sudah ada permissionkah Tuan Yang di-Pertua?

Seorang Ahli: Sudah-sudah, boleh masuk...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Oh, sudah.

Tuan Yang di-Pertua: *[Ketawa]* Boleh, boleh, boleh.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: *Political will*lah..

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Bukankah tadi Yang Berhormat Kinabatangan kata dia hendak telefonkah? Yang Berhormat Kinabatangan kata hendak telefon Yang Berhormat Sepangkah tadi? *[Ketawa]*

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Menteri teruskan.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya *political will*lah yang menunjukkan kekuatan kerajaan memperkenalkan undang-undang dan membuatkan sistem-sistem. Selepas itu apabila undang-undang dan sistem ini kita laksanakan dan boleh diguna pakai, memperkasakan pihak polis menjalankan tindakan, *insya-Allah political will* tetap ada pada kerajaan kita.

Yang Berhormat yang tidak sokong dengan *political will* kita ini yang jadi satu masalah Yang Berhormat sebenarnya. Jadi saya berterima kasih juga dengan Yang Berhormat

Kinabatangan. Patutnya kerajaan negeri tunjuk juga keprihatinan kepada tindakan-tindakan kita. Khususnya jangan beri api, jangan beri air, dan jangan beri lesen untuk menggunakan *premises* tertentu.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *[Bangun]*

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Yang Berhormat saya masih bercakap Yang Berhormat.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Yang Berhormat Menteri kata ada *political will*. Akan tetapi masalah ini masih wujud di luar.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Yang Berhormat, duduk Yang Berhormat.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Itu masalahnya.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Yang Berhormat...

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: *Political will* bukan sekadar kita buat undang-undang sahaja Yang Berhormat Menteri.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Yang Berhormat...

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Kita buat undang-undang dalam Parlimen tidak cukup.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Yang Berhormat...

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Kita perlu *political will* untuk selesaikan masalah itu di peringkat akar umbi, itu yang penting Yang Berhormat Menteri.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Yang Berhormat, duduk Yang Berhormat. Yang Berhormat, saya Yang Berhormat, apabila Tuan Yang di-Pertua atau Speaker duduk dekat sana bercakap Yang Berhormat, saya sentiasa duduk. Dalam Dewan Yang Berhormat, saya *have a floor*. Saya beri berapa lama Yang Berhormat boleh bercakap, kalau itu habis *floor* Yang Berhormat, balik kepada saya. Melainkan *floor* itu ditarik oleh Tuan Yang di-Pertua. Bila Tuan Yang di-Pertua bercakap, baru *floor* saya hilang. Tuan Yang di-Pertua *have the floor*. Jadi jangan begitu...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ini mahu cuti barangkali Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Jadi...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kinabatangan, kalau saya beri Yang Berhormat Batu Gajah cuti berserta dengan Yang Berhormat Kinabatangan... *[Dewan riuh]* Sama-sama cuti. Sila Yang Berhormat, sila.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Terima kasih, Yang Berhormat Kuala Langat minta tolong- *volume* itu turun sikit.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Kenapa, Yang Berhormat Shah Alam mahu cuti juga dengan Yang Berhormat Kinabatangan?

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Jadi Yang Berhormat, kita ada *political will* Yang Berhormat. Akan tetapi saya bermohon sokongan daripada Yang Berhormat sekalian, semua Yang Berhormat, *it is a cross political divide*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Ini perkara nasional. Ini perkara jenayah, bukan politik.

Jadi saya berharap *political will* daripada kerajaan yang dilaksanakan oleh pihak polis ini sepatutnya sokongan oleh semua pihak untuk menangani masalah ini. Apa yang saya sebutkan tadi ialah masalahnya kita, pekerja dalam itu menyewa satu bangunan. Selepas itu diberikan dengan semua perkara instrumen, komputer, dan sebagainya. Esok ia sudah jadi kedai komputer yang boleh berjudi haram.

Akan tetapi bila kita tangkap, penyewa pun bukan tauke, yang kita tangkap. Akan tetapi polis mengetahui Yang Berhormat, siapa mereka itu dengan undang-undang ini telah dilaksanakan, kita ambil tindakan sebagaimana Yang Berhormat Batu Gajah sebut. *Insya-Allah* Yang Berhormat, tunggulah dan beri kita masa dalam masa lima ke enam bulan, selepas ini kita akan beri laporan kepada Dewan ini apakah kesan daripada sudut undang-undang. Jadi saya Yang Berhormat- Yang Berhormat Shah Alam ini, kalau bercerita hal ini, berceritalah hal ini sahaja.

[Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said] mempergerusikan Mesyuarat]

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Ya, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Bukan apa, saya hendak tegur jugalah ucapan Yang Berhormat Timbalan Menteri yang menuduh seolah-olah kerajaan-kerajaan negeri memberikan lesen. Ini merupakan satu pertuduhan yang tidak berasas kecuali kalau dibuktikan memang kita beri lesen judi atau pun lesen untuk melakukan perkara-perkara yang bercanggah dengan undang-undang, ya.

Akan tetapi apabila dilakukan serbuan sepertimana yang di sebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, kita bermasalah juga. Ia samalah juga yang seperti mana yang disebutkan. Kita perlukan kerjasama daripada pihak polis. Bila sudah serbu, tutup hari itu, esok boleh buka balik dan ini merupakan satu perkara yang mungkin kita perlu kaji dari sudut undang-undang, ya di mana premis itu boleh di sita dan pemilik premis yang memberi rumahnya ataupun kedainya untuk di sewa untuk kegiatan-kegiatan yang sebeginu rupa boleh juga dikenakan tindakan undang-undang...

Seorang Ahli: Setuju.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Bagaimana pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Pertamanya Yang Berhormat...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya melihat, minta Peraturan Mesyuarat dahulu. Peraturan Mesyuarat 41A, saya hendak merujuk kepada pakaian Ahli Parlimen Seputeh. Dalam tulisan ini ia *blouse*, tapi dia pakai *t-shirt* dan tidak panjang. Dia pakai sampai ngam-ngam lutut sahaja. Ini menunjukkan dia tidak menghormati pakaian.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Tuan Yang di-Pertua, ada orang hendak cari fasal.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Dia harus menghormati Parlimen.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Diskriminasi

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Buang masa.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ini bukan buang masa, ini peraturan

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Bunag masa cari fasal, warna merah tidak boleh...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Peraturan Mesyuarat, kita rujuk peraturan.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: ...Jadi kuning pun tidak boleh masuk dan Yang Berhormat Bintulu pakai baju biru pun tidak boleh masuk.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Siapa kata? Kita...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Mana ada *t-shirt*!

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *Blouse* ini kena baju tetapi dia pakai *t-shirt*, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Tuan Yang di-Pertua, ini Yang Berhormat Kinabatangan *just* buang masa sahaja.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Ini adalah satu diskriminasi.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya rujuk dengan Tuan Yang di-Pertua, biar Tuan Yang di-Pertua buat *ruling*.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Ini memang buang masa ini.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Buang masa dan diskriminasi terhadap wanita.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Yang Berhormat Kinabatangan hendak jadi Tuan Yang di-Pertua [*Ketawa*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, ya Yang Berhormat Kinabatangan, ya Yang Berhormat Kinabatangan. Yang Berhormat yang lain duduk, ya. Yang Berhormat hari ini hari terakhir kita, berapa jam lagi kita hendak tamat. Jadi saya benarkan, ya.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Minta dia tarik balik.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, ya. Tidak mengapa saya benarkan. Tidak mengapa. Sila, Yang Berhormat Menteri.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya Tuan Yang di-Pertua bukan apa, budak sekolah ramai tengok, nanti dia kata di Parlimen pun suka-suka pakai. Terima kasih.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Apa salah dengan pakaian saya? [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Seputeh cukup Yang Berhormat Seputeh.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Apa salah dengan pakaian saya? You tidak ada kerja lainkah, tidak ada topik lainkah?

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Yang Berhormat...

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Nanti bila pelajar sekolah tengok di Parlimen suka-suka cakap [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya cukup, cukup Yang Berhormat. Sila, sila Yang Berhormat Menteri.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Putatan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Budak-budak sekolah Tuan Yang di-Pertua, kiri kanan pakai blazer tahu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, saya faham, saya faham.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Tuan Yang di-Pertua, soal rang undang-undang kita ini sudah melenceng begitu jauh.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Saya menjemput balik kepada soalan pokok rang undang-undang pokok. Soal senjata dan hakisan. Ini satu pertanyaan yang sering ditanya oleh ahli-ahli RELA Yang Berhormat Timbalan Menteri, yang mana katanya di semenanjung, ahli RELA ini diberi senjata. Di Sabah dan Sarawak kadang-kadang *walkie-talkie* pun tidak diberi.

Seorang Ahli: Tidak boleh?

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Tidak boleh, minta wakil rakyat. Jadi persoalannya, apabila kita menyuruh dengan kerjasama polis membuat satu pemeriksaan atau pun gerak operasi dengan pendatang-pendatang haram atau pendatang tanpa izin, mereka gantung diri dengan tidak bersenjata Yang Berhormat Menteri. Jadi apakah cadangan Yang Berhormat Menteri di Kementerian Dalam Negeri ini melihat bahawa anggota-anggota RELA ini diberi sekurang-kurangnya satu senjata dalam lima orang apabila beroperasi?

Jadi satu pertanyaan yang rakyat mahu dengar Tuan Yang di-Pertua, untuk RELA dan juga kalau dengan sukarela... [Di sampuk] Ini kerana *the ESSCOM* ini kita ada ATM, kita ada PDRM, kita ada APMM dan yang *last* sekali orang awam. Jadi orang awam ini siapa? Ini semua badan-badan sukarela yang membantu ESSCOM. Jadi bolehkah Yang Berhormat Menteri melihat dengan latihan supaya anggota-anggota ini diberi latihan dan diberi lesen untuk

memegang senjata yang dianggap sebagai senjata apilah? Minta penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: [Bangun]

Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]: Yang Berhormat Menteri, tambah sedikit, kes yang sama, boleh? Minta laluan, ya. Pertama sekali kita banyak mempunyai tuan-tuan punya lesen senjata api terutama sekali senjata api jenis senapang patah yang dimiliki oleh orang-orang yang veteran dan berumur yang menggunakan senjata-senjata tersebut kebanyakannya hendak menjaga dusun, hendak menembak kera dan sebagainyalah yang merosakkan tanaman dan buah-buahan di kampung-kampung.

■1520

Jadi ramai dalam kalangan mereka telah pun membuat permohonan kepada KDN untuk hendak transferkan lesen tersebut kepada anak-anak mereka, waris tetapi selalunya ditolak. Jadi, apakah pendirian kementerian dalam soal ini? Ini kerana kita pun sedar kalaular tuan empunya lesen itu yang mungkin sudah pun lanjut usia 70 tahun atau 80 tahun, yang memang hendak menggunakan senjata itu pun sudah agak sukar kerana mungkin matanya pun sudah kelabu. Akan tetapi mereka minta untuk dipindahkan miliknya kepada anak-anak mereka tetapi ditolak. Jadi, mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Ada tiga orang Yang Berhormat. Jadi, selepas saya menjawab Yang Berhormat tiga orang itu, saya akan balik kepada pembahasan asal dari Yang Berhormat Gerik dan Yang Berhormat Parit. Kalau tidak, tidak habis cerita. Jadi yang pertama Yang Berhormat Shah Alam menyebut dua perkara. Satu perkara saya menuduh kerajaan negeri kata dia. Sebenarnya, saya hanya menyeru kerajaan negeri, bukan menuduh Yang Berhormat. Saya tidak sebut pun mana kerajaan negeri.

Saya menyeru kerajaan negeri memberi kerjasama kepada pihak-pihak polis supaya kalau negeri itu perlukan lesen untuk penggunaan *premises* itu, tolonglah lihat juga premis jenis mana yang diberi lesen, premis mana yang tidak boleh. Kita kena tahu juga *purposes* premis itu hendak direnovatekah ataupun dibuat. Jadi itu yang kita berkehendak kerjasama semua pihak, pihak Majlis Tempatan, polis dan sebagainya supaya kita boleh mengatasi masalah ini.

Kedua Yang Berhormat, saya ambil kira Yang Berhormat. Kadang-kadang Yang Berhormat Shah Alam ini sebagaimana sebut ada juga baik yang dicadangkan itu... *[Disampuk]* Jadi kebanyakannya mengacau sahaja. Minta maaflah Yang Berhormat.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Tuan Yang di-Pertua, mintalah dia tarik balik. Sudahlah puji, dia kutuk pula.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *[Ketawa]* Bukan kadangkala baik, biasanya baik. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, ini petang-petang ini gurauan sahajalah. Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Saya memang bukan hendakkan itu, tidak. Saya kata dia banyak benda yang *substantive* dibawa itu. Jadi kita ambil kira Yang Berhormat. Apa Yang Berhormat sebut itu tadi, kita ambil kira dan kita akan lihat macam mana kita boleh laksanakan untuk kebaikan bersama.

Kedua, yang disebut oleh Yang Berhormat daripada Putatan. Yang Berhormat Putatan sudah lama tidak berhubung dengan saya. Jadi saya lupa dengan dia [*Ketawa*] Yang Berhormat Putatan ini dia kata RELA Yang Berhormat ya. Soalan RELA. Kita mempunyai hampir tiga juta ahli RELA di seluruh negara sekarang ini.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: [Bangun]

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Tunggu Yang Berhormat Bintulu. Hampir tiga juta. Mengikut penilaian kita Tuan Yang di-Pertua, hampir satu juta yang aktif. Satu juta yang aktif. Jadi, persoalan untuk melengkapkan mereka ini dengan senjata, memang payah sikit. Walau bagaimanapun, saya akan kaji apa Yang Berhormat cadangkan tadi, tiap-tiap lima RELA Yang Berhormat sebutkan. Lima RELA ada satu senjata untuk mereka. Kita akan kaji kesesuaianya, keperluannya dan kemampuan kerajaan untuk mewujudkan senjata yang sebeginu banyak.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, terutama sekali semasa operasi. Bila mereka buat operasi itu, pakai tangan dan kuku sahaja...

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Ya, terima kasih. Itulah menyediakan senjata di tiap-tiap unit RELA mungkin. Kita akan *study* dan saya bukan janji apa-apa Yang Berhormat. Ikut kemampuan kita, kebolehan kita dan juga melatih RELA ini untuk menggunakan senjata. Senjata ini tidak boleh diberi begitu sahaja Tuan Yang di-Pertua. Ada tanggungjawab yang amat besar kepada mereka yang memegang mana-mana senjata. Bukan sahaja dia mendatangkan masalah kepada orang lain tetapi juga boleh mendatangkan masalah kepada mereka sendiri. Latihan mesti mencukupi.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: [Bangun]

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Tunggu Yang Berhormat Bintulu. Daripada Yang Berhormat Jerlun tadi, itu berhubung dengan banyak kes yang mana dahulunya mempunyai lesen *Carry and Use*. Ada juga lesen *ownership* kepada senjata-senjata dan *Carry and Use* ini mungkin diberi kepada anak-anak dia. Akan tetapi bila bapa itu sudah menjadi tua, dia hendak senjata ini dipindah kepada anaknya dan permohonan ini memang banyak kita lihat Yang Berhormat. Di seluruh negara dari Sabah sampai ke Perlis kita lihat.

Kita *study case-by-case basis*. Kalau dia duduk anak ini, duduk di Kuala Lumpur jadi kerani ataupun jadi pengurus bank atau sebagainya, dia mohon lesen, bapanya itu tidak mampu lagi untuk jaga kebun, mungkin kita tidak pertimbangkan. Kita tengok keperluannya bukan oleh sebab dia anak kepada bapa yang mempunyai lesen. Ini jadi satu dasar kementerian dan pihak polis berhubung dengan senjata api ini. Ini kerana pada ketika ini, kita tidak mahulah banyak sangat senjata api di dalam negara. Ya Yang Berhormat Bintulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Bintulu.

Datuk Rozman bin Isli [Labuan]: *[Bangun]*

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Saya telah berjanji, tidak bagi lagi tadi. Akan tetapi Yang Berhormat Bintulu ini...

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Mengenai isu RELA ini, terlibat dengan senjata api. Kita memang sudah mempunyai ramai ahli. Kata tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri beritahu kita ada tiga juta tetapi cuma hanya satu juta yang aktif ataupun sangat aktif dalam negara kita. Akan tetapi Yang Berhormat Timbalan Menteri sedarkan atau tidak kita sekarang ada cadangan daripada Yang Berhormat Putatan kata lima mesti mahu ada senjata api bagi menjalankan tugas dan beroperasi.

Saya rasa, kalau kita tidak mengadakan betul-betul punya latihan ataupun *training*, apakah tugas RELA? Tambah lagi sekarang tidak bagi senjata. Nanti lepas ini, cadangan akan datang, kita beri senjata api. Masalahnya sekarang saya terima banyak aduan dari Sibu, Sarawak, di Bintangor sana. Ada ketua RELA di Bintangor. Dia bawa senjata api tolong mengawal tempat sabung ayam. Macam mana? *[Ketawa]*

Ini bukan daripada saya, daripada soalan rakyat. Dia kata, “*Macam mana ini ketua RELA Bintangor tolong jaga tempat sabung ayam*” *[Ketawa]* Bawa senjata api, *shotgun* dia. Minta penjelasan.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, biar saya ringkaskan sahaja ini. Sebenarnya, masalah kita di Sarawak itu, senjata api ini masih di bawah kerajaan negeri Yang Berhormat ya, masih di bawah kawalan kerajaan negeri dan penggunaannya pun diletak di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Memang saya setuju. Memang tidak adapun kerajaan negeri hendak bagi senjata api untuk persendirian atau peribadi dan diguna oleh pegawai RELA. Ini kita tahu juga. Selepas itu, dia menjadi jaga sabung ayam pula.

Jadi, itulah kenapa Yang Berhormat Putatan kita kena kaji keseluruhan benda ini... *[Disampuk]* Kita kena kaji keseluruhannya di mana letak kerana RELA ini, dia bukan pegawai polis dan pegawai tentera yang berhak membawa senjata macam badan-badan yang lain. Dia sukarelawan sahaja Yang Berhormat. Jadi ada garis-garis panduan yang tertentu bagaimana RELA ini berfungsi. Itu jawapan saya Yang Berhormat.

Jadi kembali kepada persoalan yang dibangkit oleh Yang Berhormat Parit...

Datuk Rozman bin Isli [Labuan]: *[Bangun]*

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: ...Berhubung dengan...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Labuan bangun.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: ...Bagi...

Datuk Rozman bin Isli [Labuan]: Sikit sahaja Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Labuan itu ada RELA Yang Berhormat?

Datuk Rozman bin Isli [Labuan]: Bukan RELA, ini di Sabah ini...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Datuk Rozman bin Isli [Labuan]: ...Tradisinya memang ramai yang memiliki senjata api tradisional yang dibuat sendiri yang dipanggil bakakuk. Ia satu yang menakutkan. Budaya yang kalau tidak dibendung, mungkin akan membuatkan society melihat tolerance itu tinggi. Sekarang ini selalu lagi kita baca *local newspaper* yang sebut fasal pergaduhan menggunakan bakakuk ataupun tangkapan yang disebabkan oleh bakakuk. Jadi, apakah yang diketahui mengenai bakakuk yang dirasakan masih banyak di Sabah ini?

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: *[Bercakap tanpa menggunakan pemberitaan suara]*

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Ia sama dengan di Sarawak Yang Berhormat. Sebagaimana yang telah saya sebutkan tadi, berlakunya orang membuat senjata api sendiri tetapi semua kesalahan ini belum lagi menjadi satu kesalahan di bawah undang-undang senjata api. Jadi, siapa sahaja yang menggunakan sama ada nama dia bakakukkah, *shotgunkah* ataupun apa benda sahaja yang dibuat sendiri, ia menjadi satu kesalahan di bawah undang-undang. Jadi saya akan meminta taklimat daripada ketua polis negeri ataupun *Commissioner Police* Sabah untuk mengetahui seberapa jumlah dan maklumat yang diketahui berhubung dengan perkara ini Yang Berhormat.

■1530

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, memandangkan ini mereka-mereka yang terlibat buat senjata buatan sendiri ini pada saya mereka ini kreatif dan inovatif. Jadi adakah kementerian mungkin memanggil mereka ini untuk dilatih seterusnya buat bengkel senjata dan kita *legalize* untuk pasaran tempatankah. Sebab mereka ini begitu kreatif membuat senjata-senjata seumpama ini. Adakah usaha sedemikian, jadi mungkin daripada dia *illegal* sudah *legal*, daripada tidak. Jadi kita eksport pula pergi mana-mana negara dan negara kita menjadi pengeluar senapang tidak perlu lagi kita import.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, dia sudah jauh ke tempat yang lain Tuan Yang di-Pertua. Walaupun dia ada *relevancy* dia, sebenarnya setakat ini kementerian tidak ada mengambil tindakan sebagaimana Yang Berhormat- saya anggap serius perkara ini tapi kalau Yang Berhormat ini boleh kumpul orang ini dalam satu Dewan, saya boleh bawa ketua polis untuk melihat. Kita juga mempunyai pakar-pakar senjata kita Yang Berhormat untuk melihat sama ada dia boleh membantu atau tidak kita.

Bagi Yang Berhormat Parit, bagi tujuan untuk mengawal para belia terlibat dalam kongsi gelap pihak polis sentiasa memberikan perhatian serius dalam perkara ini. Antara langkah yang diambil dengan menjalankan kerjasama dengan Kementerian Pendidikan, Kementerian Belia dan Sukan dan persatuan ibu bapa. Antara langkah yang diambil seperti pelantikan Pegawai Perhubungan Sekolah (PPS) di semua sekolah rendah dan menengah. Bagi pusat pengajian tinggi dengan penubuhan SUKSIS bagi mengisi masa lapang remaja dengan aktiviti-aktiviti yang berfaedah.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya hampir sudah jawab semua Yang Berhormat Parit, Yang Berhormat daripada...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Gerik.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Yang Berhormat Gerik, semua persoalan itu sudah dijawab awal tadi. Jadi Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja jawapan saya. Mana yang tidak dijawab tadi Yang Berhormat Parit kita akan cuba beri jawapan bertulis. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) mempengerusikan Jawatankuasa]

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

Fasal-fasal 1 hingga 3 -

Tuan Pengurus [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ada minat bahas? Ya, satu, dua, selepas Yang Berhormat Sepang, Yang Berhormat Batu Gajah selepas itu Yang Berhormat Menteri menjawab. Sila.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Terima kasih kepada Tuan Pengurus. Saya tidak sempat untuk berbahas di Peringkat Dasar kerana dihalau tadi. Jadi saya ingin mengambil bahagian dalam perbahasan di Peringkat Jawatankuasa ini pertamanya akta ini mungkin- tidak saya tidak pasti di peringkat dasar ini dibincangkan secara mendalam tetapi saya ada pengalaman mengendalikan kes-kes di bawah akta ini. Malahan saya berani mengatakan akta ini telah digunakan semasa zaman reformasi dahulu, ramai peserta-peserta daripada demonstrasi menjadi mangsa kepada akta ini. Saya berani mengatakan akta ini boleh juga menjadi sumber kepada penyalahgunaan kuasa.

Jikalau kita lihat tujuan akta ini dipinda seksyen 6 dan juga seksyen 7 ini adalah untuk mengenakan hukuman yang lebih berat ke atas pesalah-pesalah yang didapati bersalah di bawah akta ini. Di mana digantikan, kalau dahulu pihak mahkamah mempunyai budi bicara dalam pengenaan hukum sebab perkataan yang digunakan adalah jikalau saya boleh izinkan saya boleh membaca dalam ayat yang asal, "Any person who in any public road or place carries or has in his possession or under his control any offensive weapon otherwise than with lawful of authority or for a lawful purpose, shall be guilty of an offence and on conviction billable to imprisonment for a terms not exceeding two year and two whipping."

Jadi kalau sebelum pindaan ini mahkamah diberikan budi bicara untuk mengenakan hukuman dan tidak melebihi daripada dua tahun tetapi sekarang ini kita lihat pindaan yang dibuat ini menghilangkan sama sekali budi bicara hakim, di mana hakim terpaksa apabila seseorang itu didapati bersalah di bawah seksyen 6 ini kena jatuhkan hukuman yang tidak kurang daripada lima tahun dan tidak boleh lebih sepuluh tahun. Maknanya kita *start* dengan lima tahun dulu. Sama ada kerajaan sedar atau tidak sebelum ini kerajaan telah meminda *Criminal Procedure Code* di mana kalau kita lihat *the spirit of* pindaan itu antaranya memperkenalkan apa yang dipanggil *plea bargaining*.

Plea bargaining bermaksud pihak pendakwa dengan pihak tertuduh melalui peguam bela boleh berbincang bagi berunding berkenaan dengan hukuman sekiranya anak guam peguam bela itu bersedia mengaku salah. Kita tahu pengakuan salah dapat menjimatkan banyak perkara. Kita dapat menjimatkan masa mahkamah, dapat mengelakkan *backlog*, dengan izin dan *plea bargaining* ini satu perkara yang memang berlaku di seluruh sistem jenayah ini. Namun dengan pengenalan apa yang dipanggil *minimum sentence* ini ataupun *mandatory sentence* ini budi bicara hakim telah di tiadakan. Maknanya apabila seseorang itu ingin mengaku bersalah pun hakim terpaksa kenakan hukuman lima tahun minimum.

Jadi ini akan mengakibatkan kesalahan-kesalahan di bawah seksyen 6 ini mungkin kita tidak akan ada pengakuan salah. Sebab *once you* mengaku salah, *you* kena hukuman lima tahun. Walaupun orang itu mungkin kali pertama melakukan kesalahan, walaupun tidak ada rekod jenayah, walaupun mungkin ada unsur-unsur yang dia bawa senjata itu kerana sebab-sebab tertentu. Akan tetapi dengan pindaan ini sudah pasti dia akan mengakibatkan peguam bela menasihatkan anak guam ini jangan mengaku salah, akan lawan dan akan pergi rayuan dan sebagainya. Maknanya proses itu akan berpanjangan.

Saya lihat ada satu trend kerajaan sekarang ini cuba, walaupun mungkin berniat baik untuk selesaikan masalah jenayah, tetapi kita lihat kita punya *reaction* itu terlalu *over reaction*, kita *over react* sehingga kita menafikan sama sekali konsep *mercy in the punishment*. We must understand that dengan izin, justice must be tempered with mercy- ini satu principle. Sebab *mercy* ini atau belas kasihan ini adalah diberikan kepada hakim tetapi dengan adanya *minimum sentence* ini, hakim tidak lagi boleh menunjukkan belas kasihan kepada orang kena tuduh.

Kita kena faham juga apabila kita hilangkan kuasa hakim untuk menjatuhkan hukum, memilih hukuman-hukuman ataupun kita menghilangkan budi bicara hakim dari segi mengenakan hukuman. Hakikatnya kita telah memindahkan dengan izin, we had shifted the sentencing power to the prosecutor. Kerana apa saya kata begitu sebab pendakwa raya dia boleh memilih di bawah akta mana dia hendak dakwa.

■ 1540

Kalau dia mungkin ada rasa dendam dengan seseorang itu, dia akan dikenakan di bawah akta ini. Ini, apabila dikenakan di bawah akta ini maka orang yang kena tuduh itu akan jadi mangsa. Oleh sebab itulah menurut kajian yang dibuat oleh Professor Michael Tonry daripada seorang profesor daripada Amerika Syarikat. Dia mengatakan: “*Janganlah kita ingat apabila kita*

mengenakan minimum sentence ini akan mengakibatkan reduction of crime". Saya quote apa dia kata, "The weight of the evidence clearly shows that enactment of mandatory penalties has either no demonstrable marginal deterrent effects or short-term effects". Dia kata. Maknanya tidak ada, sebenarnya tidak mempunyai kesan yang deterrence walaupun dikenakan hukuman yang berat.

Tuan Pengerusi, saya hendak ambil sikit perbandingan dengan undang-undang Islam. Kalau kita lihat dalam sistem jenayah undang-undang Islam ini, tidak ada hukuman *mandatory sentence* ke atas hukuman penjara. *In fact*, hukuman penjara ini dalam undang-undang Islam boleh dikatakan tidak termasuk dalam hukuman ke atas kesalahan-kesalahan berat. Dalam sistem perundangan Islam jenayah ini ia ada tiga kesalahan:

- (i) hudud;
- (ii) qisas; dan
- (iii) takzir.

Hudud dipanggil... *[Berucap dalam bahasa Arab]* Satu hukuman yang telah ditetapkan. *We can say as mandatory sentence*. Akan tetapi dalam masa yang sama, kesalahan bagi *mandatory sentence* sedikit sangat. Kebanyakan ulama mengatakan enam kesalahan. Enam kesalahan sahaja yang berat yang dikenakan *mandatory sentence*. Akan tetapi dalam masa yang sama, dalam Islam apabila dikenakan hukuman, *because we believe that* hukuman hudud ini daripada Allah SWT. *God knows the best*. Apabila Allah SWT meletakkan hukuman hudud ini, Dia meletakkan syarat-syarat yang hampir mustahil kita hendak penuhi. *The idea is* untuk hanya menakutkan tetapi bukan untuk betul-betul hendak laksanakan.

Saya bagi contoh, kalau seseorang itu dikenakan hukuman mencuri. Dalam Islam ada mandatori iaitu potong tangan. Berdasarkan al-Quran... *[Membaca sepotong ayat al-Quran]* Begitu juga orang yang katakan menuduh orang lain berzina tanpa dikatakan ada saksi, Islam meletakkan hukuman mandatori... *[Membaca sepotong ayat al-Quran]* Ini hukumannya tetap 80 rotan. Lapan puluh rotan tidak boleh diubah. Parlimen tidak boleh ubah, mahkamah tidak boleh ubah, semua tidak boleh. Ini hukuman Allah SWT.

Akan tetapi dalam masa yang sama, bagi kesalahan-kesalahan di bawah hudud ini, yang *mandatory sentence* ini, ia punya *requirement* untuk jatuhkan hukum itu sangat *strict*. Sebagai contoh, *the standard of proof*, ia bukan *beyond the reasonable doubt*. Ia dipanggil *beyond any shadows of doubt*, *al-yakin 100%*. Makna kalau ada 0.001 pun, tidak boleh kena hukum.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Sepang jangan panjang sangat yang terakhir. Saya faham.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Saya hendak katakan hukuman itu hukuman yang berat tetapi *strict requirement*. Akan tetapi dalam kes ini, dalam kes yang kita hendak bahaskan ini kita lihat apa sahaja yang *mandatory sentence* ini ia punya *standard of proof* ini *still* tidak dikira sebagai satu yang tinggi. *Beyond the reasonable doubt* ini bukan 100% *doubt*. Malahan kalau dalam Islam sekali sebagai contoh, saya hendak bagi contoh. Kalau orang itu mengaku bersalah pun, dia mengaku bersalah mencuri tiba-tiba sudah jatuh hukum hendak

potong tangan sahaja, dia kata saya tarik pengakuan. *In Islam you have to detract*, tidak boleh teruskan *punishment*.

Hatta kalau disebat seratus rotan, tiba-tiba dalam masa sudah tiga rotan, dia kata saya tarik balik, saya tarik pengakuan. Ketika itu tidak boleh teruskan hukuman. Oleh sebab... [Berucap dalam bahasa Arab] "Hendaklah kamu tarik balik hukum hudud kalau ada keraguan".

Saya hendak katakan *strict*, begitu *strict*. Tiba-tiba kita letakkan hukuman yang begitu berat dalam keadaan *requirement of proof* tidak berubah. Maknanya, kalau kita teruskan hukuman ini ia akan mendatangkan sebenarnya kezaliman ke atas orang yang kena tuduh. Oleh sebab orang- saya pernah bercakap dalam PCA dulu, orang yang pernah melakukan jenayah ini, mereka didorong oleh pelbagai motivasi. Bukan satu *motivation*. Oleh sebab itulah hukumannya berbeza. Oleh sebab itu kita letak *discretion* pada hakim, sebab tidak semua orang melakukan jenayah dengan motivasi yang sama. Ini kerana terpaksa, kerana paksaan dan macam-macam. Jadi kalau kita letak hukuman satu sahaja, bermakna kita anggap semua kesalahan dilakukan kerana dorongan yang sama. Itu masalahnya.

Saya hendak tegaskan di sini bahawa hukuman minimum ini juga di Amerika Syarikat saya hendak bagi contoh, mungkin Yang Berhormat Menteri boleh pertimbangkan. Walaupun mereka mengenakan hukuman *minimum sentence* bagi kesalahan di bawah akta contohnya *Anti Drugs Abuse Act 1986*. Dalam akta ini memang ada *minimum sentence*. Akan tetapi dalam masa yang sama, akta ini juga memperkenalkan pengecualian dalam perkara tertentu di mana *minimum sentence* tidak boleh dilaksanakan. Akan tetapi dalam akta yang kita bentangkan ini, tidak ada pengecualian. Hukuman tidak ada pengecualian. Dalam undang-undang saya hendak bagi contoh di Amerika Syarikat ini, ia mengenakan hukuman minimum tetapi ia ada dua pengecualian. Pertamanya, *is the accuse co-operate with the government*. Makna dalam keadaan tertentu apabila orang tuduh dia bekerjasama, ketika itu boleh dipertimbangkan oleh kerajaan untuk tidak dikenakan hukuman *minimum sentence*.

Kedua, kalau dipanggil *safety valve* di mana kalau kesalahan itu dikira masih lagi-walaupun kesalahan itu dianggap kesalahan yang berat tetapi ia ada bersifat *non-violence*. Ketika itu pun boleh hakim mengenakan hukuman yang tidak berdasarkan hukuman minimum. Akan tetapi kalau kita lihat sekarang ini, tiada pengecualian. Kita sudah banyak kesalahan hukuman *minimum sentence* dalam PCA berapa banyak *minimum sentence*. Ini pun sama. Malahan dalam undang-undang ini kalau kita tengok seksyen 8 bukan sahaja orang yang membawa *offensive weapon* itu dikenakan. Termasuk orang yang *consorting* - dalam Bahasa Melayu apa? Orang yang...

Seorang Ahli: Bersubahat.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Bukan bersubahat. *Consort* saya tahu apa- dalam Bahasa Melayu apa? Orang yang *consort* ini mereka juga boleh dikenakan hukuman tengok balik seksyen 8. Seksyen 8 ini dia *extend* hukuman itu bukan hanya kepada orang yang menyimpan senjata itu. Termasuk orang- contohnya dia naik kereta, orang yang bersebelahan dia, mungkin dia hanya tumpang orang itu. Dia boleh juga dikenakan hukuman- boleh juga

didakwa. Apabila didapati bersalah, dia dikenakan hukuman yang sama. Saya hendak baca seksyen 8. Apa Barisan Nasional bising pula?... *[Disampuk]* Mana boleh bahas macam ini. You bahas lainlah. Ini bukan dasar.

"Consorting with persons carrying offensive weapons in public places-

- 8(1). *Any person who consorts with, or is found in the company of, another person who is carrying or has in his possession or under his control any offensive weapon in contravention of section 6, in circumstances which raise a reasonable presumption that he knew that such other person was carrying or had in his possession or under his control any such weapon shall, unless he shall prove that he had reasonable grounds for believing that such other person was carrying or had in his possession or under his control any such weapon for a lawful purpose, be guilty of an offence and shall be liable to the like punishment as that other person"*

Maknanya kalau kita duduk sebelah pun, ia boleh didakwa dan apabila didakwa *the burden of proof is shifted to* orang yang kena tahan itu. Dia yang kena buktikan, kenapakah dia tidak tahu sebenarnya orang itu memiliki senjata? Jadi ini semua menunjukkan bahawa kalau kita kenakan hukuman yang tidak ada elemen budi bicara ini, ia mungkin boleh membawa kepada abuse. Kezaliman dan kezaliman inilah perkara yang kami khawatirkan. Oleh sebab saya kata budi bicara telah dipindahkan daripada hakim kepada pendakwa raya.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Sepang.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang hakim ini- saya hendak gulung. Hakim ini di *trained* berdasarkan pengalaman dia untuk mengenakan hukuman....

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Batu Gajah ada peluang untuk berucap nanti.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Tidak. Saya hendak tanya sedikit sebab saya akan sentuh perkara ini nanti. Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Sepang, berkaitan dengan seksyen 8 tadi. Berkaitan dengan *consort*, orang yang berdampingan itu. Apakah hukuman- bagaimana pentafsiran yang dibuat oleh Yang Berhormat Sepang berkaitan dengan hukuman yang akan dikenakan kepada beliau?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Dalam seksyen 8 ini, hukumannya sama. Maknanya orang yang- contohnya orang sudah simpan parangkah, apa dalam kereta sebagai contoh. Orang ikut dia, mungkin anak dia dan sebagainya, berdampingan boleh dikenakan. Sama ada selepas itu dia kena atau pun tidak itu satu hal. Akan tetapi undang-undang ini membenarkan mereka didakwa dan masalahnya apabila didakwa itu, dia akan kena hukuman yang sama. Kalau kata hukumannya yang lebih rendah, okey juga. Saya bagi contoh kalau hukuman- kalau sebelum pindaan ini dua tahun.

■1550

Mungkin orang yang berdampingan itu mungkin dia kena lebih rendah sebab hakim ada *discretion*. Mungkin oleh kerana dia hanya berdampingan sahaja, mungkin kena lima hari dan sebagainya. Akan tetapi dalam waktu sekarang ini, undang-undang sekarang ini, orang yang berdamping itu juga kalau didapati bersalah, hakim tidak ada pilihan, lima tahun paling minimum. Tidak ada pilihan. Kali pertama salahkah atau tidak ada rekod jenayahkah atau mengaku bersalahkah, semua lima tahun.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Yang Berhormat Sepang.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Shah Alam.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Terima kasih Yang Berhormat Sepang. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya tertarik dengan penghujahan Yang Berhormat Sepang. Kalau ikut dengan apa yang dijelaskan, *the burden of proof* ataupun tanggungjawab untuk membuktikan bahawa orang yang bersamaan ataupun berdampingan itu tidak bersalah, dia kena buktikan. Maknanya kalau dia tidak boleh buktikan bahawa dia tidak tahu barang itu ada dalam kereta itu, maka dia akan didapati bersalah dengan sendirinya begitu. Adakah itu yang dimaksudkan?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yes. Tengoklah wording- seksyen 8.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: So, macam mana dia hendak buktikan bahawa dia tidak tahu? Boleh atau tidak Yang Berhormat Sepang ceritakan bagaimana hendak buktikan saya tidak tahu barang itu ada dalam kereta dan hendak yakinkan hakim bahawa sebenarnya dia tidak tahu.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Memang pada prinsip asal untuk pengetahuan Yang Berhormat Shah Alam, semua dalam kes jenayah ini, *burden of proof* adalah di bawah pendakwa sebab orang dianggap tidak bersalah kecuali dibuktikan bersalah. Memang kita akui ada sesetengah, memang bukan dalam undang-undang ini sahaja yang ada *reversed burden of proof* ini, *reversal* ini, ada juga dalam undang-undang lain. Akan tetapi apa yang saya hendak katakan, *the peculiar nature of these offence* ini, dia boleh tertakluk kepada salah guna itu dengan mudah.

Memang bukan mudah untuk kita hendak buktikan dengan satu-satu, Yang Berhormat Shah Alam, walaupun sering dikatakan oleh mahkamah sudah tentulah beban pembuktian bagi orang yang tertuduh dengan pembuktian ke atas pendakwa raya berbeza *standard of proof*. Biasanya dalam bentuk tertuduh ini, kalau dia ada dikenakan beban membuktikan, dia punya *standard of proof* itu hanya *balance of probabilities*. Akan tetapi, dia tetap menyusahkan. Bukan mudah. Kalau mahkamah tidak percaya, habislah dia. Contoh, kalau dulu katakan dia memang mungkin tahu, dia terus mengaku salah. Akan tetapi sekarang ini, dia kata kalau aku mengaku salah pun kena lima tahun.

Saya minta sangat Yang Berhormat Menteri kalau boleh kaji semula ini di peringkat jawatankuasa ini dan saya juga memohon supaya mungkin boleh beri pengecualian dalam kes-

kes tertentu ini, kita masukkan satu peruntukan atau peruntukan tambahan bahawa walaupun ada kuasa *minimum sentence* itu untuk hakim ini hendak menjatuhkan hukum, tetapi dalam masa yang sama, hakim juga diberi pilihan dalam *circumstances* tertentu dia boleh menggunakan diberi pilihan untuk juga tidak tertakluk seratus peratus kepada *minimum sentence* ini. Itu sahaja. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila Yang Berhormat Batu Gajah.

3.53 ptg.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya melihat pindaan yang dibuat kepada Akta Bahan-bahan Kakisan dan Letupan dan Senjata Api Berbahaya ini dalam kaca mata yang agak berbeza dengan apa yang dilihat oleh Yang Berhormat dari Sepang.

Walau bagaimanapun, saya tidak mengatakan bahawa hujah-hujah Yang Berhormat Sepang itu salah ataupun tidak. Itu adalah pandangan beliau. Akan tetapi saya bukan juga mengatakan bahawa saya tidak bersetuju langsung dengan kesemua yang dikatakan oleh Yang Berhormat Sepang tetapi ada satu dua perkara yang saya mempunyai pandangan yang berbeza. Walau bagaimanapun, saya bersetuju juga dengan beliau dengan beberapa perkara yang lain.

Pertama sekali berkaitan dengan prinsip kenapa membuat pindaan ini. Kenapa kita hendak buat pindaan ini? Apabila kita membuat satu pindaan ataupun satu undang-undang, Parlimen mempunyai satu niat, dan niat itu datangnya daripada rakyat. Apabila kita meluluskan satu undang-undang di Parlimen, ini bermaksud niat itu mesti dikuatkuasakan di mahkamah. Kalau kita balik kepada undang-undang asal sebelum pindaan ini, apa niat sebenar kepada undang-undang.

Apabila saya membaca, dan mungkin juga ada antara beberapa Hakim Majistret mempunyai pandangan yang sama dengan pandangan saya, di mana mereka merasakan bahawa dalam undang-undang yang ada dulu, hukuman penjara dan sebatan adalah mandatori. Walau bagaimanapun, ada juga hakim-hakim yang turut membuat satu keputusan yang berlain yang mengatakan bahawa hukuman yang dijatuhkan di bawah seksyen 6 dan juga seksyen 7 tidak mandatori.

Sebagai contoh kalau kita lihat dalam satu kes *Pendakwa Raya vs Yoh Kah Meng* pada tahun 2010, orang kena tangkap dituduh di bawah seksyen 6(1) bagi satu kesalahan di dapati dalam kawalannya sebilah pedang panjang 21 inci bersarung besi hitam dijumpai di dalam keretanya di tempat letak kereta di Medan Selera Kuantan. Orang kena tangkap telah mengaku salah tanpa syarat terhadap pertuduhan. Orang kena tangkap didapati bersalah dan disabitkan dengan pertuduhan dan seterusnya mempertimbangkan rayuan. Mahkamah telah menjatuhkan hukuman denda sebanyak RM2,000. Kalau tidak bayar denda itu, lima bulan penjara.

Dalam keputusan yang dibuat itu menunjukkan bahawa hukuman penjara dan sebatan itu tidak mandatori. Itulah keputusan yang dibuat oleh hakim pada masa itu. Saya tidak tahu

adakah itulah niat sebenar Parlimen apabila meluluskan undang-undang ini. Adakah Parlimen mempunyai niat supaya ada budi bicara diberikan kepada hakim ataupun tidak ada ruangan kepada hakim untuk menggunakan budi bicaranya. Jadi itu adalah penting.

Pada hari ini kita hendak buat pindaan, dan pindaan itu mestilah jelas apa niat kita, apa niat Parlimen, apa niat rakyat, apa yang mahu kita luluskan pada hari ini. Itu adalah penting. Kita tidak boleh buat satu undang-undang di mana kita sendiri tidak tahu, kita biarkan mahkamah untuk buat interpretasi kepada undang-undang yang kita buat di sini tetapi niatnya berbeza. Ini adalah salah satu prinsip yang sangat penting, sebab apa yang kita niatkan dalam Parlimen itu, itulah yang akan dilaksanakan di luar. Itu adalah penting. Jadi kita harus mengetahui itu terlebih dahulu. Adakah niat kita untuk menjatuhkan hukuman penjara dan sebatan sebagai mandatori ataupun kita hendak beri budi bicara kepada hakim?

Perkara ini harus dijelaskan dengan teliti dalam undang-undang yang kita buat. Sekarang, undang-undang baru yang kita buat ini jelas menunjukkan bahawa tidak ada budi bicara kepada hakim yang bakal membuat keputusan di mana sudah ditetapkan bahawa kalau ada kesalahan di bawah seksyen 6(1), maka hukuman penjara minimum lima tahun akan dikenakan dan paling maksimum sepuluh tahun akan dikenakan. Jadi undang-undang yang dibuat sekarang ini tidak memberi ruangan kepada hakim.

Jadi saya tidak tahu apa niat Parlimen yang sebenar. Apakah niat kerajaan yang sebenar pada hari ini untuk membawa rang undang-undang ini. Sama ada hendak beri ruangan kepada hakim ataupun langsung tidak mahu beri ruangan kepada hakim dan membuat satu tetapan yang jelas bahawa itulah keputusan Parlimen pada hari ini, supaya pentafsiran yang dibuat pada masa hadapan oleh hakim tidak bertentangan dengan niat yang diwujudkan dalam Parlimen. Ini bukan satu sahaja kes. Ada banyak kes yang telah diputuskan sebelum ini.

Dalam satu lagi kes di mana *Pendakwa Raya lawan Wahab* pada tahun 1964. Orang kena tangkap di bawah seksyen 6(1) akta ini dan ketika kes dirujuk ke Mahkamah Tinggi untuk satu semakan, hakim menyatakan bahawa dengan izin, “*My interpretation to this section is that the term imprisonment is not mandatory and a fined maybe imposed in lieu of imprisonment. In exercise of my power of revision, I enhance the sentence by imposing a fined of RM50 in default three months imprisonment.*”

Ini dalam keputusan yang dibuat oleh Hakim yang mengatakan bahawa hukuman penjara tidak mandatori dan hukuman sebatan juga tidak mandatori. Jadi dia ada budi bicara untuk membuat keputusan. Akan tetapi isu yang saya bangkitkan pada hari ini ialah apakah niat Parlimen pada hari itu dan keputusan yang dibuat oleh hakim adalah sama, sejajar. Ataupun Parlimen pada hari itu oleh niat yang berlainan tetapi keputusan yang dibuat oleh hakim adalah berlainan. Kita tidak mahu perkara itu berlaku. Kita mahu Parlimen membuat satu undang-undang dengan satu niat dan niat itu dilaksanakan oleh pihak kehakiman. Itu yang penting...

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

■1600

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Sedikit lagi. Dalam satu lagi kes *Teo Siew Peng vs Pendakwa Raya* pada tahun 1993, hakim dalam semakannya terhadap hukuman lima bulan penjara yang telah dijatuhkan oleh majistret. Dalam kes ini, majistret pada awalnya telah membuat pentafsiran yang berlainan. Beliau merasakan bahawa hukuman penjara itu adalah mandatori dan telah menjatuhkan hukuman lima bulan penjara. Kemudiannya perkara ini telah dibawa kepada hakim Mahkamah Tinggi dan hakim pula telah membuat interpretasi yang berlainan. Beliau merujuk kepada kes ini dan berkata, “*The learned trial magistrate has conducted that section 6(1) of the act carries a mandatory imprisonment sentence but I am reading section 6(1), I do not think so*”. Dia mempunyai pandangan yang berlainan.

Jadi ini menunjukkan bahawa undang-undang yang sedia ada pada masa ini, sebelum pindaan ini adalah agak kabur di mana ada pertikaian untuk membuat keputusan sama ada perkara itu mandatori ataupun tidak mandatori. Pada hari ini Parlimen telah membuat satu keputusan untuk membawa satu pindaan kepada seksyen 6 dan juga kepada seksyen 7 di mana menetapkan hukuman minimum dan juga hukuman maksimum. Ini akan menjadikan hukuman penjara dan hukuman sebatan itu menjadi mandatori. Saya tidak tahu adakah itu niat sebenar Parlimen.

Berkaitan dengan satu perkara yang dibawa oleh Yang Berhormat Sepang iaitu berkenaan dengan seksyen 8. Saya juga minta supaya Menteri mengkaji semula pada seksyen 8 ini walaupun tidak ada pindaan yang dibuat kepada seksyen 8. Saya rasa seksyen 8 ini perlu dilihat kembali sebab apabila kita buat pindaan kepada suatu akta, kita kena lihat dan baca semula keseluruhan akta itu supaya tidak ada apa-apa kelompongan, kita tidak buat kesilapan. Apabila kita baca, selepas buat pindaan ini dan kita baca seksyen 8, ia menjadi lain pula sebab dulu kita ada bagi budi bicara, mungkin kita ada bagi budi bicara kepada hakim, mungkin itu niat. Akan tetapi sekarang apabila perkara ini sudah menjadi mandatori dan hukuman lima tahun dikenakan, hukuman minimum lima tahun dikenakan dan maksimum sepuluh tahun dikenakan dan kita tidak membuat apa-apa perubahan kepada seksyen 8, ini adalah bahaya.

Seperti mana yang diberitahu oleh Yang Berhormat Sepang tadi, orang yang berada bersama-sama, orang yang berdampingan dengan orang yang melakukan jenayah itu juga tertakluk kepada hukuman yang sama. Saya tidak tahu adakah ini wajar sebab seperti mana yang diberitahu oleh Yang Berhormat daripada Sepang, saya amat bersetuju dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Sepang tadi.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Batu Gajah, saya ingat Menteri pun dah faham.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Saya kena elaborate sedikit tentang perkara ini sebab mungkin kerajaan ataupun kementerian terlepas pandang dalam perkara ini.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ia telah disebut oleh Yang Berhormat Sepang tadi.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: So, ini adalah sangat-sangat penting sebab perkara ini perlu dikaji semula. Ini adalah undang-undang yang saya lihat terutamanya seksyen 8 ini adalah cukup bahaya. Kalau kita tidak teliti dan kita tidak buat pindaan seksyen 8 ini, saya minta supaya Menteri mengkaji semula supaya seksyen 8 itu ditulis semula, supaya ia bersesuaian dengan keadaan dan mencapai aspirasi yang kita mahu capai. Ini adalah sangat penting, kalau tidak mungkin kita akan melakukan sesuatu kesalahan.

Apabila kita menangkap seseorang yang ada berdampingan dengan orang yang melakukan jenayah dan sebenarnya beliau tidak melakukan apa-apa kesalahan, dia tidak tahu apa-apa tentang aktiviti-aktiviti yang dilakukan oleh pesalah itu. Dia hanya ada berdampingan dan apabila dia kena tangkap, adalah menjadi masalah kepada beliau untuk membuktikan dalam mahkamah bahawa dia tidak tahu apa-apa berkaitan dengan aktiviti-aktiviti jenayah ataupun penggunaan senjata api dan sebagainya. Dia tidak tahu dan ini adalah bahaya. Saya mohon kepada Menteri supaya mengkaji balik seksyen 8 ini. Itu sahaja, terima kasih.

4.05 ptg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Terima kasih Yang Berhormat daripada Sepang dan juga daripada Batu Gajah. Sebenarnya Yang Berhormat, saya sangat prihatin dengan apa yang dibangkitkan oleh kedua-dua Yang Berhormat daripada Sepang dan Batu Gajah.

Pertama, Yang Berhormat menyebut persoalan hukuman yang kita letak di sini sebagai mempunyai *minimum sentence* dan tidak boleh dihukum kurang daripada itu dan maksimumnya memang kita tahu. Semua yang mempunyai latihan sebagai peguam Yang Berhormat, bila melihat perkara ini berlaku kita berasa bimbang kerana tidak ada memberi laluan budi bicara kepada pihak hakim semasa menjalankan kes itu di mahkamah. Akan tetapi biarlah saya mula dengan sedikit mukadimah. Tujuan saya semasa Yang Berhormat bercakap, saya tidak ganggu pun. Jadi saya berharap boleh juga dengar percakapan saya dengan tidak mengganggu.

Apabila seseorang itu ditangkap oleh pihak polis, penyelidikan yang rapi dibuat. Penyelidikan ini menerusi beberapa peringkat. Barang siapa yang mempunyai pengalaman dalam polis, dia mengetahui pegawai penyiasat akan memajukan kertas siasatannya kepada pegawai yang lebih kanan dan mungkin peguam di peringkat jabatan itu sendiri. Selepas penilaian ini, sudah pasti bahawa ada kes-kes yang tertentu akan diambil tindakan kepada yang telah ditangkap dan barulah kertas siasatan ini dimajukan kepada pihak DPP. Di peringkat DPP pula, penelitian yang lebih rapi lagi akan dibuat. Jadi dengan sendirinya Yang Berhormat, kita tidak akan menzalimi masyarakat.

Dalam satu ketika kita membuat perkara ini, saya bersetuju dengan Yang Berhormat bahawa kita jangan beri ruang langsung, kita boleh abuse ataupun menyalahgunakan kuasa di bawah undang-undang. Akan tetapi pada masa yang sama kita tidak juga boleh melihat bahawa pihak polis, pihak DPP itu telah hilang *the human side* of dia punya kehidupan. Jadi, kita kena percaya jugalah yang mereka ini tidak sebenarnya dalam jiwa mereka hendak mengenakan

sesiapa pun. Jadi penyelidikan itu tetap akan dibuat dengan seberapa rapi yang boleh sebelum seseorang itu dituduh di mahkamah. Jadi Yang Berhormat, masih panjang cerita saya Yang Berhormat.

Sebenarnya walaupun dalam undang-undang ini mengatakan bahawa *minimum sentence* itu berapa tahun dan maksimumnya berapa tahun. Maknanya kalau dia didapati bersalah di bawah undang-undang ini, hukuman yang bakal hakim beri kepada dia ialah minimum tetapi dalam masa yang sama Tuan Pengerusi, kuasa mahkamah dalam mengenakan hukuman kepada pesalah, dalam sudut lain tidak pernah diambil. Umpamanya di bawah seksyen 294 Kanun Tatacara Jenayah yang mana mahkamah boleh memberi bon berkelakuan baik, sama tempoh yang ditetapkan oleh mahkamah.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Sedikit sahaja.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Saya belum habis.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Sedikit sahaja sebab Timbalan Menteri cakap fasal bon ini, saya hendak cerita sedikit.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila Yang Berhormat Sepang.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya hendak katakan bahawa begitu juga yang berlaku dalam kes *drug* atau kes dadah. Kes dadah yang melibatkan hukuman 39 yang bukan hukuman mati, kesalahan *possession* itu. Memang ada hukuman yang mandatori seperti mana ayat ini dan tidak ada peruntukan mengenai '*bon over*'. Maknanya Menteri kata, kalau ikut yang Menteri kata tadi maknanya kita boleh '*bon over*' sebab kuasa budi bicara mahkamah untuk '*bon over*' itu tidak dihapuskan berdasarkan peruntukan am.

■1610

Saya rasa Menteri, *with due respect* saya rasa *I beg to differ* sebab dalam kes yang melibatkan *drug*, *wording* seperti ini mahkamah telah memutuskan *once you have a minimum sentence*, tidak boleh pakai lagi dah. Tidak boleh lagi pakai 294. Itu *interpretation* mahkamah. Sebab ia kata, *our hands are tied down*. Oleh sebab CPC is a general law, this is specific. Berdasarkan prinsip *specific overrides general law*.

So, saya khuatir apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri ini, mungkin Yang Berhormat Menteri bercakap di sini tetapi berlaku dalam mahkamah lain. Jadi, saya minta satu jaminan. Kalau betul apa Yang Berhormat Menteri kata *bon over* boleh pakai lagi, *there must be* ada satu peruntukan khusus dalam ini yang mencadangkan supaya hakim tidak memberi interpretasi yang berbeza seperti mana yang saya katakan tadi. Parlimen niat lain. Parlimen kata *bon over* 294 ataupun itu masih pakai lagi.

Akan tetapi kalau kita gunakan ayat ini, mahkamah kata, *our hands are tied down*. *I am sorry Council*, itu tidak boleh. *That's what happen* masa saya berhujah di Mahkamah Rayuan baru-baru ini. Saya kata boleh pakai. Dia kata tidak boleh. *I am sorry, my hands are tied down*. *We lost*. So, saya minta Yang Berhormat Menteri supaya consider benda ini. Saya tahu Yang

Berhormat Menteri seolah-olah macam boleh pakai tetapi apa yang berlaku di dalam mahkamah lain. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Ya, Terima kasih Yang Berhormat. Satu lagi saya hendak *put on record* Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Saya hendak *put on record* apa yang saya kata, penjelasan daripada saya ya. Kedua, di bawah seksyen 173(a), Kanun Tatacara Jenayah juga. Apabila mahkamah, saya minta izin baca dalam bahasa Inggeris, “*...finds that the charge is proved, but is of his opinion that, having regard to the character, antecedents, age, health, mental condition of the person charged, or that trivial nature of the offence, or to the extenuating circumstances under which the offence was committed, it is inexpedient to inflict any punishment or any other than a nominal punishment, or that it is expedient to release the offender on probation...*

Ini juga boleh diguna pakai oleh pihak hakim. Jadi Yang Berhormat, biar saya mengulas sedikit sahaja apa yang disebut oleh Yang Berhormat Batu Gajah. Selama 300 tahun Yang Berhormat, semenjak *Bill of Rights* diperkenalkan England pada tahun 1688 dan ditandatangani oleh King William of Orange pada tahun 1689, mahkamah dilarang meminta rekod mengetahui *what is the actual intention of Parliament* apabila meluluskan undang-undang di Parlimen. Hinggalah satu kes yang bernama *Pepper vs Hart* dalam 1990 yang memberi ruang supaya apabila hakim hendak memutuskan sesuatu dalam mahkamah, dia bertanya dia sendiri. Dahulu interpretasi untuk mengetahui *intention of Parliament* untuk memperkuat kuasakan undang-undang ialah berlandaskan *surrounding circumstances and within the four corners of the law*.

Akan tetapi selepas *Pepper vs Hart* dilaksanakan oleh *House of Lords* pada 1990, diberi ruang supaya mahkamah boleh menilik apa yang berlaku di dalam Parlimen. Jadi maknanya, kalau *Pepper vs Hart* itu yang saya tahu diiktiraf di Malaysia, itulah kenapa saya dimaklumkan satu undang-undang dipinda selepas *Pepper vs Hart* membuat keputusan pada tahun 1990. Ada pindaan undang-undang Malaysia dibuat. Makna, kita menerima hakikatnya bahawa *we can go back and see the Hansard, what the answer given by the minister in his tabling of the bill in explaining the rational behind the law and where the punishment can be meted as well* dalam undang-undang, dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, dalam keadaan yang sedemikian, niat Parlimen itu boleh dilihat. Itulah sebabnya saya tadi sebut *put on record what I said* yang bahawa seksyen 294 dan seksyen 173 di bawah Kanun Tatacara Jenayah ini masih *applicable*. Jadi, kalau lain kali Yang Berhormat, terdapat kes yang sama berlaku, kes di bawah ini undang-undang ini yang berlaku dan mahkamah kata hakim tak nak lihat ini. *Intention of Parliament* itu lain kata dia. Minimum ini yang dipakai. Akan tetapi apa Yang Berhormat Menteri sebut itu tidak pakai. *That means*, dia telah bercanggah dengan *Pepper vs Hart*. Kalau itu Yang Berhormat, kita balik ke Parlimen, lihat semula Yang Berhormat. *Not before*. Ini apa yang kita sebutkan tadi *the political will of the kerajaan* untuk melaksanakan undang-undang ini.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat Menteri, minta maaf Yang Berhormat Menteri. Saya rasa Yang Berhormat Menteri, *rather than every-* apabila kita berkata begitu Yang Berhormat Menteri, dengan penuh hormat, saya hendak mengatakan bahawa memanglah mungkin kita boleh berhujah begitu di mahkamah. Akan tetapi akhirnya mahkamah yang membuat keputusan. Mahkamah akan cakap *regardless the law is very clear.*

Oleh sebab itu saya mencadangkan *instead of* kita rujuk pada *Hansard* dan sebagainya yang kami pernah buat, saya pernah. Semasa seksyen 27(a) Akta Polis. Kita tahu ada perbezaan antara perhimpunan *public place* dengan *private place*. Saya mengatakan *private place* tidak perlu pun adanya permit. *That has been the intention of the Parliament.* Bila kita *argue* dekat mahkamah, mahkamah kata *no. That's not the intention of the Parliament* walaupun itu yang kita nampak begitu.

Saya mencadangkan, tidak salah kalau kita letak *specific provision* selepas seksyen 6 itu kita letak satu subseksyen, kita kata walaupun begitu, *section 173* masih lagi terpakai. 129(4) masih lagi terpakai. Maknanya, *binding over* masih terpakai. Lebih baik kita letak satu *explicit provision* dalam akta ini. Oleh sebab saya hendak kata begini, kadang-kadang mahkamah mereka sering menyalahkan Parlimen. Mereka mengatakan, “*You made our life so difficult. Why don't you just put clearly?*” So, kalau kita betul hendak letak *intention* kita, kita letak betul-betul. Senang. Tidak payahlah kita hendak menyuruh mahkamah ini meraba-raba mencari *intention*.

Saya hendak mencadangkan Yang Berhormat Menteri, tidak salah kalau kita letak itu supaya kita jelas dan mahkamah pun senang hendak buat kerja. Jadi, ketika itu saya rasa kita boleh katakan *minimum sentence* ini ada pengecualian seperti mana yang saya sebut tadi. Itu yang pertama. Keduanya Yang Berhormat Menteri, saya rasa daripada kita letak *minimum sentence*, *why not-* saya bersetuju kalau hukuman ini dia punya- *not less than ten years*. Saya bersetuju. Maknanya, kita bagi hukuman yang sampai maksimum dia boleh bagi sepuluh tahun. Tidak ada masalah.

Akan tetapi *once* kita letak *minimum sentence* ini, susah. Hakim pun susah. Kita peguam bela pun susah. Kadang-kadang kita hendak nasihat dia suruh mengaku salah tetapi dia kata, “*Might as well I take a chance*”. Kalau saya lawan pun mungkin saya terus lepas. Akan tetapi kalau saya mengaku salah, senang-senang lima tahun. So, saya mencadangkan Yang Berhormat Menteri, tidak salah untuk kita *review* benda ini. *There is no-* tidak ada benda yang hendak *rushing*. Kita ada masa.

Timbalan Yang di Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Sepang.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Terima kasih.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan saya ini sahajalah. Selepas itu nanti tetapi belum lagi Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bagi penjelasan. Sebenarnya saya mengetahui bahawa rang undang-undang ini dibentangkan di Dewan ini, baca kali yang pertama pada 25 September 2013. Jadi, kalau kita benar-benar serius, saya bukan menuduh Yang Berhormat ya. Serius hendak meminda ataupun mengisi perkara lain

dalam ini, berapa bulan yang kita ada boleh pinda. Akan tetapi kenapa sekarang pula hendak minta saya pinda? Jadi Tuan Yang di-Pertua, balik kepada apa yang saya sebut tadi. Tunggulah apa yang berlaku selepas ini nanti. Kita lihat Yang Berhormat. Terima kasih.

[Fasal-fasal 1 hingga 3 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang undang-undang]

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]

USUL-USUL MENTERI KEWANGAN

AKTA PERSATUAN PEMBANGUNAN ANTARABANGSA 1960

4.20 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]: Assalamualaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh, salam sejahtera, salam 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan;

“Bahawa Dewan ini mengikut peruntukan di bawah seksyen 5, Akta Persatuan Pembangunan Antarabangsa 1960 mengambil ketetapan supaya Malaysia buat sumbangan kepada Program Penambahan Dana ke-17, Persatuan Pembangunan Antarabangsa (IDA) sebanyak USD 27,000,000.”

Tujuan ketetapan ini adalah untuk mendapatkan kelulusan Dewan Rakyat bagi Malaysia membuat sumbangan berjumlah USD27,000,000 untuk Program Penambahan Dana ke-17 bagi *International Development Association* (IDA). IDA ialah sebuah institusi pinjaman kumpulan Bank Dunia yang ditubuhkan pada tahun 1960 untuk membantu negara-negara ahli yang miskin dengan memberi pinjaman jangka panjang berdasarkan syarat-syarat yang longgar dan tanpa *interest*, tanpa faedah.

Sumber kewangan IDA yang digunakan untuk membiayai program dan aktivitinya ialah melalui caruman tambahan modal, pindahan sebahagian pendapatan *International Bank for Reconstruction and Development* (IBRD), pendapatan bersih IDA dan sumbangan khas yang dibuat oleh negara-negara penderma. *International Development Association* (IDA) dianggotai oleh 172 buah negara ahli yang dibahagikan kepada dua kategori iaitu bahagian I meliputi negara-negara maju dan bahagian II meliputi negara-negara membangun dan kurang membangun. Malaysia yang berstatus negara membangun berpendapatan sederhana tinggi tergolong dalam bahagian II kategori ini. Struktur sumbangan IDA terbagi kepada dua iaitu sumbangan asas dan sumbangan sebagai penderma. Malaysia telah komited memberikan sumbangan asas iaitu langganan kepada IDA pada setiap pusingan penambahan dana sejak 1960 lagi.

Sumbangan ini bertujuan mengekalkan status negara ahli dan peratusan kuasa mengundi di dalam IDA. Peratusan kuasa mengundi Malaysia di dalam IDA sehingga 31

Disember 2013 ialah 0.36%. Pada Program Penambahan Dana IDA kali ini Malaysia berhasrat untuk melangkah ke dimensi baharu di arena antarabangsa dengan menjadi negara penderma. Malaysia di cadang menyertai Program Penambahan Dana ke-17 IDA sebagai negara penderma dengan sumbangan berjumlah USD27,000,000. Pembayaran bagi sumbangan ini akan dilakukan secara ansuran selama sembilan tahun bagi meminimumkan aliran tunai keluar dari negara iaitu USD3,000,000 setahun. Keputusan Malaysia untuk menjadi negara penderma *International Development Association* (IDA) adalah bersesuaian dengan status negara sebagai sebuah negara berpendapatan sederhana tinggi dan bertepatan dengan pendirian negara yang sentiasa menyokong pembangunan di negara sedang membangun.

Selain itu tindakan ini akan memberi peluang kepada negara untuk bersuara dan memberi input terhadap hala tuju pinjaman IDA. Langkah ini juga akan membantu negara mengambil bahagian dalam membentuk tadbir urus global dan seterusnya dapat mewakili kepentingan negara-negara miskin dan mudah terjejas terutamanya di rantau ini. Negara ASEAN lain yang turut mengambil keputusan untuk menjadi negara penderma IDA buat pertama kalinya ialah Indonesia dan Thailand. Singapura telah menjadi negara penderma IDA sejak tahun Program Penambahan Dana yang ke-13 manakala Filipina pula telah menyertai Program Penambahan Dana ke-16 IDA sebagai negara penderma.

Tuan Yang di-Pertua, Program Penambahan Dana ke-17 IDA bertemakan memaksimumkan impak pembangunan. Selaras dengan tema tersebut Program Penambahan Dana ini adalah penting bagi memastikan program-program pembangunan contohnya hospital, jalan raya, sekolah yang direncanakan oleh pihak IDA dapat dilaksanakan secara berterusan bagi membantu 82 buah negara-negara berpendapatan rendah di seluruh dunia demi mencapai pembangunan ekonomi yang seimbang. Selain itu dana yang terkumpul hasil daripada program ini juga akan digunakan bagi membantu negara yang mudah terjejas dan negara yang mengalami konflik ke arah pemulihan kestabilan ekonomi, politik dan meningkatkan keselamatan serta menambah baik kualiti persekitaran.

Penglibatan Malaysia sebagai negara penderma pada Program Penambahan Dana ke-17 IDA dilihat bersesuaian dengan keadaan semasa persekitaran ekonomi global yang tidak menentu dan telah banyak menjaskan pertumbuhan ekonomi dan pembangunan terutamanya negara-negara miskin dan mudah terjejas. Tindakan ini juga adalah sejajar dengan objektif pembangunan negara dan semangat kerjasama antarabangsa dalam membantu antara satu sama lain.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini disyorkan supaya Malaysia menyumbang sebanyak USD27,000,000 kepada Program Penambahan Dana ke-17, Persatuan Pembangunan Antarabangsa atau *International Development Association* (IDA). Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahimr]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang ini terbuka untuk bahas. Yang Berhormat Kepong, Yang Berhormat Tumpat lepas itu Menteri menjawab. Sila. Ya jiran sebelah ya, Yang Berhormat Kepong, dan Yang Berhormat Tumpat.

4.27 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, memang adalah langkah yang betul bagi Malaysia untuk menyertai IDA ini kerana kita saling bantu membantu dengan negara yang lain seperti yang berlaku dengan kemalangan MH370 pun ada banyak negara yang tampil ke hadapan untuk membantu kita. Walaupun kita belum lagi dapat mencari bangkai MH370. Jadi langkah ini adalah satu langkah yang dianggap betul.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang pentingnya daripada 170 buah negara ini ada 82 buah negara yang paling miskin dan 50% itu daripada Benua Afrika. Dengan memberi pinjaman, dengan syarat yang longgar, tanpa faedah ini, ini bermakna kita bagi sumbangan walaupun bermakna kita mesti boleh memantau keadaan. Ini sebab pada bulan Jun tahun lepas komitmen oleh IDA adalah USD16.3 bilion. Walaupun negara kita sedikit sahaja kalau berbanding dengan jumlah komitmen IDA ini tetapi kita mesti boleh memantau keadaan pinjaman ini. Kita mesti hendak tahu macam wang ini digunakan terutamanya di benua Afrika kerana di situ ada negara-negara seperti Somalia, Rwanda dan sebagainya sering kali kita nampak ada perang. Kalau ada perang macam mana kita beri bantuan pula. Saya memang berharap Yang Berhormat dapat memberitahu kepada negara ini macam mana pinjaman daripada IDA ini digunakan. Walaupun kita hendak perwakilan yang lebih tinggi, yang lebih bermakna sememangnya hasrat itu tidak salah tetapi kita mesti memastikan wang ini diguna dengan baik.

■1630

Sebab di negara kita pun kita nampak wang kadangkala digunakan dengan cara yang tidak betul juga. Kalau dibandingkan dengan negara yang miskin ini memang kita lebih baik tetapi pengurusan wang kita pun mesti dipertingkatkan juga sambil kita memerhatikan keadaan di Malaysia, kita pun memerhatikan keadaan di negara-negara yang miskin yang menerima pinjaman daripada IDA ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Tumpat.

4.31 ptg.

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya seperti juga Yang Berhormat Kepong berdiri untuk menyatakan sokongan kita. Kita menyokong. Mereka yang tidak sokong nampaknya di sebelah sana. Tidak adupun bangun hendak menyokong suatu tindakan, suatu keputusan dan suatu langkah yang baik yang dilakukan oleh negara kita dalam semangat hubungan baik...

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Sokong, jangan hendak tuduh orang lain tidak sokong pula.

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: ...Antara negara, antara manusia terutama sekali terhadap masyarakat yang miskin. Masyarakat yang dari segi perbandingan ekonominya berada dalam keadaan yang teruk berbanding dengan negara-negara besar. Ini suatu isu yang aneh juga Tuan Yang di-Pertua bahawa negara yang terkaya di dunia seperti juga masalah dalaman ekonomi kita menjadi bertambah kaya. Manakala negara-negara yang miskin menjadi bertambah miskin. Bank Dunia ini yang mana IDA adalah sebahagian daripadanya dikuasai menurut sebagaimana bayangan diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi dengan konsep-konsep peratusan kuasa mengundi itu. Oleh kerana Amerika Syarikat, Eropah dan Jepun antara negara-negara yang memberi sumbangan modal yang besar, mereka mempunyai kuasa mengundi yang besar dan ini bermakna mereka lah yang menentukan bagaimana wang Bank Dunia malah wang IDA ini hendak diagih-agihkan.

Jadi persoalan saya agak sama dengan Yang Berhormat Kepong tadi ingin bertanyakan Yang Berhormat Timbalan Menteri, menyebut bahawa kita cuba untuk meningkatkan kuasa kita, peranan kita, dan caranya melalui sumbangan seperti yang dipohon ini. Akan tetapi saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang bagaimana aktifnya kita untuk memastikan bahawa pengagihan pinjaman ini sebagaimana Yang Berhormat Kepong sebutkan tadi juga bertepatan dan efektif khususnya kepada negara-negara miskin dan khususnya negara-negara. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Kepong, negara-negara Afrika. Saya sebutkan dalam perbahasan-perbahasan yang lain misalnya negara *Central African Republic*.

Betul sebagaimana Yang Berhormat Kepong kata berperang dan sebagainya. Akan tetapi adakah kita mempunyai cara-cara yang tersendiri dan tertentu untuk dicadangkan kepada IDA ini bahawa mungkin punca peperangan ini sebahagiannya kemiskinan yang melampau dan oleh sebab itu kita perlu dengan baik dan efektif menyalurkan pinjaman untuk memastikan bahawa pekerjaan atau pendapatan yang bertambah akan diperoleh oleh rakyat negara-negara yang termiskin ini?

Saya juga ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, kali ini kita ingin meluluskan USD27 juta Amerika. Jadi dikira daripada awal lagi penglibatan kita sekarang ini sudah berapa jumlahnya sumbangan kita kepada IDA? Saya yakin sebelum penambahan yang ke-17 ini dalam penambahan-penambahan awal, mungkin kita juga telah pun memberikan sumbangan dan dicampurkan dengan USD27 juta ini, jumlah sekarang ini sudah berada di tahap jumlah yang sebanyak mana jumlah sumbangan kita.

Keduanya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya ini sumbangan kita melalui cara yang ditentukan oleh negara-negara di dalam Bank Dunia melalui IDA. Kita juga terlibat dalam sistem kewangan dunia lain khususnya *International Development Bank* (IDB) dan *Asian Development Bank* (ADB). Apakah kita juga ingin supaya penglibatan kita dan peranan kita bukan terhad melalui IDA ini sahaja? Adakah kita ingin bercadang misalnya kepada OIC dan IDB supaya IDB

juga mewujudkan suatu bentuk pinjaman mudah, pinjaman yang boleh membantu negara-negara Islam yang lebih miskin daripada negara-negara Islam yang lain.

Sumbangan-sumbangan negara-negara yang mempunyai *surplus petrol dolar* yang tinggi ini juga dilibatkan supaya ada versi IDA di IDB pula misalnya. Adakah Yang Berhormat Menteri yang bijaksana merancang untuk memikirkan hal ini supaya negara kita aktif terlibat bukan sahaja dalam *World Bank* dan IDA tetapi juga dalam institusi-institusi kewangan antarabangsa yang lain? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila Yang Berhormat Timbalan Menteri.

4.35 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]: Terima kasih kepada Yang Berhormat Kepong dan Yang Berhormat Tumpat yang mengambil bahagian. Saya ingin memaklumkan kepada Dewan ini bahawa wakil Malaysia ada dalam Lembaga Pengarah Eksekutif IDA dan Bank Dunia. Wakil Malaysia akan memantau program pinjaman IDA dan operasi IDA dan kuasa mengundi Malaysia juga dapat menentukan suara Malaysia dalam memantau operasi IDA sebagaimana kita tadi lebih kurang memaklumkan bahawa apabila kita menjadi negara penderma, maka Malaysia berpeluang untuk bersuara dan memberi input terhadap hala tuju pinjaman ini.

Kedua, kita dapat meningkatkan sumbangan melalui *International Bank for Reconstruction Development*. Ketiga, kita berpeluang mengambil bahagian dalam mereka bentuk semula agenda tadbir urus global. Keempat dapat meningkatkan imej negara dan yang kelima reputasi dan peranan Malaysia sebagai rakan pembangunan global boleh ditingkatkan.

Antara jumlah yang IDA ini telah sumbangkan sejak tahun 1960 ialah USD271 bilion kepada 108 buah negara. Jadi banyak dan sekarang ini 108 buah negara yang termiskin itu menjadi hanya 82 buah negara. Ia turun sudah daripada 108 buah kepada 82 buah negara. Wang itu digunakan untuk apa? Infrastruktur 38%, sebagai contoh buat jalan, buat jambatan, dan membantu negara-negara miskin itu. Untuk sosial seperti sekolah dan pendidikan 26%. Kemudian *agriculture* 8% iaitu pertanian, industri 4%, *finance* atau kewangan 3% dan 22% untuk kehakiman dan juga pentadbiran. Siapakah negara-negara yang utama yang menerima. Ada 10 buah negara utama selain daripada 82 buah negara yang disebut, ada 10 buah negara.

Negara	Jumlah (USD)
Vietnam	1.9 bilion
Bangladesh	1.5 bilion
Utopia	1.1 bilion
Nigeria	1 bilion
India	948 juta
Pakistan	744 juta
Kenya	615 juta
Tanzania	606 juta
Demokratik Republik Congo	532 juta
Myanmar	520 juta

Itulah antara negara yang utama yang mendapat pinjaman. Ia bukan geran tetapi pinjaman mudah dan jumlah setakat ini sebagaimana yang ditanyakan oleh Yang Berhormat Tumpat, sejak tahun 1960 jumlah dalam Ringgit Malaysia (RM) yang kita telah berikan sebelum ini ialah RM300,000 dan RM215,000, sudah sampai ke-16 kali. Satu kali pusingan ialah tiga tahun. Tahun yang banyak sekali ialah pusingan IDA ,15 tahun 2008 RM7 juta dan jumlahnya ialah RM16.6 juta. Akan tetapi kali ini kita menambah USD27 juta itu berjumlah RM87.75 juta. Ini kerana kita menjadi negara penderma. Sebelum ini bukan negara penderma.

Yang Berhormat Tumpat kita juga memberikan sumbangan banyak. Saya ada senarai sumbangan Malaysia di peringkat antarabangsa tetapi saya bacakanlah sebahagian yang penting-penting misalnya sumbangan kepada Sekretariat Asian, RM5 juta pada tahun ini. Sumbangan tahunan belanja mengurus Kedutaan Besar Palestin, kita bantu RM270,000 tahun ini. Sumbangan tahunan kepada *United Nations*, PBB itu banyak RM26 juta tahun ini. Sumbangan kepada Sekretariat *Organization of Islamic Conference* (OIC), RM4.6 juta pada tahun ini.

Itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

■1640

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Usul Yang Berhormat Menteri Kewangan seperti yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini di bawah perkara 4 hendaklah disetujukan.

[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan]

AKTA KASTAM 1967

4.40 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa yang diletakkan padanya oleh subseksyen (2), Seksyen 11, Akta Kastam 1967 supaya Perintah Duti Kastam yang dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai kertas statut bil. ST.14, ST.15, ST.16, ST.17 dan ST.18 tahun 2014 disahkan.

Pertama, Perintah Duti Kastam (Barang-barang di bawah Perjanjian Penubuhan Kawasan Perdagangan Bebas Antara ASEAN-Australia-New Zealand) 2013 P.U. (A) 378 yang diwartakan pada 27 Disember 2013. Perintah ini bertujuan untuk menggantikan perintah yang sama yang telah berkuat kuasa pada 1 Januari 2010. Perintah ini dipinda selaras dengan penguatkuasaan Perintah Duti Kastam 2012 yang baru berdasarkan *Harmonised System*, dengan izin HS 2012 yang telah menggantikan Perintah Duti Kastam 2007 yang berdasarkan *Harmonised System* 2007.

Kedua, Perintah Duti Kastam (Barang-barang Berasal dari Negeri-negeri ASEAN) (Tatanama Tarif Berharmonis ASEAN dan Perjanjian Perdagangan Barang ASEAN) (Pindaan) 2013 P.U. (A) 380 yang diwartakan pada 30 Disember 2013. Perintah ini bertujuan untuk melaksanakan pemansuhan nilai FOB dalam sijil tempat asal Borang D, *ASEAN Trade in Goods Agreement* (ATIGA) dalam kes yang mana *wholly obtained Change in Tariff Classification*, dengan izin atau peraturan proses digunakan dengan menambah peraturan baru 25 di dalam prosedur operasi persijilan bagi syarat kandungan tempat asal di bawah *ASEAN Trade in Goods Agreement Operational Certification Procedures (OCP) Rules of Origin* ATIGA dan meminda kotak 9 Borang D ATIGA. Pindaan di borang di ATIGA adalah dibuat supaya nilai FOB hanya diperlukan apabila nilai kandungan serantau terpakai bagi membolehkan anggota ASEAN untuk melengkapkan prosedur domestik. Mesyuarat Majlis AFTA ke-27 bersetuju dengan tarikh pelaksanaan pindaan Borang D ATIGA mulai 1 Januari 2014.

Ketiga, Perintah Duti Kastam (Barang-barang di bawah Perjanjian Rangka Kerja Kerjasama Ekonomi Komprehensif di antara Kerajaan Negeri-negeri Ahli Persatuan Negeri-negeri Asia Tenggara dan Republik Korea) (Pindaan) 2013 P.U. (A) 381 yang diwartakan pada 30 Disember 2013. Perintah ini bertujuan untuk melaksanakan pindaan ke atas Peraturan-peraturan 5, 6, 7 dan 10 dalam prosedur operasi persijilan dan meminda kotak 9 sijil tempat asal serta menambah muka surat baru dalam borang yang berkenaan di bawah Perjanjian ASEAN-Korea Free Trade Area (AKFTA) bagi tujuan perubahan prosedur domestik antara negara anggota ASEAN dan Korea di bawah AKFTA. Tarikh pelaksanaan pindaan ke atas borang baru tersebut adalah mulai 1 Januari 2014 dengan tempoh peralihan sehingga 30 Jun 2014.

Keempat, Akta Perintah Kastam (Duti Anti-Lambakan) (No. 4) 2013 P.U. (A) 390/2013 yang diwartakan pada 31 Disember 2013. Perintah Kastam (Duti Anti-Lambakan (No. 4) 2013 bertujuan mengenakan Duti Anti-Lambakan muktamad ke atas *seven wires pre-stressed concrete strand*, dengan izin, *PC Strand* pada kadar di antara 5.93% hingga 8.71% bagi pengimportan barang tersebut dari Republik China dan Duti Anti-Lambakan muktamad berkenaan dibuat selaras dengan peraturan di bawah Akta Duti Timbal Balas dan Anti-Lambakan 1993 dan berkuat kuasa mulai 5 Januari 2014 hingga 4 Januari 2019.

Kelima, Akta Perintah Kastam (Duti Anti-Lambakan Sementara) (No. 2) 2013 P.U. (A) 349/2013 yang diwartakan pada 29 November 2013. Perintah Kastam Duti Anti-Lambakan Sementara (No.2) 2013 bertujuan mengenakan Duti Anti-Lambakan Sementara selama empat bulan iaitu mulai 30 November 2013 kepada 29 Mac 2014 ke atas *cellulose fibre reinforced cement flat and pattern sheets* atau *cement board* pada kadar di antara 13.96% hingga 63.1% bagi negara Thailand untuk melindungi industri tempatan yang mengeluarkan produk serupa. Duti Anti-Lambakan Sementara berkenaan dibuat selaras dengan peraturan di bawah Akta Duti Timbal Balas dan Anti-Lambakan 1993. Kedua-dua bahan ini ialah bertujuan untuk pembinaan, pembinaan jambatan khasnya dan juga bahan satu lagi ialah untuk pembinaan dinding, pembinaan rumah, kilang, projek-projek komersial lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, ada yang menyokong?

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri]: Saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang ini terbuka untuk dibahas.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: *[Bangun]*

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, dua juga. Yang Berhormat Kepong dan Yang Berhormat Tumpat, sila. Selepas itu Menteri menjawab.

4.46 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, walaupun Usul ini tidak begitu berbaur politik, itu penting kerana kutipan hasil daripada duti kastam dan eksais ini kalau tidak silap saya, meningkat kepada RM35 bilion tahun ini. Kalau tidak pun RM37 bilion dan ini bukan satu kutipan yang kecil. Kita pun ada lihat pihak kerajaan sedang berusaha untuk mendapatkan hasil bukan sahaja daripada duti kastam dan eksais bahkan juga melalui GST. Mungkin satu hari, hasil daripada GST akan meningkat kepada RM35 bilion ataupun RM40 bilion. Itu memang kita menjangkakan akan berlaku pada tahun-tahun hadapan.

Walau bagaimanapun, kalau kita hendak bahaskan dengan panjang lebar, memang tidak habis hari ini Tuan Yang di-Pertua. Misalnya kertas statut 14, begitu tebal. Ini memang mengenai Perintah Duti Kastam (Barang-barang di bawah Perjanjian Penubuhan Kawasan Perdagangan Bebas Antara ASEAN-Australia-New Zealand). Saya tidak mahulah meneliti semua kerana ini jam 5.30 petang tidak akan kita kembali ke rumah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, kalau tidak mahu, bagi Yang Berhormat Tumpatlah.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tidak, tidak. Itu cuma kita tidak mahu *[Ketawa]*. Bukan tidak mahu sentuh sedikit supaya Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh jawablah kerana kita mengambil perhatian mengenai begitu pentingnya hasil daripada kastam dan eksais kita dan di sinilah Tuan Yang di-Pertua, kita nampak kerana sekarang Australia membantu kita. Memang dengan pusat agensi penyelarasan di Australia itu sedang membantu kita hendak cari bangkai MH370 dan dengan demikian, kita mesti mengambil perhatian juga dengan perjanjian kawasan perdagangan bebas ini dengan Australia dan New Zealand dan di sinilah. Ini termasuk banyak itu misalnya di sini, satu contoh sahaja. *Fish of the families Bregmacerotidae and so forth. Cod, haddock, coalfish and so forth.* Tilapia kerana kita pun ada tilapia sendiri bukan? Kalau tidak silap saya, hendak kita eksport kepada Australia dan New Zealand, memang tidak mudah kerana mereka ada syarat yang ketat.

■1650

Sebaliknya apabila makanan ini diimport kepada Malaysia, lebih mudah. Memang lebih mudah. Di sinilah contoh mengenai Kertas Statut 14 ini. Seterusnya, kita ada banyak lagi mengenai Kertas Perintah 15 yang disebutkan mengenai Tari Berharmoni ASEAN ini setiap tahun ada. Cuma ditambahkan tahun ini pula. Bolehkah Yang Berhormat terangkan, pada tahun ini apakah yang kita tambah selain daripada *certificate of origin FOP* dan sebagainya. Ini Kertas 15 dan Kertas 16 mengenai Kerjasama Ekonomi Komprehensif di Asia Tenggara dan *Republic of Korea*.

Tuan Yang di-Pertua, ini penting kerana *Republic of Korea* itu lebih dikatakan agresif mengenai perdagangan mereka. Saya percaya sekarang mereka lebih cekap, efisien berbanding dengan kita. Kalau tahun 50-an atau 60-an, dia kurang efisien tetapi sekarang bukan sahaja k-pop tetapi itulah.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, ya. Sila Yang Berhormat Kepong ya.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, itu melanggar peraturan mesyuarat.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Melanggar itu. Apa kita boleh buat dengan sikap sedemikian?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, kita boleh minta Yang Berhormat lain diam. Sila.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ini mengenai itu. Seterusnya perkara 17 ini. Ini Anti Lambakan. Ini penting mengenai *prestressed concrete* dan juga *reinforcement cement board* dan sebagainya kerana kita sendiri ada kilang besi, baja dan juga memang daripada negara China, harganya lebih murah berbanding dengan kita dan kita memang perlu mengadakan satu pentas *custom duty* Anti Lambakan. Akan tetapi dengan MH370 ini, kemalangan kita ini, hampir 50% penumpang itu daripada China.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: *[Menyampuk]*

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Melanggar peraturan. Melanggar peraturan. Kita tidak sampai jam 5.00 pun.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *Point of order*, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Putatan kacau Yang Berhormat Kepong.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila, sila.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Kita boleh mempelbagaikan pandangan kita.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, kita ada Peraturan Mesyuarat 35(1). Bila berucap menghadap kepada Speaker.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Kebanyakan iaitu 95% saya menghadap Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi kerana ada kekacauan, apa boleh buat? Kita dengar juga. *[Disorak]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Kita dengar juga kerana hendak tahu punca kacau bilau itu. Saya pun tahu Yang Berhormat Kinabatangan pun bangun juga walaupun tidak dapat izin.

Jadi saya berharap daripada Yang Berhormat kerana hendak pendekkan masa mengenai *prestressed concrete* dan juga *cement board* ataupun kita hendak longgarkan untuk mengambil hati pihak negara China pula kerana berlakunya malapetaka. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila Yang Berhormat Tumpat.

4.54 ptg.

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sekali lagi. Saya bangun untuk membahaskan usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu Kertas-kertas Statut 14, 15, 16, 17, dan 18. Walaupun ada satu usul, ia melibatkan lima Kertas Statut. Daripada lima Kertas Statut itu, tiga mempunyai arah tujuan yang berlainan dengan dua statut yang lain. Secara umumnya, sebagaimana Yang Berhormat Kepong sebutkan tadi, statut 14, 15, dan 16 adalah berkaitan dengan hal-hal teknikal seperti borang dan sebagainya kerana kita mengurangkan duti, cukai dan sebagainya di kalangan negara-negara ASEAN, di kalangan ASEAN dengan Australia dan New Zealand dan di kalangan ASEAN dengan Korea Selatan.

Ini adalah perkembangan yang sudah tentu sihat dari sudut kita mendapat keuntungan bersama dalam perniagaan antarabangsa yang berkembang. Jadi kita kurangkan cukai dan kita buat prosedur-prosedur yang diperlukan. Dua statut lagi bercanggah. Kita menaikkan cukai. So dalam satu usul, dua prinsip yang berlainan. Kita menaikkan cukai, menambahkan cukai. Mungkin satu sebabnya ialah timbal balas sebagaimana nama akta duti ini. Bermakna dia buat kepada kita dan kita buat juga kepada dia. Saya faham begitulah. Ataupun kerana kita mengesyaki dan sudah tentu ada bukti ini adalah suatu perbuatan lambakan barang-barang mereka.

Saya ada dua isu, Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya, kita ingin dalam Kertas Statut yang ke-18 mengenakan kepada negara Thailand. Empat pengekspor pengeluar itu.

- (i) Mahaphant Fibre-Cement Public Company Limited;
- (ii) Siam Fibre-Cement Company Limited;
- (iii) Conwood Company Limited;
- (iv) Lain-lain syarikat.

Maknanya empat kategori berkaitan dengan perkara sebagaimana Yang Berhormat Timbalan Menteri sebutkan tadi dalam bidang *construction* atau pembinaan. Thailand ini negara ASEAN dan ASEAN pada tahun 2015 kita isytiharkan ASEAN Community. Maknanya bebas dagang dan sebagainya. Jadi apa implikasinya? Walaupun arahan Anti Lambakan kepada Thailand ini sudah pun tamat tempohnya. Saya baca perintah ini berkuat kuasa 30 November 2013 hingga 29 Mac 2014. Sudah pun tamat tetapi implikasinya apa kalau kita masih lagi dengan negara-negara jiran ini untuk beberapa bulan yang tertentu.

Misalnya sebagaimana November 2013 hingga Mac 2014 ini mengenakan tindakan-tindakan Anti Lambakan dan Duti Timbal Balas ini. Ini kerana ini negara ASEAN yang mana tahun 2015 ini kita komited untuk wujudkan ASEAN Community dan saya pohon Yang Berhormat Timbalan Menteri ulas apakah persiapan kita dan persediaan kita untuk benar-benar menjayakan ASEAN Community tahun 2015 ini.

Tambahan pula tahun 2015 kita juga akan menjadi Pengerusi ASEAN. Jadi implikasinya, tanggungjawabnya besar. Peringkat negara kita, peringkat ekonomi perdagangan kita dan peringkat peranan kita sebagai pemimpin serantau nanti dengan kita menjadi Pengerusi Negara ASEAN. Begitu juga secara umumnya soalan kedua saya ialah masalah Duti Timbal Balas, Anti Lambakan ini sebagaimana Yang Berhormat Kepong bayangkan tadi ialah kerana mereka mengeksport ke negara kita dan harga mereka murah. Lebih murah daripada kita. Satu lagi masalah. Bila dan apakah masalahnya dan kenapakah, serta sampai bilakah bahan-bahan kita, keluaran-keluaran kita akan terus menjadi lebih mahal daripada keluaran negara-negara lain.

Kalau bidang pembinaan, kita menghadapi harga rumah dan bangunan yang terus meningkat. Kerana apa? Kerana kononnya bahan pembinaan, harganya tinggi dan sebagainya, ini kita mempunyai orang yang mengimport dan negara yang mengeksport bahan-bahan binaan yang murah daripada yang kita mampu keluarkan oleh negara kita sendiri. Jadi apakah dasar ini agak bercanggah dengan kepentingan umum rakyat yang inginkan misalnya perumahan yang lebih banyak. Oleh itu harga rumah yang lebih murah dan sebagainya dengan kita menyekat dan mengenakan duti yang lebih kepada orang yang boleh mengimport bahan-bahan binaan misalnya yang lebih murah daripada yang sedia ada dalam negara kita.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila Yang Berhormat Timbalan Menteri.

■ 1700

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]: Terima kasih sekali lagi kepada Yang Berhormat Kepong dan Yang Berhormat Tumpat. Satu perkara yang ingin dimaklumkan di sini bahawa ASEAN Trade in Goods Agreement (ATIGA) yang kita pinda adalah untuk menambah baik peraturan tempat asal untuk menjadi lebih telus dan mudah difahami oleh pengeksport dan memudahkan lagi perdagangan sesama ASEAN, itu yang pertama.

Kedua, Skim Perakuan Sendiri Sijil yang di mana pengesahan Borang D yang baru itu dilakukan oleh pengeksport sendiri dikeluarkan oleh pihak berkuasa kerajaan untuk memotong *red tape* ataupun birokrasi. Ketiga harmoni sasi standard dan memaju untuk melaksanakan peraturan pengiktirafan bersama bagi produk-produk tertentu yang dikenal pasti. Perpindahan daripada harmoni sistem 2007 hingga harmoni sistem 2012 yang berlaku dalam statut itu hanya melibatkan perubahan struktur kepada tarikh sahaja.

Kemudian perdagangan Australia, New Zealand bersama Malaysia ini dari segi perspektif perdagangan, jumlah perdagangan 2013 sebanyak RM52.7 bilion. Jumlah eksport

Malaysia ke Australia dan New Zealand berjumlah RM33.52 bilion dan jumlah import Malaysia dari Australia dan New Zealand RM19.23 bilion. Jadi kita mengalami lebihan dagangan yang untung sebelah kita sebanyak RM14.29 bilion menyebelahi Malaysia dan apabila kita melakukan harmoni sistem ini maka ada peningkatan akses bagi barang Malaysia bagi menembusi pasaran Australia dan New Zealand dengan pengurangan taraf import. Kita juga memansuhkan halangan-halangan bukan tarif ke atas eksport barang Malaysia dan New Zealand.

Sementara untuk negara Korea pula perdagangan kita dengan Korea banyak juga. Dari segi eksport 2012 USD8.2 bilion, import USD8 bilion. Jumlah dagangan USD16.2 bilion dan kita ingin meneruskan penjualan-penjualan dan kita ada dipanggil *product sensitive* buah-buahan tropika, produk berasaskan kimia, tayar, tekstil, barang seramik, besi keluli, mesin produk automotif yang kita juga eksport ke Korea. Pada ketika yang sama kita ingin mendapatkan kebaikan-kebaikan daripada perdagangan dengan Korea ini seperti termasuklah pelancongan, pembinaan, penjagaan kesihatan, pertanian dan telekomunikasi. Segala-galanya ini membantu apabila kita melakukan pindaan-pindaan yang kita lakukan ini.

Dari segi duti anti lambakan ini kita telah membuat kajian sebenarnya. Berlaku kemudaratan material apabila dilambakkan wayar *PC strand* ke Malaysia ini oleh negara China. Kemudaratan itu penurunan dalam jualan, pemotongan harga, tahap produktiviti kapasiti rendah, kehilangan keuntungan, ketidakupayaan menambah modal, kemerosotan dalam pulangan pelaburan dan syarikat pengeluar Malaysia yang membuat petisyen itu iaitu Southern PC Steel dan Kiswire Sdn Bhd. Kita kena melindungi syarikat ini dan kita kenakan cukai anti lambakan. Walaupun ialah sebagaimana disebut tentang MH370 tetapi ini ialah perkara yang berasingan walaupun ada kaitan.

Mengenai kata Yang Berhormat Tumpat ini masih dalam siasatan yang dengan Thailand itu masih dalam siasatan. Ia belum dimuktamadkan, jika kita siasat ada lambakan maka kita akan kenakan duti import yang tertentu tetapi kalau kita siasat tidak ada lambakan maka tidaklah berlaku kerana kita menerima petisyen daripada syarikat-syarikat dalam negara kita. Kita kena membantu mereka supaya mereka tidak gulung tikar dan dilambakkan terlalu banyak di tempat kita ini. Produk-produk itu walaupun pada ketika yang sama kita tahu bahawa kita memerlukan produk untuk pembuatan rumah yang murah tetapi tidak semesti barang itu berkualiti. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Usul Yang Berhormat Menteri kewangan seperti yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini di bawah Perkara 5 yang telah dibentangkan sebagai Kertas Statut Bilangan ST.14, ST.15, ST.16, ST.17 dan ST.18 Tahun 2014 disahkan hendaklah disetujukan.

[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan]

AKTA CUKAI JUALAN 1972**5.06 ptg.**

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]: Ini yang terakhir Tuan Yang di-Pertua ringkas sahaja. Saya mohon mencadangkan bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa yang diletakkan kepadanya iaitu subseksyen (2) seksyen 15, Akta Cukai Jualan 1972, Perintah Cukai Jualan yang dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai kertas statut bilangan ST.27 Tahun 2014 disahkan. Perintah Cukai Jualan ini bertujuan untuk memindahkan Jadual Pertama Perintah Cukai Jualan kadar cukai Nombor 2 2012 kepada Jadual (A) Perintah Cukai Jualan Pengecualian 2013 selaras dengan kesesuaian perundangan di bawah Akta Cukai Jualan 1972.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim [Muar]: Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang ini terbuka untuk dibahas.

[Tiada Perbahasan]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya timbulkan masalah kepada Majlis seperti diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul Yang Berhormat Menteri Kewangan seperti yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini di bawah Perkara 6 yang telah dibentangkan sebagai kertas statut bil. ST.27 tahun 2014 disahkan hendaklah disetujukan.

[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ahli-ahli Yang Berhormat Sidang Mesyuarat Kedua Penggal Pertama Parlimen ke-13 telah berlangsung selama 20 hari mulai daripada 10 Mac 2014 hingga 10 April 2014. Saya bagi pihak Tuan Yang di-Pertua ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah memberi kerjasama bagi membolehkan perjalanan Majlis Mesyuarat dapat disempurnakan. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih dan penghargaan kepada semua pegawai kerajaan, pegawai Parlimen Malaysia, wakil media massa serta semua pihak yang turut terlibat dalam pengendalian urusan Majlis Mesyuarat sepanjang tempoh Dewan kali ini bersidang.

Akhir kata saya mengucapkan selamat pulang dan selamat sampai ke destinasi masing-masing. Ahli-ahli Yang Berhormat Mesyuarat Dewan pada hari ini ditangguhkan hingga ke suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 5.08 petang.]